

"PENCAPAIAN guru-guru yang menerima anugerah kecemerlangan sempena Hari Guru hendaklah dijadikan model dan benchmark kepada guru-guru yang lain. Dan benchmark itu sewajarnya tidak statik kerana kita ingin melihat pencapaian guru bertambah meningkat dari tahun ke setahun bagi kebaikan pendidikan." - Titah sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-13 pada 23 September 2003.

# Pelita **قلیتا برونی** BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"DARIPADA Sahai Ibnu Mub'at Ibnu An'aa, daripada bapanya Radiallahuanhum sesungguhnya Nabi Sallahullahi Alaihi Wasallam berseberang Berangalapa yang mengajarkan satu ilmu maka baginya pahala orang yang mengamalkan ilmu tersebut bape mengurangkan pahala orang yang mengamalkannya sedikit pun." - Mukadimah Rasullah Sallahullahi Alaihi Wasallam.

TAHUN 50 BILANGAN 39

RABU 28 SEPTEMBER 2005/1426 رابو 24 شعبان

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

## KAWALAN PENDIDIKAN AGAMA KEMBALI KE KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Liputan Haji Timbang Bakar  
timbang.bakar@information.gov.bn  
dan Noor Khadijah Tengah

BERAKAS, Sabtu, 24 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan bersabda, mulai penggal pertama persekolahan tahun 2006, kawalan ke atas sekolah-sekolah agama dan Sekolah-sekolah Menengah Arab termasuk Maktab Perguruan Ugama dikembalikan ke Kementerian Hal Ehwah Ugama.

Sejak Sistem Pendidikan Bersepadu diperkenalkan di negara ini, sekolah-sekolah agama, sekolah-sekolah Arab dan Maktab Perguruan Ugama diserapkan pengawalannya di bawah Kementerian Pendidikan.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi, walaupun secara relatifnya sudah banyak yang kita capai dalam bidang pendidikan, namun sikap tidak lekas berpuas hati dengan pencapaian yang ada, masih perlu dikekalkan, kerana sifat ilmu itu sendiri menghendaki kita demikian, di mana ia terus berkembang tanpa titik penghujung.

Justeru itu, Duli Yang Teramat Mulia mengharap supaya seluruh warga pendidik di negara ini, akan sentiasa menajamkan alat pendidikan iaitu kecekapan masing-masing, supaya negara ini lekas memper-

olehi hasilnya. Pendidikan yang berjaya pasti melahirkan anak didik yang berjaya pula.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian di Majlis Sambutan Hari Guru Ke-15 di Pusat persidangan Antarabangsa (ICC) di sini pagi ini.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia, seperti juga pada tahun-tahun yang lalu, sambutan ini adalah sebagai tanda penghargaan kepada semua warga guru atas sumbangan mereka yang berharga kepada pembangunan dan perkembangan sumber tenaga manusia.

Sehubungan itu, Duli Yang Teramat Mulia menaruh keyakinan mereka akan meneruskan komitmen secara tulus ikhlas untuk menyumbangkan apa sahaja yang terbaik dalam pendidikan negara.

Menyentuh mengenai tema Sambutan Hari Guru tahun ini, 'Guru Pengasas Kejayaan', Duli Yang Teramat Mulia bersabda ia benar-benar mencerminkan peranan guru sebagai pencorak masa depan bangsa.

Tema yang indah ini, tegas Duli Yang Teramat Mulia, janganlah hanya untuk diungkapkan sahaja, tetapi wajar diterjemahkan menjadi sikap yang benar-benar tulus terhadap guru. Sebagai pengasas dan pen-

cetus kejayaan, para guru memang patut dihargai, sekurang-kurangnya dengan ucapan terima kasih dan doa terhadap mereka.

Menurut Duli Yang Teramat Mulia lagi, tugas mendidik atau mengajar bukanlah satu kerjaya atau profesion biasa, tetapi ia juga satu kewajipan besar lagi mencabar yang dibebankan oleh negara. Ia akan menjadi ibadat istimewa sekiranya ia ditunaikan dengan sebaiknya.

Kerana itu walaupun ia berat, namun bagi mereka yang memahami hikmatnya, akan tetap menggemari serta merasa puas dengannya, di mana kepuasan itu pula akan lebih melonjak lagi apabila mendapati anak-anak didik beroleh kejayaan.

Lihat muka 16



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan berkenan menganugerahkan Anugerah Guru Berjaya kepada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Cikgu Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf sempena Majlis Sambutan Hari Guru Ke-15. (Lagi berita dan gambar-gambar di muka 8 dan 9).

## DYTM berkenan menerima mengadap Timbalan Presiden Republik Rakyat China

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan petang ini

berkenan menerima mengadap Timbalan Presiden Republik Rakyat China, Puan Yang Terutama Wu Yi yang dalam rangka lawatan ke negara ini selama tiga hari. Majlis berlangsung di

Istana Nurul Iman di sini. Puan Yang Terutama Wu Yi diiringi oleh Menteri

Oleh Haji Dayang Haji Kasim  
dayang.kasim@information.gov.bn

Perdagangan Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Bo Xilai dan Duta Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yang Yanyi.

Juga turut mengiringi Puan Yang Terutama ialah Menteri Hal Ehwah Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng dan Timbalan Menteri Perhubungan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yusof bin Abdul Hamid selaku Menteri Pengiring.

Turut hadir di Majlis Mengadap tersebut ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwah Luar Negeri dan Perdagangan, Pengiran Dato Paduka Haji Osman.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan bersalaman bersama Timbalan Presiden Republik Rakyat China, Puan Yang Terutama Wu Yi sejeurus tiba bagi Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

KASIH SAYANG,  
TERSEMAI  
KELUARGA  
RUKUN DAMAI

ANTARA  
YANG  
MENARIK

Hasrat Negara: Persekitaran selesa, guru yang berpengalaman jadi tarikan pelajar

- Muka 2

Melirik Masa Silam: Semakin jauh semakin dekat

- Muka 6

Sambutan Hari Guru Ke-15

- Muka 8 dan 9

Bersama memelihara kemudahan awam 'Memungut, mencuri merupakan sikap keji dan tidak bertanggungjawab'

- Muka 2 ANEKA

Tabung Mangsa Taufan Katrina ditubuhkan

- Muka 8 ANEKA

Kawasan larangan bermain layang-layang Daerah Brunei dan Muara

- Muka 16 ANEKA

TAHUKAH AWDA

ANTARA Dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam ialah menyediakan pendidikan selama dua belas tahun bagi setiap pelajar iaitu tujuh tahun pendidikan rendah termasuk setahun pra-sekolah; tiga tahun di menengah bawah dan dua tahun di menengah atas atau sekolah vokasional atau maktab teknik. Menurut Perangkaan Pendidikan 2004, terdapat 103,441 orang penuntut dan 8,215 tenaga pengajar. Manakala jumlah sekolah, maktab, institusi kerajaan dan swasta pula sebanyak 379 buah iaitu peringkat rendah (123), sekolah agama khas (43), peringkat menengah (28), peringkat teknikal dan vokasional (6), peringkat tinggi (UBD, ITB) (2), sekolah bukan kerajaan (169), sekolah persediaan Arab (7) dan Maktab Perguruan Ugama (1). - Sumber: [www.pendidikan.gov.bn/statistics/index.htm](http://www.pendidikan.gov.bn/statistics/index.htm) & [www.pendidikan.gov.bn/policy/htm](http://www.pendidikan.gov.bn/policy/htm).

### PENGLIHATAN HILAL RAMADAN 1426H/2005M

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 September. - Mahkamah Syariah memaklumkan bahawa Hakim-hakim Syarie dan pegawai-pegawai Mahkamah-mahkamah Syariah dan pegawai-pegawai dari Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri serta pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwah Ugama dengan kerjasama pegawai-pegawai Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, akan melakukan penglihatan anak bulan Ramadan 1426H pada petang hari Isnin, 29 Syaaban 1426H bersamaan 3 Oktober 2005M di tempat-tempat seperti berikut:

1. Bukit Shahbandar, Jerudong, Daerah Brunei dan Muara.
2. Bukit Lumut, Daerah Belait (berseberangan BLNG).
3. Padang Tembak, Bukit Agok, Daerah Tutong.
4. Bukit Ambok, Daerah Tutong.



28 SEPTEMBER 2005 BERSAMAAN 1426 24 شعبان

**GURU PENCORAK  
MASA DEPAN BANGSA**

**P**ADA 24 September lalu, Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Sambutan Hari Guru kali ke-15. Sambutan tahunan itu diraikan pada setiap menjelang 23 September. Perhimpunan terbesar yang menemukan seluruh lapisan guru di negara ini diadakan bagi memperingati jasa-jasa kaum guru selaku pendidik, pengasuh dan pemimpin kepada anak-anak bangsa dan masyarakat. Tegasnya sambutan itu adalah sebagai tanda penghargaan kepada semua warga guru atas sumbangan mereka yang berharga kepada pembangunan dan perkembangan sumber tenaga manusia dalam membentuk bangsa Brunei yang berilmu pengetahuan.

Kita perlu memahami, sungguhpun dunia kini dikuasai oleh kecanggihan teknologi, namun demikian kecanggihannya belum cukup untuk menggantikan peranan guru sebagai pendidik dalam apa pun bentuk perubahan zaman. Pendidikan moden akan terus memerlukan khidmat guru, istimewa guru-guru yang benar-benar komited dengan tanggungjawab mereka sebagai guru. Maka ke arah itu, para guru perlulah sentiasa berada di hadapan dalam bidang ilmu, kemahiran-kemahiran dan akhlak yang mulia. Guru-guru yang berjaya ialah mereka yang sentiasa mempertingkatkan kualiti kemahiran dengan menjadikan pendidikan sebagai amalan sepanjang hayat. Dalam erti kata yang lain di bahu merekalah terletaknya kewajipan membina dan membentuk manusia, bukan seperti membentuk warna-warni bagi seorang pelukis, tetapi membentuk jiwa, disiplin dan peribadi ummah.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan semasa bersabda di Sambutan Hari Guru baru-baru ini menekankan bahawa tugas mendidik atau mengajar, bukanlah satu kerjaya atau profesion biasa tetapi satu kewajipan besar lagi mencabar yang dibebankan oleh negara. Begitulah beratnya peranan dan tanggungjawab guru untuk merealisasikan pencapaian pendidikan yang sebanding dengan negara-negara maju, di samping untuk menghasilkan sumber tenaga manusia bagi menjana pembangunan negara di masa akan datang.

Di dalam masyarakat yang sering berubah, yang sentiasa terdedah kepada aneka kemajuan dan perubahan, peranan guru tetap diperlukan. Ia berfungsi sebagai 'calak zaman' di mana masyarakat itu sedang berkembang. Calak yang dibentuk itu tentunya akan melahirkan generasi pewaris kepimpinan negara yang cemerlang. Demikianlah hebatnya peranan para guru dan sehebat itulah juga harapan rakyat dan negara. Namun, kita penuh percaya mereka akan meneruskan komitmen secara tulus ikhlas untuk menyumbangkan apa saja yang terbaik dalam pendidikan negara.

Status dan kehebatan guru akan terus kukuh dan tinggi sekiranya para guru benar-benar mahu memelihara sifat keguruan dalam masyarakat. Mereka mesti terus mempertahankan keunggulan guru, di samping bersedia menjadi contoh dan teladan yang baik kepada masyarakat. Mereka mestilah sentiasa mempertahankan imej sebagai pendidik, jangan sampai ada guru-guru yang menjadikan profesion perguruan sebagai pilihan terakhir, bahkan mereka perlu menjadi pencetus dan pencorak masa depan bangsa.

Walaupun secara realtifnya sudah banyak yang kita capai dalam bidang pendidikan, tetapi hendaknya kita jangan lekas berpuas hati dengan pencapaian yang ada kerana masih banyak yang perlu dikekalkan, kerana sifat ilmu itu dinamik dan terus berkembang tanpa noktah. Untuk itu kita berharap agar seluruh warga pendidik akan sentiasa mempertajam mekanisme pendidikan dan pengajaran agar negara cepat menuai hasilnya. Kita penuh optimis pendidik yang berjaya sudah pasti melahirkan masyarakat yang berilmu dan berkemahiran.

Sebagai masyarakat pula amatlah wajar bagi kita sekurang-kurangnya mengucapkan 'terima kasih' kepada para guru yang telah berjaya membentuk kita menjadi manusia yang berguna kepada bangsa dan negara. Jangan sampai seperti kata pepatah Melayu 'kacang lupukan kulit'. Sebagai pencetus dan pengasas kejayaan, mereka selayaknya dihargai dan dikenang setiap masa, ini bersesuaian dengan tema Sambutan Hari Guru tahun ini iaitu 'Guru Pengasas Kejayaan'.

Tidak syak lagi matlamat pendidikan negara banyak bergantung kepada kualiti dan kecemerlangan para pendidik itu sendiri. Tegasnya guru yang berkualiti dan cemerlang bukan hanya mampu memberikan pengajaran yang berkesan tetapi juga dapat membantu di dalam mempengaruhi pembentukan kehidupan masa depan anak-anak didik mereka melalui proses evolusi pendidikan. Semogalah Hari Guru yang diraikan setiap tahun sejak 1991 itu terus menjadi pencetus bagi menyumbangkan khidmat bakti untuk membawa kecemerlangan pendidikan yang sepenuhnya dalam mendukung aspirasi bagi kemakmuran, keamanan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam. Hari Guru akan tetap menjadi wadah bagi kita mengenang dan menghargai jasa-jasa para guru kita selaku pendidik, pengasas dan pencetus kejayaan bangsa.

**SELAMAT MENYAMBUT HARI GURU**

**HASRAT NEGARA ...**

**PERSEKITARAN SELESA,  
GURU BERPENGALAMAN  
JADI TARIKAN PELAJAR**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim

**A**LHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaah Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Marilah kita sama-sama merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat hadir bagi meraikan sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam buat kali ke-15.

Saya terlebih dahulu menjunjung kasih yang setinggi-tingginya ke hadapan majlis paduka ayahanda di atas kepercayaan baginda pada menitahkan saya untuk mewakili baginda di Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam pada tahun ini.

Paduka ayahanda dengan tulus ikhlas menyampaikan rasa terkilan kerana tidak dapat berangkat sendiri ke majlis ini disebabkan oleh kerana baginda masih berada di luar negara setelah menghadiri ASEAN-UN Leaders Meeting, High-Level Plenary Meeting dan General Debate of The 60th Session of The United Nations General Assembly di New York.

Tetapi walau bagaimanapun, paduka ayahanda sekali-kali tidak lupa menyampaikan setinggi-tinggi tahniah kepada semua warga guru dan juga mereka yang berkaitan dengan sambutan bersejarah ini.

Baginda juga berdoa semoga Hari Guru akan tetap menjadi wadah bagi kita mengenang dan menghargai jasa-jasa para guru kita selaku pengasas dan pencetus kejayaan bangsa.

Seperti juga pada tahun-tahun yang lalu, sambutan ini adalah sebagai tanda penghargaan kepada semua warga guru atas sumbangan mereka yang berharga kepada pembangunan serta juga perkembangan sumber tenaga manusia. Kita penuh yakin, mereka akan meneruskan komitmen secara tulus ikhlas pada menyumbangkan apa sahaja yang terbaik dalam pendidikan negara.

Tema sambutan Hari Guru pada tahun ini, 'Guru Pengasas Kejayaan' adalah benar-benar mencerminkan peranan guru sebagai pencorak masa depan bangsa. Tema yang indah ini janganlah hanya untuk diungkapkan sahaja, tetapi wajar diterjemahkan menjadi sikap yang benar-benar tulus terhadap guru. Sebagai pengasas dan pencetus kejayaan, mereka itu memang patut dihargai sekurang-kurangnya dengan ucapan terima kasih serta doa terhadap mereka.

Tugas mendidik atau mengajar, bukanlah satu kerjaya atau profesion biasa, tetapi ia juga satu kewajipan besar lagi mencabar yang dibebankan oleh negara. Ia akan menjadi ibadat istimewa sekiranya ia ditunaikan dengan sebaik-baiknya.

Kerana itu walaupun ia berat, namun bagi mereka yang memahami hikmatnya, akan tetap menggemari serta merasa puas dengannya, di mana kepuasan itu pula akan lebih melinjau lagi apabila mendapati anak didik beroleh kejayaan.

Bercakap mengenai kejayaan, ia adalah berkait rapat dengan kualiti pendidikan serta juga perse-

kitan persekolahan. Kualiti itu bukanlah dengan memiliki prasarana yang lengkap semata-mata, tetapi juga turut dipengaruhi oleh iklim keceriaan dan kerianan para pelajar untuk menerima pelajaran-pelajaran mereka.

Maka ke arah ini, ada dua faktor bagi sesebuah sekolah itu perlu memilikinya. Pertama, persekitaran yang selesa dan kedua, guru-guru yang baik dan berpengalaman. Kedua-dua faktor ini menjadi nadi tarikan dan keseronokan bagi pelajar-pelajar untuk lebih giat belajar.

Kewajipan kita semua, lebih-lebih lagi guru-guru ialah menjadikan sekolah sebagai rumah kedua (se-

cond home) kepada pelajar-pelajar, di mana mereka cukup seronok dan berbangga dengannya, bukan menganggapnya sebagai tempat yang menyusahkan.

Hasrat negara yang utama ingin melihat pelajar-pelajar kita benar-benar memahami kepentingan ilmu pengetahuan serta kewajipan bagaimana untuk kita mencapai tahap pendidikan yang betul-betul sebanding dengan negara-negara maju.

Sebagai salah satu usaha kita membudayakan diri dengan ilmu, dapat dibuktikan dengan keanggotaan negara di dalam Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan



**SABDA** Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, wakil Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Sambutan Hari Guru Ke-15 Bagi Tahun 2005 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Sabtu, 20 Syaaban 1426/24 September 2005.

**TUGAS mendidik atau mengajar, bukanlah satu kerjaya atau profesion biasa, tetapi ia juga satu kewajipan besar lagi mencabar yang dibebankan oleh negara. Ia akan menjadi ibadat istimewa sekiranya ia ditunaikan dengan sebaik-baiknya.**

Bangsa-Bangsa Bersatu atau UNESCO. Dripadanya kita dapat mempelajari pelbagai kaedah serta menggunakannya apa-apa yang bersesuaian.

Matlamat dari semua langkah atau usaha kita ialah pendidikan yang berkualiti. Maka sehubungan ini, telah diambil maklum bahawa mulai daripada penggal pertama persekolahan tahun 2006, kawalan ke atas sekolah-sekolah agama dan Sekolah-sekolah Menengah Arab termasuk Maktab Perguruan Ugama adalah dikembalikan ke Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Alhamdulillah, walaupun secara relatifnya sudah banyak yang kita capai dalam bidang pendidikan

itu, namun sikap tidak lekas berpuas hati dengan pencapaian yang ada, masih perlu dikekalkan. Kerana sifat ilmu itu sendiri menghendaki kita demikian, di mana ia terus berkembang tanpa titik penghujung.

Kita mengharapkan supaya seluruh warga pendidik di negara ini akan sentiasa menajamkan alat pendidikan iaitu kecekapan masing-masing, supaya lekas negara ini memperoleh hasilnyanya. Pendidik yang berjaya pasti melahirkan anak didik yang berjaya pula.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**MATLAMAT dari semua langkah atau usaha kita ialah pendidikan yang berkualiti. Maka sehubungan ini, telah diambil maklum bahawa mulai daripada penggal pertama persekolahan tahun 2006, kawalan ke atas sekolah-sekolah agama dan Sekolah-sekolah Menengah Arab termasuk Maktab Perguruan Ugama adalah dikembalikan ke Kementerian Hal Ehwal Ugama.**



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan menerima mengadap Timbalan Presiden Republik Rakyat China, Puan Yang Terutama Wu Yi. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

# Timbalan Presiden China diraikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan mengadakan Majlis Jamuan Santap Malam bagi Puan Yang Terutama Wu Yi, Timbalan Presiden Republik Rakyat China.

Majlis berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan, di sini.

Terdahulu dari itu, Duli Yang Teramat Mulia dan Puan Yang Terutama mengadakan perbincangan mengenai hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China serta bertukar-tukar pandangan mengenai hal-ehwal serantau dan antarabangsa.

Juga bersama Timbalan Presiden ialah Tuan Yang Terutama Bo Xilai, Menteri Perniagaan Republik

Rakyat China.

Puan Yang Terutama berada di negara ini bagi lawatan selama tiga hari.



DULI Yang Teramat Mulia meraikan Puan Yang Terutama Wu Yi di Majlis Jamuan Santap Malam. Majlis berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Oleh Samle Haji Jait  
samle.jait@information.gov.bn

## Persefahaman erat Brunei - Viet Nam sentiasa terjalin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkihah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tran Duc Luong, Presiden Sosialis Republik Viet Nam dan Tuan Yang Terutama Phan Van Khai, Perdana Menteri Sosialis Republik Viet Nam bersempena Hari Kebangsaan Sosialis Republik Viet Nam.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Sosialis Republik Viet Nam. Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu baginda, berharap semoga Tuan Yang Terutama sentiasa sihat sejahtera dan

semoga rakyat Sosialis Republik Viet Nam akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Phan Van Khai, Perdana Menteri Sosialis Republik Viet Nam, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Sosialis Republik Viet Nam sempena Hari Kebangsaan Sosialis Republik Viet Nam.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Sosialis Republik Viet Nam. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Phan Van Khai, Perdana Menteri Sosialis Republik Viet Nam akan sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera.

## Berangkat hadiri sambutan Hari Kedamaian anjuran PPPNBD

Oleh Noor Khadijah Tengah

BERAKAS, Jumaat, 23 September. - Cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkihah binti Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irsyad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim berangkat menghadiri acara Sambutan Hari Kedamaian berlangsung di Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam (PPPNBD) di Anggerek Desa, di sini.

Sambutan Hari Kedamaian diadakan bagi mendukung dan menyokong usaha badan-badan seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu serta Pertubuhan Sedunia Pandu Puteri dan Pengakap Puteri bagi mewujudkan kedamaian dalam dunia ini.


Ia juga merupakan acara penting dalam kalen-

dar persatuan tersebut yang bertujuan memperkukuh keunggulan kedamaian, kerana tanpa kedamaian segala usaha untuk kesejahteraan serta kesejahteraan hidup tidak akan dapat dilaksanakan.

Sejurus selepas keberangkatan tiba, Yang Amat Mulia berkenan menyertai senamrobik selama 15 minit sebelum memulakan acara berjalan kaki yang mana bermaksud berjalan untuk kedamaian.

Acara berjalan kaki bermula dan berakhir di Ibu Pejabat PPPNBD seterusnya acara memotong kek sempena Hari Guru yang jatuh hari ini dengan disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Metarsad.

Selain itu, PPPNBD juga mengutip wang untuk Tabung Bantuan Mangsa Taufan Katrina. Hari Kedamaian disambut setiap tahun dengan beberapa projek kemasyarakatan.



YANG Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkihah berkenan berangkat menghadiri acara Sambutan Hari Kedamaian yang berlangsung di Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam di Anggerek Desa (atas dan bawah). - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam memotong kek sempena Hari Guru yang bertepatan dengan sambutan Hari Kedamaian (bawah). - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.

## Kumpulan Kedua Pasukan Pemantau Antarabangsa berlepas ke Republik Filipina

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

RIMBA, Khamis, 15 September. - Seramai 10 orang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berangkat ke Republik Filipina bagi tugas Pasukan Pemantau Antarabangsa (International Monitoring Team - IMT). Pasukan kali ini diketuai oleh Leftenan Kolonel Haji Jol Jublee bin Haji Bangkol dan mereka meninggalkan tanah air menggunakan pesawat udara CN235 Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).

Sempena penugasan tersebut, pemerigan IMT telah diadakan di Pangkalan TUDB, di sini.

Tetamu kehormat pada upacara tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan majlis dihadiri oleh Pemangku Pemerintah ABDB, Kolonel (U) Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Timbalan Setiausaha Tetap II Kementerian Pertahanan, Puan Yang Terutama Duta Besar Republik Filipina, Pemerintah-pemerintah dan Komandan-komandan

Tentera, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Pasukan ini merupakan Kumpulan Kedua yang akan mengambil alih penugasan dari Kumpulan Pertama yang diketuai oleh Leftenan Kolonel Haji Aminudin Ehsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Mereka terdiri dari Mejar Haji Mohd. Nor-fahssin bin Haji Abd. Karim, Mejar Haji Razak

bin Abd. Kadir, Kapten Hairin bin Jafar @ Gafar, Kapten Pengiran Aeddie Masjaffrie bin Pengiran Haji Mohd. Jafar, Kapten Amirul Adly bin Haji Ali, Koperal Mohammad Hanafi Azami bin Nayan, Pegawai Waran 2 (U) Haji Ibrahim bin Haji Adam, Koperal Muhd Azizan bin Muhd. Redzuan dan Koperal (L) Aliuddin bin Haji Sarbini.

Kumpulan Pertama telah mula bertugas di Cotabato Mindanao pada Oktober tahun lepas.

Juga hadir mengucapkan selamat belayar para keluarga dan sanak-saudara rombongan IMT.





MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar ketika hadir di Majlis Sambutan Israk Mikraj anjuran Kementerian Perhubungan. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.

# Ajaran Rasulullah sandaran kukuh

Oleh Noor Khadijah Tengah

RIMBA, Khamis, 15 September. - Dalam konteks Perkhidmatan Awam, contoh dan teladan serta ajaran yang dibawa oleh Baginda Rasulullah merupakan elemen fundamental yang dapat dijadikan sandaran dalam memperkukuh komitmen, peranan serta tanggungjawab di kalangan pegawai serta kakitangan kerajaan ke arah melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Seandainya meneladani kepimpinan Baginda Rasulullah itu menjadi pegangan semua lapisan warga Perkhidmatan Awam, ditambah pula dengan penghayatan mendalam terhadap intipati peristiwa Israk Mikraj, maka dipercayai warga Perkhidmatan Awam di negara ini bukan saja akan dapat bertindak reponsif kepada kehendak keadaan semasa, tetapi juga menghindari diri masing-masing daripada sebarang keperilakuan negatif yang boleh menjejaskan dan menggugat imej baik serta kewibawaan Perkhidmatan Awam seperti kegiatan pecah amanah, salah guna kuasa, rasuah dan pembaziran masa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Haji Eusoff Agaki menyatakan perkara tersebut ketika hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Sambutan Israk Mikraj Bagi Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan Di Bawahnya bertempat di Institut Perkhidmatan Awam (IPA), di sini.

Justeru itu, beliau berkata bahawa kita perlu menonjolkan kepimpinan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam supaya Baginda Rasulullah akan sentiasa menjadi model, ikutan dan teladan dalam semua aspek kehidupan kita baik sebagai seorang pemimpin, ketua masyarakat, ketua keluarga mahupun pegawai dan kakitangan kerajaan.

Dalam hubungan ini, kegemilangan umat Islam iaitu di zaman pemerintahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat selepas Baginda di mana para Khalifah sentiasa mengamalkan corak kepimpinan 'cakap serupa bikin' dan pengikut-pengikut mereka yang sentiasa bersatu padu dengan semangat setia kawan yang kukuh berterusan

kan hukum-hukum Allah, keimanan, ketakwaan, sifat-sifat amanah, jujur dan ikhlas semata-mata kerana Allah jua, di samping berjaya menyebarkan syiar Islam ke merata pelusuk dunia, itulah zaman kegemilangan Islam.

Waktu beredar, kemewahan melimpah ruah dan keimanan umat Islam mula goyah dan mereka bertindak tanpa mengikut lunas-lunas yang ditentukan ajaran Baginda Rasulullah dalam erti kata penganut-penganut Islam mula dibuat tarikan duniawi menurut nafsu dengan mengutamakan unsur-unsur kebendaan, pangkat dan kuasa dalam kehidupan mereka di mana sedikit demi sedikit iman umat Islam beransur-ansur lemah.

Katanya, proses tersebut berterusan sehingga mengakibatkan umat Islam tidak 'tekabir' dengan apa yang diamanahkan dan hilang penghormatan serta kegemilangannya.

Jelasnya, hal tersebut dapat diilustrasikan oleh satu gambaran yang luar biasa dalam peristiwa Israk Mikraj iaitu perihal seorang yang sedang mengumpulkan seberkas kayu yang mana kayu tersebut cuba diangkatnya tetapi ia tidak terdaya kemudian orang tersebut menambah lagi berkas kayu yang sedia berat itu.

Malaikat Jibril memberitahu Baginda bahawa itulah gambaran orang yang banyak menanggung amanah, tetapi amanah-amanah tersebut tidak pernah ditunaikannya.

"Sebagai anggota dan kakitangan kerajaan, kita mengambil iktibar dari pengalaman-pengalaman Baginda melalui peristiwa Israk Mikraj tersebut," ujar beliau.

Anggota Perkhidmatan Awam perlu mempunyai sifat-sifat luhur di samping mengamalkan etika kerja yang mulia bagi menunaikan segala apa yang diamanahkan dan selayaknya dituntut oleh kerajaan terhadap kita.

Menurutnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah baginda sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun 2001 menekankan empat perkara yang patut ada pada setiap individu khususnya



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Haji Eusoff Agaki berucap di Majlis Sambutan Israk Mikraj Bagi Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan Di Bawahnya. Majlis berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam (IPA). - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

para pegawai dan kakitangan kerajaan iaitu sikap tawakal, ketaatan, yakin serta istiqamah dalam menjalankan tugas yang diamanahkan demi kemajuan bangsa, agama dan negara.

Perkara tersebut dapat dihayati dan diserapkan dalam pengendalian tugas

dan peranan harian kita sebagai warga Perkhidmatan Awam yang komited serta sentiasa mengabdikan kepada Allah Azzawajalla, dipercayai dengan izin Allah Subhanahu Wataala jua segala usaha pembaharuan serta penambahbaikan hasil yang diharapkan demi kepentingan negara.

## Banyak iktibar, pengajaran dari peristiwa Israk Mikraj

Oleh Noor Khadijah Tengah

BERAKAS, Sabtu, 10 September. - Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sambutan Israk Mikraj petang ini bertempat di Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan di sini.

Tema Sambutan Israk Mikraj pada tahun ini 'Bersepadu Memperkasa Bangsa Bertaqwa' yang mengajak kita supaya akan terus memperkasa diri untuk menjadi umat yang bertakwa.

Menurut Pengerusi Bersama, Timbalan Pesuruhjaya Perancang Ban-

dar dan Desa, Awang Haji Daud bin Haji Duraman, peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam jelas menunjukkan akan kekuasaan dan kebesaran Allah Subhanahu Wataala dalam mentadbir seluruh alam.

Katanya lagi, banyak iktibar dan pengajaran yang boleh diambil dari peristiwa tersebut untuk dijadikan panduan dan pengajaran dalam melalui kehidupan di dunia ini yang mana peristiwa Israk dan Mikraj telah

## Sambutan Israk Mikraj Kementerian Perhubungan

BERAKAS, Sabtu, 24 September. - Kementerian Perhubungan telah mengadakan Majlis Sambutan Israk Mikraj yang berlangsung di Dewan Amar Pahlawan.

Tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan.

Majlis tahunan itu bermula dengan bacaan Surah

Al-Faatihah yang diketuai oleh Mudim Haji Safar bin Haji Laji dari Kementerian Hal Ehwal Ugama dan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran Haji Ahmad bin Haji Minuddin, naib johan qari Musabaqah Tilawah Al-Quran Kementerian Perhubungan bagi tahun 1425H/2004M.

Majlis juga diserikan dengan ceramah mengenai perjalanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam semasa Israk Mikraj yang disampaikan

oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiyah, Ustaz Haji Ismail bin Mohd. Arif.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Mudim Haji Safar bin Haji Laji.

Lebih 200 orang pegawai dan kakitangan hadir di majlis tersebut yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai Kanan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

## JPM sambut Israk Mikraj

Oleh Noor Khadijah Tengah

RIMBA, Khamis 15 September. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya petang ini mengadakan Majlis Sambutan Israk Mikraj di Institut Perkhidmatan Awam, (IPA), di sini.

Majlis tersebut merupakan aktiviti tahunan JPM. Majlis tersebut yang juga merupakan Majlis Ilmu dihadiri oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Haji Eusoff Agaki bin Haji Ismail.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Quran oleh Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi, johan qari JPM diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah IPA selaku Pengerusi Majlis, Dr. Azahairani bin Haji Mohammad Jamil.

Acara kemuncak di majlis sambutan tersebut ceramah yang bertajuk 'Memetik Rahsia Peristiwa Israk Mikraj dan Aplikasi Dalam Organisasi Anda' yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Malaysia, Ustaz Haji Hassanuddin bin Haji Mohammad Yunos.

Antara pengajaran yang diambil dari peristiwa Israk Mikraj yang disentuh di dalam ceramah tersebut bagaimana membina kepercayaan diri, meluaskan minda serta rangkaian kerja, melahirkan kreativiti dan berorganisasi, membina kepan-

atasan bekerja dan mempunyai hati yang bersih serta menghormati orang lain.

Turut hadir di majlis

tersebut ialah ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri serta jabatan-jabatan di bawahnya.



CERAMAH Khas Israk dan Mikraj anjuran Kementerian Pembangunan disampaikan oleh Drs. Ustaz Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.



PERSEMBAHAN zikir menyerikan Majlis Sambutan Israk Mikraj Kementerian Pembangunan. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

kan melalui logik akal manusia.

Ceramah khas sempena majlis tersebut disampaikan oleh Drs. Ustaz Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah yang antara lain menyentuh mengenai perjalanan Israk Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang boleh dijadikan iktibar dan panduan.

Hadir di majlis tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah

Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny dan Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai Kanan serta kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman ketika berucap merasmikan Bengkel Perancangan Strategik Ketua-ketua Jabatan Kementerian Pendidikan. Majlis berlangsung di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin ketika sama-sama hadir bersama para pegawai Pusat Da'wah Islamiah sempena sambutan ulang tahun penubuhan ke-20 pusat tersebut. - Gambar oleh Masri Osman.

## Pusat Da'wah Islamiah sambut ulang tahun penubuhan ke-20

BERAKAS, Jumaat, 16 September. - Pusat Da'wah Islamiah menyambut ulang tahun penubuhannya ke-20 dengan mengadakan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, diikuti membaca Surah Yaa Siin beramai-ramai dan bertahlil berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah.

Hadir sama di majlis itu ialah Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato

Oleh Abu Bakar Haji Abd. Rahman  
bakar.rahman@information.gov.bn

Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin.

Pusat Da'wah Islamiah mula beroperasi 1 Januari 1985 dengan misi menjadi sebuah institusi yang menyumbang kepada perkembangan Islam di negara ini.

Bangunan Pusat Da'wah Islamiah pula

dirasmikan pada 16 September 1985 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Antara fungsi pusat tersebut ialah bagi mengembang dan menye-

barkan ajaran agama Islam; membuat kajian dan penyelidikan hal-ehwal semasa; menerbitkan bahan-bahan bacaan keagamaan berupa buku, majalah, risalah dan seumpamanya.

Pusat tersebut juga mengelolakan rancangan audio video melalui saluran Radio dan Televisyen Brunei, di samping menubuhkan perpustakaan Islam dan mengadakan pameran perkembangan Islam.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas, Jabatan Belia dan Sukan, Awang Haji Zamri ketika membuka rasmi Perkhemahan Pengakap Daerah Belait (kiri). Sementara gambar kanan, para pengakap Daerah Belait bersiap sedia untuk menjalani perkhemahan. - Gambar oleh Masri Osman.



# Pendidikan fokus utama membangun negara

Oleh Abu Bakar Haji Abd. Rahman  
bakar.rahman@information.gov.bn

RIMBA, Isnin, 12 September. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman berkata, dalam usaha memperbaiki dan bergerak maju ke depan melalui penilaian isu-isu utama dan membentuk tindakan yang efektif, mandat baru adalah diperlukan.

Kata Yang Berhormat, untuk mencapai kemajuan seumpamanya, pendidikan merupakan fokus utama bertujuan untuk membangun negara dalam membina persaingan ekonomi terutama terhadap masyarakatnya.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman menyatakan perkara tersebut semasa merasmikan Bengkel Perancangan Strategik Ketua-ketua Jabatan Kementerian Pendidikan berlangsung di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, idea-idea strate-

gik yang efektif dan objektif bagi semua institusi akademik, kolej dan sekolah-sekolah adalah sangat penting.

Bengkel selama tiga hari itu, memfokuskan kepada isu-isu pencapaian pembangunan yang hendak dicapai oleh negara ini dalam semua aspek untuk menjadikan negara ini setaraf dengan negara jiran lain, jelas Menteri Pendidikan.

Membekalkan kanak-kanak dengan permulaan yang terbaik dalam pendidikan asas yang lebih baik bagi pembelajaran masa depan merupakan salah satu dari tiga objektif utama dalam bengkel ini, tambah Menteri Pendidikan.

Manakala bagi membolehkan generasi muda membangun dan memperkembangkan diri dengan kemahiran, pengetahuan dan kualiti persendirian

yang diperlukan dalam kehidupan dan pekerjaan, di samping memberikan galakan dan membolehkan orang dewasa untuk mempelajari, memperbaiki kebolehan dan memperkayakan hidup juga merupakan objektif utama dalam pertemuan tersebut.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai kualiti yang tinggi dalam pendidikan awal dan penjagaan kanak-kanak bagi setiap seorang adalah sangat penting dalam memperbaiki standard pendidikan menengah yang sedia ada dan memperbaiki pendidikan serta latihan selanjutnya.

Bengkel yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan dengan kerjasama UBD melibatkan lebih 50 orang pegawai-pegawai kanan dari Kementerian berkenaan terdiri dari Pengarah dan Penolong Pengarah dari beberapa buah jabatan.

## Perkhemahan Pengakap Daerah Belait 2005

Oleh Samle Haji Jait  
samle.jait@information.gov.bn

BELAIT, Sabtu, 9 September. - Perkhemahan Pengakap Daerah Belait 2005 disifatkan sebagai suatu pendedahan awal kepada belia di peringkat tunas dalam pembentukan peribadi murni.

"Usaha ini mencerminkan keprihatinan dan pemedulian dalam sama-

sama bertanggungjawab dan bekerjasama dalam memimpin serta membantu para belia melengkapkan diri dengan nilai-nilai murni, sikap positif, bersemangat waja dan berdikari dalam menghadapi pelbagai rintangan bagi memenuhi cita-cita pembangunan masyarakat, bangsa dan negara," jelas Pegawai Tugas-Tugas Khas, Jabatan Belia dan Sukan, Awang Haji Zamri di Majlis Perasmian Perkhemahan berkenaan di Taman Rekreasi Jubli Anduki, di sini.

Katanya, tema perkhemahan 'Menjana Keperkasaan Generasi Masa Kini' adalah tepat kerana selaras dengan perkembangan dan kemajuan negara di mana para belia perlu didedahkan serta diperkasa dalam pelbagai bentuk ilmu dan kemahiran melalui keimanan dan ketakwaan.

Beliau menambah, perkhemahan itu menjadi

platform untuk menyemai dan memberi mereka pengalaman dan pengalaman mengenai kepimpinan, pergaulan yang positif, kemahiran berkomunikasi, kepandaian berdikari dan nilai-nilai murni.

"Ciri-ciri itu akan membantu belia di negara ini mempunyai semangat dan keyakinan yang tinggi serta berjaya dalam mengharungi pelbagai cabaran dalam kehidupan," jelasnya bagi mewakili Pemangku Pengarah Belia dan Sukan.

Seramai 110 orang belia yang mewakili lapan buah sekolah rendah dan menengah di Daerah Belait dan Bulan Sabit Merah menyertai perkhemahan yang dianjurkan yang juga dihasratkan bagi membantu dan membimbing para belia memenuhi masa lapang mereka dengan menyertai aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan berkebiasaan.

# Tingkatkan kewaspadaan tangani Selesema Burung

BERAKAS, Rabu, 14 September. - Berikutan dengan beberapa kejadian Penyakit Selesema Burung (Influenza Pandemic) yang melibatkan manusia, khususnya di rantau ini, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menyarankan agar semua negara-negara meningkatkan waspada serta mengambil langkah-langkah yang tertentu bagi menangani kemungkinan berlakunya Penyakit Selesema

Burung di negara masing-masing.

Dalam masa yang sama, tindakan bersedia dan berwaspada ini juga adalah bagi menangani jika merebaknya Penyakit Selesema Burung ini secara berleluasa hingga ke peringkat 'Pandemic Influenza'.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pah-

lawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi menyatakan perkara tersebut dalam Sidang Akhbar Mengenai Penyakit Selesema Burung di Kementerian Kesihatan bertempat di Bilik Mesyuarat Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat menegaskan, dalam menyahut saranan berwaspada oleh

WHO, Kementerian Kesihatan telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa 'Pandemic Influenza', bagi menyusun Pelan Tindakan Siapsedia menangani 'Pandemic Influenza' bagi tujuan perlindungan kesihatan setiap warganegara.

Yang Berhormat menambah, jawatankuasa tersebut telah menubuhkan

beberapa jawatankuasa kecil bagi penyusunan terperinci Pelan Tindakan berkenaan yang meliputi aspek-aspek pengendalian dalam pemantauan iaitu langkah pengawalan dan pencegahan, pengurusan pesakit, bantuan teknikal dan logistik, media dan perhubungan awam, pekhidmatan makmal serta keperluan tenaga manusia.

Yang Berhormat seterusnya berkata, Pelan Tindakan tersebut juga memberikan penekanan terhadap perkara-perkara

utama, termasuk bekalan ubat-ubatan, vaksin, kemudahan kesihatan serta peralatan perubatan adalah mencukupi, di samping Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Daerah Tutong juga telah dikenal pasti bagi tujuan kurantin.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan akan sentiasa memantau kedudukan penyakit tersebut dan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai se-

barang langkah-langkah pencegahan dan pengawalan.

Turut hadir di sidang akhbar tersebut ialah Timbalan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah, Pemangku Pengarah, Setiausaha-setiausaha tetap, ketua-ketua jabatan serta Pegawai-pegawai Perubatan Kementerian Kesihatan.

## Pameran Sempena Bulan Kesihatan Jantung

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 September. - Majlis Pelancaran Pameran Sempena Bulan Kesihatan Jantung berlangsung pagi ini bertempat di Dewan Legar, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), di sini.

Pameran tersebut merupakan satu komponen Promosi Kesihatan merupakan salah satu cara untuk mengurangkan kes-kes penyakit jantung iaitu dengan meningkatkan kesadaran orang ramai mengenai penyakit jantung serta risikonya terutama sekali bagaimana mengelaknya dan pentingnya amalan

cara hidup sihat.

Pemangku Pengarah Perkhidmatan Hospital, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlela ketika hadir selaku tetamu kehormat majlis berkata bahawa pameran tersebut telah dilaratkan ke hospital-hospital di daerah-daerah lain dan minggu ini ialah giliran Daerah Brunei-Muara.

Beliau menjelaskan bahawa penyakit jantung merupakan salah satu punca utama kematian dan penyakit utama di Negara Brunei Darussalam serta

Oleh Noor Khadijah Tengah

memerlukan usaha yang lebih giat lagi untuk membentarnya.

Tambahnya, usaha yang efektif tersebut diperlukan di setiap peringkat terutama sekali di peringkat pencegahan dan pegesanan awal seperti kegiatan promosi kesihatan yang diadakan pada pagi ini.

Sejurus selepas itu, beliau kemudian melancarkan pembukaan pameran tersebut dan seterusnya menyaksikan pameran yang mempamerkan me-

ngenai kesihatan jantung serta statistik mengenai jumlah pesakit yang mengalami penyakit jantung di Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif Hospital RIPAS, Pengiran Hashim bin Pengiran Haji Besar; Jawatankuasa Penganjur Sambutan Bulan Kesihatan Jantung 2005, Lee Cheow Seng, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan, Hospital RIPAS serta Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (JPMC) Sendirian Berhad.



PEMANGKU Pengarah Perkhidmatan Hospital, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlela ketika menyaksikan Pameran Sempena Bulan Kesihatan Jantung sejurus merasmikannya. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

JAUH di mata dekat di hati. Perkataan ini adalah antara rakan karib di kalangan hampir semua kalangan orang muda-muda yang berkesah sayang atau 'yang ada bertaruhan hati' antara mereka selaku teruna dan dara. Novel Uda dan Dara, karya Osman Awang atau Tongkat Warrant memang banyak bercerita tentang alam teruna dan dara itu. Ia adalah juga gambaran hati yang kadang-kadang selalu berada jauh di lubuk-lubuk yang tidak senang untuk diterokai. Soal hati adalah sesuatu yang sukar biarpun kata orang bahawa wajah yang ceria itu adalah gambaran hati yang ceria juga. Namun benarkah begitu, dan tidak benarkah seperti kata orang 'lain di bibir lain di hati' itu? Sekarang, soal berdiplomasi, soal mengambil hati dan yang sebanding dengannya itu adalah perkara yang sudah terbiasa apa lagi jika ianya dimaksudkan untuk menjaga hati yang antaranya adalah sangat perlu supaya lebih berhati-hati.

Perkara di atas sebenarnya adalah satu ingatan yang selalu diberikan kepada kita apabila kita berhadapan dengan perkara-perkara yang agak sulit untuk diselesaikan. Terutamanya yang berkaitan dengan hati yang perlu kepada tindakan yang lebih berhati-hati pula. Ini termasuklah, antara yang terutama itu, yang ada sangkut-pautnya dengan hati termasuklah tentang semangat beragama, berbudaya, berbangsa dan bernegara, seperti yang kita sentuh minggu lalu.

Bila bercakap tentang 'beragama' itu, tidak semua orang akan merasa suka apa lagi untuk mengetahuinya lebih jauh, lebih mendalam dan lebih bertambah pengetahuannya tentang agamanya. Lebih terasa sulit lagi apabila ada orang yang kita hadapi itu mempunyai anggapan yang tidak sama dengan apa yang sebenarnya diperlukan dalam beragama. Ini termasuklah adanya pelbagai ajaran-ajaran, yang pada waktu yang lalu itu, seperti yang dikatakan sebagai ajaran songsang yang boleh sahaja memesongkan akidah seseorang Islam kepada pemikiran dan pendapat yang tidak tepat mengenai kehendak Islam. Hal begini adalah antara yang juga berlaku dan cuba mempengaruhi anak-anak Brunei di luar negara termasuk di United Kingdom dahulu. Alhamdulillah, dengan tindakan pantas dari pihak-pihak yang merasa bertanggungjawab dan merasa perlu untuk menyumbang khidmat bagi kebaikan semua orang, hal itu dapat diatasi dengan baik dan tidak lagi dirasakan mengganggu matlamat utama mereka berada di situ iaitu untuk belajar dan men-

## MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

### SEMAKIN JAUH SEMAKIN DEKAT

jadi anggota masyarakat yang berguna dan berfaedah untuk bangsa dan negaranya.

Perkara begini juga terjadi di mana-mana termasuklah di kalangan kita orang-orang Melayu di negara-negara di mana mereka bermastautin ataupun tinggal sementara seperti di United Kingdom ini. Mengapa ia berlaku demikian? Soalan begini selalu mengambil tempat dalam orang memikirkannya akan punca kejadian. Di kalangan para pelajar juga selalu membincangkan hal ini kerana mereka juga merasa turut berperanan dalam menyelamatkan rakan-rakan mereka itu dari terjebak kepada apa jua elemen yang boleh menyebabkan berlakunya perkara yang tidak berfaedah kepada mereka dan seterusnya tidak mendatangkan faedah yang diniatkan untuk melengkapkan diri sebagai anggota masyarakat yang berilmu dan berguna untuk pembangunan negara dan bangsa itu.

Selain dari terdedah kepada perkara-perkara yang boleh menyelewengkan akidah itu atau mengganggu pemikiran pelajar-pelajar dari berkonsentrasi kepada pelajaran yang mereka hadapi, dan tujuan sebenar mengapa mereka berada di sana, goncangan lain terhadap mentaliti pelajar-pelajar itu juga bukan perkara mudah untuk dielak apa lagi dengan adanya percampuran yang terbuka yang tidak setakat di kalangan pelajar-pelajar senegara bahkan juga antara mereka dengan pelajar-pelajar negara lain. Percampuran itu akan pasti berlaku baik dari mana pun datangnya mereka terutama kalangan orang Melayu sendiri baik dari negara-negara ASEAN atau di luar ASEAN. Pokok persoalan juga akan menjadi pelbagai tidak terkecuali terhadap perkara yang boleh-

boleh sahaja mendatangkan gangguan fikiran dan mengganggu matlamat belajar dan mencari ilmu itu. Memang benar bahawa apa sahaja yang menyumbang sebagai pengalaman hidup itu adalah juga dipanggil sebagai ilmu, tetapi yang tidak harus terlupe ialah arah positif dan negatifnya terhadap diri sendiri dan orang lain, berguna tidaknya kepada diri sendiri atau orang lain dan ke mana seharusnya kita mengarah kalau bukan untuk kebaikan diri, orang lain atau masyarakat lingkungan diri itu.

Di waktu muda ini atau di ketika darah bergemuruh ini, tidak ada yang paling dirasa nikmatnya melainkan setelah atau di ketika merasa yang kita diperlukan, digunai, dipercayai dan kadang-kadang tidak terasa oleh kita yang kita itu sebenarnya seperti 'dikambang-kambang' dan diprovok untuk memasuki kumpulan atau group yang disenangi oleh mereka. Hal beginilah yang perlu pelajar-pelajar lebih berhati-hati kerana dari sinilah akan selalunya melalaikan kita dari berkonsentrasi terhadap pelajaran.

#### SUASANA SEKARANG

Ketika ini tentunya sudah ramai anak-cucu kita berada di luar negara kerana sedang belajar dan sedang mencari ilmu sehingga ke peringkat setinggi yang mungkin dan selepas itu negara kita akan lebih ramai juga dengan rakyat dan penduduknya yang berpelajaran tinggi dan berilmu dalam pelbagai jurusan, mempunyai para pakar dalam berbagai-bagai ilmu, tidak terkecuali para saintis yang bakal menjadi kebanggaan bangsa dan negara dan para ilmuwan yang menjadi teraju mencemerlangkan negara. Sekarang ini pun kelihatannya memang sudah ada, cuma bilangannya

masih sedikit, tetapi niat kita hendak melihat lebih ramai lagi kalangan anak cucu kita berperanan lebih besar dalam pembangunan negara dan bangsa mereka ini, sebenarnya adalah juga niat dan hasrat semua orang, yang secara berterusan mengambil tempat selagi kita ingin mengejar dan menggenggam kecemerlangan yang menjadi hasrat semua orang itu.

Suasana silam yang kita ketengahkan sebelum keluaran ini hanyalah sekadar membayangkan serba sedikit sahaja setakat yang kita alami sendiri dan juga teman-teman yang lain dengan tujuan agar ianya dapat memberikan sedikit sumbangan pengetahuan kepada anak cucu dalam meneruskan perjuangan untuk menggapai ilmu yang selalu mengarah kepada kesempurnaan itu. Tentulah semuanya tidak akan sama dengan yang ada sekarang ini baik ia dari segi kemudahan, sistem penyelenggaraan yang sudah semakin mudah dan dikatakan berada di hujung jari sahaja mahupun suasana keliling serta tenaga manusia yang semakin bermutu tinggi dengan ditambah oleh serba kepantasan teknologi komunikasi yang banyak membantu suasana pengajaran dan pembelajaran dan yang seumpamanya. Semua itu adalah merupakan kelebihan yang ditawarkan oleh sistem yang ada sekarang dan lebih banyak memudahkan hala tuju, di samping bimbingan yang berterusan dari kementerian yang berkenaan.

Dalam hal-hwal kebajikan pelajar pula, tentunya akan semakin mudah berbanding pada masa yang silam itu. Namun, mungkin kita masih perlu merasa bimbang terhadap apa jua yang difikirkan boleh mengganggu kehadiran anak cucu kita itu di rantau orang. Untuk ini, maka bimbingan tidak akan pernah berakhir sementara harapan ibu bapa dan kaum keluarga mereka sudah barang tentu akan turut bersandar di pundak mereka yang berkhidmat kerana kehadiran mereka itu. Maklum sajalah di ketika seseorang yang disayangi itu berada nun jauh di mata, tetapi tetap dekat di hati. Atau semakin jauh semakin dekat, semakin jauh semakin sayang. Memang rasa hati ibu bapa nilainya akan tidak dapat dibanding-bandingkan dengan apa pun di dunia ini. Kerana itu, keragaman perkara akan selalu terjadi. Namun cara mengatasinya akan selalu dapat dipertemukan dengan berkat kerjasama semua pihak yang bersangkutan. Sebab suasana sekarang nampaknya lebih mencabar keupayaan selain dari terus mencabar sistem dalam serba kepantasan dan kecanggihan itu. Tidak terkecuali soal-soal yang berkaitan dengan keselamatan dan kesejahteraan mereka.

# PEMBANGUNAN KAPASITI ICT PENTING BAGI NEGARA

**P**EMBANGUNAN kapasiti dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menjadi satu kepentingan kepada pembangunan sumber tenaga manusia bagi Negara Brunei Darussalam.

Oleh itu masih banyak bentuk program yang berkaitan dengan keperluan ICT perlu diwujudkan kerana penyediaan infrastruktur saja belumlah mencukupi untuk menjamin keberkesanan penyerapan ICT kepada masyarakat di negara ini.

Perkara itu juga menjadi perhatian serius Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Majlis Pelancaran Persidangan Kebangsaan Mengenai Masyarakat Bermaklumat (NASIS) di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, baru-baru ini.

Adalah menjadi harapan baginda, agar rakyat dan penduduk di negara ini meningkatkan kemahiran yang diperlukan dalam bidang ICT dan meraih seberapa banyak manfaat terutama yang menjurus peningkatan perekonomian.

Lebih dari itu, adalah penting bagi kita menyorok bidang-bidang penyelidikan ICT dengan mengadakan kerjasama latihan-latihan yang melibatkan kemahiran di pe-

## SOROTAN

OLEH SAMLE HAJI JAIT  
samle.jait@information.gov.bn

ringkat serantau mahupun antarabangsa

Selain itu, penyediaan ICT di dalam kurikulum sekolah dan institusi pengajian tinggi juga boleh membantu melahirkan masyarakat yang celik ICT, tetapi bilangan lulusan dari institusi pengajian tinggi perlulah seimbang dengan kehendak dan permintaan industri dan perniagaan dalam memastikan negara kita mempunyai sumber tenaga manusia yang berkemahiran dan profesional.

Usaha negara mewu-

judkan masyarakat bermaklumat merupakan satu agenda penting dalam membantu pembangunan ekonomi dan peningkatan taraf hidup rakyatnya.

Ia juga sangat penting kerana peralihan ke arah masyarakat bermaklumat sangat relevan, di samping menyediakan peluang-peluang baru dalam pelbagai urusan dan aktiviti masyarakat.

Tidak syak lagi penguasaan teknologi infokomunikasi boleh menjadi penyelesaian dan pemudah cara, sementara revolusi

digital dan keupayaan teknologi infokomunikasi juga dapat membantu mengurangkan halangan-halangan tradisional seperti 'jarak' dan 'masa'.

Keupayaan meningkatkan daya kreativiti dan inovasi melalui perkongsian maklumat yang berteraskan teknologi canggih membantu mencapai matlamat-matlamat baru yang lebih maju di bidang ekonomi, sosial dan politik.

Namun, baginda juga mengingatkan kesan dari perkembangan teknologi infokomunikasi yang tidak selaras, boleh mewujudkan perbezaan jurang digital di kalangan masyarakat dalam negara sendiri, di samping di negara-negara di dunia.

Sebab itulah baginda

sangat prihatin sambil berharap agar semua lapisan masyarakat mampu mendapatkan akses teknologi infokomunikasi sebagai cara membangun dan meningkatkan kualiti hidup.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menyediakan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan teknologi yang moden.

Sehubungan dengan itu, semua pihak perlu memberi komitmen dan kerjasama untuk mewujudkan atau membina masyarakat bermaklumat.

Persidangan NASIS yang diungkuhkan itu juga boleh menjadi pemangkin dalam membentuk satu e-Strategi dan Pelan Tindakan Kebangsaan yang komprehensif

serta berpandangan jauh melalui usaha kolektif dan pendekatan satu hala tuju yang lebih fokus, tepat dan mudah difahami.

E-Strategi Kebangsaan itu pula akan mengukuhkan lagi Pelan Strategik IT Kebangsaan yang sedia ada dalam sama-sama mendukung wawasan ke arah memanfaatkan IT dan teknologi komunikasi secara sepadu untuk kemakmuran negara.

Rancangan e-Kerajaan yang dilaksanakan pula akan menjadi pendorong kepada pelaksanaan e-Perniagaan yang mampu untuk mewujudkan e-Masyarakat dan e-Society sebelum merealisasikan visi selanjutnya bagi mewujudkan e-Brunei.



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny ketika hadir di Majlis Jerayawara Perkhidmatan Kemalangan dan Kecemasan serta Perkhidmatan Pusat-pusat Kesihatan yang berlangsung di Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.

# Jerayawara Perkhidmatan Kemalangan dan Kecemasan

BERAKAS, Rabu, 14 September. - Jerayawara mengenai Perkhidmatan Kemalangan dan Kecemasan serta Perkhidmatan Pusat-pusat Kesihatan berlangsung di ruang legar dan Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis itu ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny.

Jerayawara yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan tersebut bertujuan bagi memberikan penerangan dan maklumat mengenai perkhidmatan yang terdapat di Bahagian Kecemasan dan Kemalangan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan di Pusat-pusat Kesihatan.

Menurut Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Kalsom binti Abdul Latif bahawa jerayawara di Kementerian Pembangunan tersebut adalah kali yang ketiga yang mana sebelum itu jerayawara yang sama telah diadakan di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Dr. Hajah Kalsom berkata bahawa Bahagian Kemalangan dan Kecemasan Hospital RIPAS memberikan perkhidmatan secara berterusan 24 jam bagi kes-kes kecemasan dan kemalangan.

Tambahnya, Kementerian Kesihatan pada tahun 2004 telah menjalankan satu kaji selidik mengenai kedatangan pesakit-pesakit ke Jabatan Kemalangan dan Kecemasan Hospital RIPAS yang mana hasil dari kajian tersebut di antaranya telah mendapati

Oleh Noor Khadijah Tengah

sebilangan besar pesakit yang mendapat rawatan di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan boleh mendapatkan rawatan yang serupa di Pusat-pusat Kesihatan yang berdekatan kerana kes-kes tersebut adalah tidak serius iaitu kes-kes penyakit ringan sahaja.

Katanya, pada tahun 2000, Kementerian Kesihatan dalam usaha untuk meningkatkan penjagaan kesihatan asasi di negara ini telah melancarkan projek 'decentralisation' perkhidmatan pesakit luar daripada Hospital RIPAS ke Pusat-pusat Kesihatan yang mana terdapat tujuh buah Pusat Kesihatan di Daerah Brunei-Muara yang bertujuan untuk memudahkan orang ramai mendapatkan rawatan, di samping memberikan perkhidmatan yang lebih 'personalised' kepada para pesakit.

Dua orang Pegawai Perubatan daripada perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan iaitu Pegawai Perubatan Bahagian Perkhidmatan Kemalangan dan Kecemasan, Hospital RIPAS, Dr. Haji Kartono Ibnu dalam taklimatnya membincangkan mengenai perkhidmatan kemalangan dan kecemasan yang mana beliau antara lain menerangkan bahawa Jabatan Kemalangan dan Kecemasan akan memberikan kemudahan pada kes-kes kemalangan dan kecemasan serta kes-kes ringan yang bukan memerlukan rawatan segera.

Dr. Haji Kartono, menerangkan bahawa terdapat tiga kategori bagi para pesakit iaitu bagi

yang memerlukan rawatan biasa.

Taklimat kedua pula disampaikan oleh Pemangku Pegawai Perubatan Kanan, Pusat Kesihatan Gadong, Dr. Haji Zulhili bin POKHP Dato Paduka Haji Abdullah yang mana dalam taklimatnya beliau menyentuh mengenai Perkhidmatan Pusat-pusat Kesihatan seperti Pusat Kesihatan Ong Sum Ping, Sengkuring, Sungai Asam, Gadong, Berakas 'A', Berakas 'B' dan Muara.

Selain dari itu, aktiviti-aktiviti sampingan juga diadakan sempena jerayawara tersebut seperti pemeriksaan dan pameran kesihatan, menderma darah dan demonstrasi serta latihan pertolongan kecemasan yang mana aktiviti-aktiviti tersebut akan dapat memberikan manfaat kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dalam menjaga dan meningkatkan kesihatan diri.

# KPSSU terus pantau perkembangan syarikat

TUTONG, Selasa, 13 September. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) terus memberikan perhatian kepada perkembangan syarikat dengan meninjau dan meneliti beberapa masalah yang dihadapi supaya langkah bagi mengatasinya boleh dibuat.

Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah bin Haji Abdul Wahab bersama beberapa orang pegawainya petang tadi membuat lawatan kerja ke PDS Meat Industry Sendirian Berhad dan PDS Abattoir Sendirian Berhad yang membekalkan makanan halal yang terletak di Kampong Batang Mitus, di sini.

Semasa melawat ke PDS Meat Industry antara yang dikunjungi ialah ruang pemprosesan bagi membuat burger, sosej dan nuget serta produk-produk yang dihasilkan oleh PDS

Oleh Abdullah Asgar  
abdullah.asgar@information.gov.bn

Meat Industry.

PDS Meat Industry mula beroperasi sejak April 2001 dengan menghasilkan daging dan ayam beku yang dijadikan burger, sosej, frankfurter, nuget, daging dalam tin dan dipasarkan ke kompleks-kompleks membeli-belah dan kedai-kedai runcit di negara ini.

Terdapat 50 orang pekerja di PDS Meat Industry terdiri dari anak tempatan dan pekerja secara kontrak dari Republik Filipina, Republik Indonesia dan Malaysia.

Dari PDS Meat Industry, Yang Mulia meneruskan lawatan ke PDS Abattoir Sendirian Berhad yang hanya terletak bersebelahan juga milik anak tempatan yang memulakan operasinya pada bulan November 1998 dengan keupayaan menyembelih

lembu yang didatangkan dari Australia.

Lembu yang didatangkan terdiri dari baka Angus dan Brahm yang dagingnya untuk pasaran dalam dan luar negara selain ditinkan dan dijadikan makanan segera berkenaan.

Tujuan lawatan tersebut antara lain bagi meninjau perkembangan kedua-dua syarikat berkenaan dengan lebih dekat dan mendengar masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusahanya.

Sepanjang lawatan itu Dato Paduka Awang Haji Hamdilah telah diberikan taklimat oleh Ketua Pegawai Eksekutif syarikat berkenaan, Pengiran Dato Paduka Shariffuddin bin Pengiran Metali dan Pengarah Urusan, K. H. Lee serta beberapa orang pegawai kanan.

# TENAGA PENDIDIK DIALU-ALUKAN MENDAFTAR

GADONG, Rabu, 21 September. - Sempena memperingati tahun ke-50 bidang pendidikan perguruan di negara ini, Institut Pendidikan Sultan Haji Hassanal Bolkiah akan mengadakan Sambutan Jubli Emas pada tahun depan.

Sehubungan dengan sambutan itu, Institut Pendidikan Sultan Haji Hassanal Bolkiah mengalu-alukan semua tenaga pendidik yang berkhidmat di institut perguruan sejak awal penubuhannya dijemput untuk mendaftarkan nama, alamat dan nombor telefon kepada Jawatankuasa Sambutan Jubli Emas melalui nombor telefon 2463001 sambungan 1587/1599/1611 atau e-mel jmyusof@shbic.ubd.edu.bn. tidak lewat 31 Disember 2005.



# SAMBUTA HARI GURU KE-15



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Yang Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan berkenan menerima junjung ziarah para penerima Anugerah Hari Guru sempena Majlis Sambutan Hari Guru Ke-15 (atas).

KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Timbalan Sultan, ke Majlis Sambutan Hari Guru dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman. Berangkat sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik (kiri).



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada para jemputan di Majlis Sambutan Hari Guru Ke-15 (atas).

DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah para guru wanita (kiri).



SEBAHAGIAN para tetamu yang hadir di majlis tersebut.

BERAKAS, Sabtu, 24 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan selaku wakil Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Guru Ke-15 hari ini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Pusat Persidangan

Antarabangsa (ICC) dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Guru.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pe-

hin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Menteri Pendidikan dalam sembah alu-aluannya menekankan bahawa kualiti dan kecemerlangan guru amat penting dalam mendukung kejayaan matlamat pendidikan sesebuah negara.

Menurut Yang Berhormat, guru yang berkualiti dan cemerlang bukan hanya boleh memberikan pengajaran yang berkesan tetapi juga dapat membantu di dalam mempengaruhi pembentukan kehidupan masa depan anak-anak didik mereka melalui proses kepimpinan.

Menyentuh mengenai tema sambutan tahun ini, 'Guru Pengasas Keja-yaanku' Yang Berhormat menjelaskan, bahawa ia adalah bersandarkan kepada peranan yang dimainkan oleh para guru dan berharap agar peranan itu akan diteruskan, malah dipertingkatkan lagi memberikan yang terbaik bagi kesempurnaan pendidikan negara.

Di majlis tersebut Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan sabda dan menyempurnakan penyampaian Anugerah Hari Guru kepada



SEBAHAGIAN para jemputan wanita yang hadir di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



Ole  
Peng  
Mo

11 orang pen-  
suk Anuger-  
Berjasa, Anu-  
Bersara, Anu-  
Hari Guru da-  
Guru Cemerla-

Anugerah  
Berjasa dia-  
kepada Yang  
Orang Kaya  
Cikgu Haji  
Taha bin A-  
manakala per-  
gerah Guru  
diri dari Da-  
Haji Ahmad  
Pengiran Da-  
Haji Mustaph-  
ran Haji Met-  
Paduka Haji  
bin Haji Idris  
Kadariah bin  
Pehin Udana  
Seri Paduka  
Umar.

Sementara  
penerima Anu-  
Hari Guru ter-  
da Haji Jun-  
nyurat Haji  
Mohammad  
Haji Matami  
dan Pengiran  
bin Pengiran  
mad, manaka  
Anugerah Gu-  
lang dalam  
sing-masing  
yangku Haja  
binti Pengiran  
man dan Day-  
binti Haji Ma-

Majlis San-  
Guru tahun  
serikan deng-  
bahan koir ol-  
penuntut M-  
Pengiran M-  
Muhtadee Bi-

Bagi mem-  
lis, doa sela-  
kan oleh Yang  
Pehin Datu  
Paduka Seri  
Haji Awang  
Hamid.

Duli Yar-  
Mulia be-  
adinda Duli  
amat Mulia,  
amat Mulia

# AN RU



h Noor Khadijah Tengah  
Gambar-gambar oleh  
Harun Haji Rashid,  
Iran Rafee Pg. Dato Paduka  
Haji Metasim dan  
hd. Zul-Izzi Haji Duraman

prima terma-  
rah Guru  
gerah Guru  
gerah Khas  
n Anugerah  
ng.

Guru  
nugerahkan  
Berhormat  
Jaya Putera  
Muhammad  
dul Rauf,  
erima Anu-  
Bersara ter-  
to Paduka  
bin Kadi,  
to Paduka  
a bin Pengi-  
assan, Dato  
Mohd. Suni  
dan Hajah  
ti Begawan  
Khatib Dato  
Haji Awang

penerima-  
gerah Khas  
diri daripad  
id bin Pe-  
Pali, Haji  
bin Akhbar,  
bin Iradat  
Haji Besar  
Haji Ah-  
la penerima  
uru Cemer-  
bidang ma-  
ialah Da-  
h Zabaidah  
Haji Sulai-  
ang Fatmah  
hadi.

mbutan Hari  
ni telah di-  
an persem-  
h penuntut-  
aktab Duli  
Muda Al-  
lah.

berkati maj-  
mat dibaca-  
Berhormat  
mam Dato  
Setia Ustaz  
ng Abdul

g Teramat  
sama-sama  
Yang Ter-  
Yang Ter-  
Paduka Seri



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menerima junjung ziarah para guru dan pensyarah yang hadir di Majlis Sambutan Hari Guru Ke-15 di Pusat Persidangan Antarabangsa (atas kiri dan kanan).



DYTM berkenan mengurniakan Anugerah Hari Guru (Bagi Guru-guru Yang Bersara) kepada Dato Paduka Haji Mohd. Suni bin Haji Idris.



DYTM berkenan mengurniakan Anugerah Hari Guru (Bagi Guru-guru Yang Bersara) kepada Hajah Kadariah binti Begawan Pehin Udama Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar.

DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Guru dan penerima-penerima Anugerah Hari Guru sempena Majlis Sambutan Hari Guru Ke-15.



DYTM berkenan mengurniakan Anugerah Hari Guru (Bagi Guru-guru Yang Bersara) kepada seorang lagi penerima (kanan).



DYTM berkenan mengurniakan Anugerah Hari Guru (Bagi Guru-guru Yang Bersara) kepada Dato Paduka Haji Ahmad bin Kadi (atas kanan) dan kepada Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha (atas kiri).



MENTERI-MENTERI Kabinet semasa hadir di Majlis Sambutan Hari Guru Ke-15 (atas). SEBAHAGIAN para tetamu Majlis Sambutan Hari Guru Ke-15 (kiri).

## HALUAN...

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

**A**LHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wassalatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa 'Alaa Aalihie Wasahbihiie Ajma'een.

Peramba/Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin-Nya jua, dapat hadir bersama tuan-tuan dan puan-puan di dalam majlis yang berkebahjikan ini. Terlebih dahulu, peramba/saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur majlis, khususnya Jabatan Penerangan yang telah berkesudian mengundang peramba/saya se-

laku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan perasmian Perkampungan Sivik Mahasiswa/Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Seberang Laut Tahun 2005.

Semoga ingatan baik abiskita semua itu mendapat ganjaran sebaik-baiknya dari Allah Subhanahu Wataala jua, amin.

Bangsa yang berilmu bukan sahaja dapat memperkasa usaha-usaha ke arah kemajuan, keamanan dan ketenteraman tetapi juga membantu di dalam menonjolkan imej yang baik untuk negara. Masyarakat yang berilmu pastinya dapat menilai dan membezakan yang mana permata yang mana kaca, yang baik dan yang buruk, yang betul dan yang salah meskipun berada di tengah-tengah suasana kehidupan yang serba-serbi canggih dari semasa ke semasa. Tidak dinafikan bahawa kehebatan teknologi maklumat seperti internet telah membolehkan kita menyelesaikan pelbagai urusan dengan mudah dan cepat. Hasilnya, lebih banyak masa, yang ibarat emas, dapat dijimatkan dari terbuang begitu sahaja.

Namun demikian, kita perlulah sentiasa berwaspada agar tidak leka dan mudah terlena di dalam buaian kehidupan yang serba-serbi moden ini. Tersilap langkah, kita akan bertukar menjadi manusia yang tidak tahu menghargai masa, malahan lebih dahsyat lagi, menjadi ejen kepada pembaziran masa. Masa hendaklah digunakan sebaik-baiknya pada jalan yang dituntut oleh Islam seperti beribadat, membuat amal kebajikan dan menuntut ilmu hingga ke akhir hayat.

Jumlah pelajar yang mengikuti pelbagai program pengajian di dalam dan luar negara terus menunjukkan pertambahan dari setahun ke setahun. Malahan kita bersyukur kerana terdapat di dalam kalangan mereka ini yang telah menunjukkan kemampuan dengan mencapai keputusan yang membanggakan dan kini menjadi sebahagian daripada 'tenaga-tenaga pembangunan' yang penting kepada negara. Mereka tidak mempersiasikan harapan ibu pertiwi untuk menjadi anggota masyarakat yang berilmu lagi terpelajar dan di sebalik penampilan dengan gaya, semangat dan pemikiran maju dan terkini mereka tetap kukuh mendukung falsafah Melayu Islam Beraja sebagai pegangan hidup di bumi Brunei Darussalam yang kita cintai ini.

Maka pada kesempatan ini, peramba/saya berpesan kepada para pelajar sekalian di mana jua, termasuk kepada diri saya sendiri, agar tetap berpegang kuat dengan nilai-nilai yang luhur. Tuntutlah ilmu kerana Allah semata-mata kerana niat seperti itu mampu melindungi dari kekusutan dan fikiran-fikiran berserabut yang boleh melemahkan pertahanan diri bagi menangkis serangan anasir-anasir yang ingin mencemarkan nama baik dan maruah negara.

Kasihilah tanah air dan pada waktu yang sama, hiasilah diri dengan akhlak dan sikap yang mulia serta pembawaan yang terpuji semasa berada di perantauan. Perkayakan diri dengan pemikiran-pemikiran kreatif dan inovatif serta semangat ingin bersaing untuk meraih kecemerlangan dan tidak akan mudah berpuas hati dengan kelulusan ala kadar sahaja. Ingatlah, pencapaian yang berkualiti dan

## Gunakan masa dengan sebaik-baiknya

# JANGAN LEKA, TERLENA, DALAM BUAIAN KEHIDUPAN MODEN

cemerlang oleh para graduan sudah pun menjadi satu tuntutan utama di dalam zaman globalisasi yang penuh cabaran dan persaingan sekarang.

Peramba/saya berbangga kerana di tengah-tengah keseronokan menikmati cuti musim panas yang sedang berjalan, ada mahasiswa mahasiswi yang sanggup menyertai kegiatan-kegiatan berunsurkan ilmu di tanah air. Ini dapat kita lihat dari penyertaan mereka yang begitu menggalakkan di dalam Konvensyen Pendidikan dan Profesionalisme Majlis Ilmu Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 pada bulan lalu. Ada pula yang mengikuti penempatan kerja di agensi-agensinya kerajaan dan bukan kerajaan secara sukarela tanpa mengharapkan apa-apa bayaran selain dari keazaman untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan pengalaman-pengalaman yang berkaitan walaupun sekelumit.

Semua ini mencerminkan kesedaran para mahasiswa mahasiswi akan pentingnya mengejar ilmu secara berterusan di mana sahaja dan pada bila-bila masa asalkan ada kemahiran dan peluang melakukannya. Ianya menepati maksud yang tersurat dan tersirat di dalam Majlis Ilmu 2005 yang antara lain telah memfokuskan kepada aspek-aspek pendidikan formal, tidak formal dan bukan formal. Kita penuh berharap lebih ramai lagi para mahasiswa mahasiswi yang akan tampil ke hadapan memberikan sokongan, dukungan, sumbangan berupa buah fikiran dan tenaga dan yang lebih penting ialah penyertaan mereka di dalam Majlis Ilmu yang sudah men-

jadi salah satu acara utama sambutan perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada setiap tahun.

Raja kita yang dikasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah menekankan bahawa ilmu itu sifatnya tidak statik tetapi berkembang. Ianya perlu dicapai dan dihayati, sejajar dengan zaman. Berhenti dari mengikuti perkembangan ilmu, bermakna menyekat perjalanan untuk maju, sedangkan menyekat perjalanan untuk maju itu adalah satu perbuatan yang sia-sia lagi tidak bertamadun. Tamadun tidak datang bergolek seperti bola, tetapi ia dibina dengan ilmu dan azam. Seharusnya kita, selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam mengambil iktibar dari pendekatan bernas baginda itu.

Rata-rata para mahasiswa mahasiswi sebarang laut menghabiskan masa paling sedikit selama tiga tahun dalam jurusan pengajian masing-masing. Tidak kurang pula yang terpaksa tinggal lebih lama daripada itu kerana keperluan menjalani latihan-latihan yang lebih mendalam dan terperinci untuk berjaya akhirnya mencapai status sebagai seorang yang berkemahiran dan profesional. Segala pahit-maung hidup di negara asing ditempuhi dengan tenang dan sabar kerana menyedari bahawa kejayaan tidak akan datang dengan sendirinya tanpa bersusah payah dan berhadapan dengan ujian terlebih dahulu.

Untuk itu, mahasiswa mahasiswi Negara Brunei Darussalam sebarang laut perlulah bijaksana menggunakan tempoh masa berada di luar negara dengan mengikuti kegiatan sekolah yang boleh memperkasa jati diri dan nilai-nilai kepimpinan. Hindarkan diri dari perbuatan dan tabiat buruk dan sia-sia seperti lepak, merokok dan pembaziran-pembaziran lain yang mengakibatkan kerugian wang, masa dan harta benda. Jaga nama baik ibu bapa dan keluarga dan berpegang teguhlah kepada konsep muafakat, kasih sayang dan nasihat-menasihati sesama kamu ke arah jalan kebaikan. Bagi pelajar-pelajar beragama Islam pula, lazimkan diri membaca Al-Quran walaupun hanya beberapa ayat pada tiap-tiap hari iaitu sebelum pergi memulakan pengajian dan pekerjaan agar segala urusan yang dilakukan mendapat hidayah,



**UCAPAN Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan, semasa merasmikan Perkampungan Sivik Mahasiswa/Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Seberang Laut Tahun 2005.**

petunjuk dan keberkatan dari Allah Subhanahu Wataala jua.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia sering mengingatkan kita tentang peranan seorang penuntut kepada negara. Baginda bertitah menekankan bahawa selain menjadi aset negara paling mahal, para penuntut juga umpama suluh dalam kegelapan malam. Mereka hendaklah pandai menghargai masa dan jangan sia-siakan masa walaupun sedikit. Di dalam memimba ilmu, para penuntut hendaklah menggunakan masa sepenuhnya dan sebaiknya dengan nota-nota dan buku-buku pelajaran. Inilah kawan paling akrab, menurut baginda. Berkawan jenis ini tidak akan menjerumuskan para penuntut kepada perkara-perkara yang tidak diinginkan, bahkan akan membawa mereka kepada kebaikan dan kejayaan.

Mengenai tema perkampungan kali ini yang berbunyi 'Mahasiswa-Mahasiswi Berilmu dan Bersepadu Memperkasa Bangsa', peramba/saya berpen-

dapat ianya amatlah bersesuaian sekali dan tepat pada masanya. Sudah 21 tahun kita menikmati kemerdekaan, maka tidak ada sebab mengapa kita belum dapat menunjukkan ciri-ciri kematangan melalui gaya hidup maju dan berdikari. Tidak ada negara yang dapat dibangun tanpa ilmu dan ke arah memastikan 'survival' bangsa dan negara, kita hendaklah memastikan bahawa generasi muda khususnya para graduan akan dapat memainkan peranan yang berkesan apabila tiba masanya nanti.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, peramba/saya menyeru semua pihak yang di dalam kerajaan atau sektor swasta agar bersedia menghulurkan tangan dan memainkan peranan aktif di dalam perkampungan sivik ini jika diperlukan. Perkampungan ini layak mendapat sokongan dan dukungan pada semua pihak sebagai wadah berterusan ke arah melahirkan anak bangsa Brunei yang terdidik dan terpelajar selain dari menyediakan 'utap' kepada mereka dalam mengharungi corak kehidupan di luar negara yang tidak serasi dengan nilai-nilai kebruneian yang kita diwarisi dari zaman ke zaman.

Akhirnya, dengan melafazkan kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim', peramba/saya sukacita merasmikan Perkampungan Sivik Mahasiswa/Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Tahun 2005 ini dan berdoa ianya akan berjaya mencapai matlamat yang diharapkan.

Wabillahir Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## RTB anjurkan Projek Menjejak Kampung Kali Kedua

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 19 September. - Jabatan Radio dan Televisyen Brunei akan menganjurkan Projek Menjejak Kampung kedua berlangsung pada 23 hingga 25 September di Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut di Mukim Kilanas.

Projek tersebut akan dijayakan bersama oleh 11 buah syarikat tempatan selaku penaja dan penduduk Mukim Kilanas.

Sehubungan itu Majlis Menandatangani Perjanjian tajaan bersama syarikat-syarikat tempatan dan RTB dilangsungkan hari ini di Studio A RTB di sini.

Jabatan Radio dan Televisyen Brunei diwakili oleh Pemangku Pengarahnya,

**Oleh Haji Ahmad Haji Salim**  
ahmad.salim@information.gov.bn

Awang Haji Mohd. Yusof dan syarikat-syarikat selaku penaja diwakili oleh wakil masing-masing.

Antara kandungan rancangan menjejak kampung ialah rancangan berbentuk rakaman seperti hari raya, mengenai sejarah, kemasyarakatan dan kemajuan Kampung Mukim Kilanas.

Projek Menjejak Kampung merupakan projek Jabatan Radio dan Televisyen Brunei yang melibatkan Seksyen Perkhidmatan Rancangan Radio, Seksyen Rancangan Tv dan Seksyen Hal Ehwal Semasa dan

Berita.

Sebelas buah syarikat tempatan selaku penaja yang terlibat dalam projek tersebut ialah Jasra Harrisons Sendirian Berhad & Nestle Products Sendirian Berhad, Brunei LNG Sendirian Berhad, Delcol Marketing Services, Syarikat Alias Sendirian Berhad, A. Ayam Berjaya Restaurant, Bonyan Import & Export, Restoran Nyonya, Quadra Vision Professional Balloon Decoration, NBT (B) Sendirian Berhad, Little Bean Company dan Bru Trends.



**PEMANGKU Pengarah Radio Televisyen Brunei (RTB), Awang Haji Mohd. Yusof dan wakil sebuah syarikat menandatangani perjanjian tajaan bersama bagi Projek Menjejak Kampung Ke-2. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.**

## Lawatan kerja ke Jabatan Penjara

**Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar**

**JERUDONG**, Rabu, 14 September. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Penjara, Jerudong.

Beliau diiringi oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliah-

kan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani bin Haji Ibrahim.

Pengarah Penjara, Awang Haji Ahmad bin Haji Dullah

mengetuai dan menyampaikan maklumat mengenai kerja-kerja yang dijalankan oleh jabatan itu serta membawa melihat secara lebih dekat kemudahan-kemudahan yang disediakan.

Yang Berhormat juga dibawa melawat ke bahagian tertentu yang terdapat di jabatan berkenaan dan berinteraksi bersama pekerja-pekerja serta mengetahui kerja-kerja yang dijalankan.

Turut sama dalam lawatan itu ialah pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian serta jabatan berkenaan.



PEGAWAI-PEGAWAI Kanan dari Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan, Malaysia ketika membuat lawatan kerja dan kunjungan muhibah ke Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri di Jalan Babu Raja. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.

## Rombongan Mufti Selangor lawat Jabatan Mufti Kerajaan

Oleh Abdullah Asgar  
abdullah.asgar@information.gov.bn

JALAN TUTONG, Isnin, 19 September. - Serombongan pegawai kanan dari Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan, Malaysia kini berada di negara ini dalam rangka lawatan kerja dan kunjungan muhibah Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak (Fatwa) ke Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri di Jalan Babu Raja di sini.

Mengetuai rombongan tersebut ialah Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan, Dato' Seri Utama Diraja S.S. Dato Setia Haji Mohd. Tamyas Abdul Wahid dan Timbalannya, S.S. Dato' Haji Abdul Majid Omar.

Lawatan kerja dua hari itu bertujuan mengeratkan hubungan kedua-dua jabatan yang mana visi Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam ialah sebagai sebuah institusi fatwa dan pengetahuan agama yang tertinggi dan berkualiti sebagai sumber rujukan hal-ehwal agama Islam.

Ketibaan rombongan berkenaan di Bangunan Darul-ifta dialu-alukan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato

Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohidin dan pegawai-pegawai kanan jabatan tersebut.

Turut menyertai rombongan tersebut ialah Yang Berbahagia Profesor Madya Dato' Haji Mohd. Mokhtar Haji Shafi, Pensyarah Jabatan Feqih dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya; Yang Berbahagia Profesor Madya Haji Md. Saleh Haji Ahmad dan lima orang pegawai kanan dan dua orang pegawai.

Semasa lawatan rombongan berkenaan telah dibentangkan taklimat oleh Timbalan Mufti Kerajaan mengenai peranan dan fungsi, visi dan misi dalam memainkan peranan mengeluarkan fatwa dan irsyad mengenai hukum-hukum dalam Islam.

Lawatan kerja rombongan Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan ke negara ini merupakan lawatan kerja kali pertama di mana mereka juga dijadualkan mengunjungi tempat-tempat menarik seperti Istana Nurul Iman dan Bangunan Alat Kebesaran Diraja.

## Kementerian Pendidikan titik beratkan perkembangan akademik, kokurikulum

Oleh Noor Khadijah Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 September. - Kementerian Pendidikan menitikberatkan perkembangan akademik dan kokurikulum secara seimbang dan menawarkan para pelajar dengan pelbagai peluang kemahiran supaya mereka nanti akan dapat mencapai kecemerlangan pendidikan serta kemahiran hidup bagi menyumbang kepada pembangunan bangsa yang seimbang.

Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Norjum binti Haji Yusop berucap demikian di Majlis Pertandingan Brunei Robotics Olympiad Ke-2 Bagi Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan dan Swasta Seluruh Negara Tahun 2005 bertempat di Dewan Serbaguna, Sekolah Rendah Pusu Ulak, di sini.

Beliau berkata bahawa Pertandingan Robotics yang menggunakan Lego Set dan komputer sudah setentunya memberi peluang kepada para pelajar mengaplikasikan program-program yang disediakan dalam komputer masing-masing kepada pembinaan robot mengikut program yang dikehendaki dalam pertandingan ini.

Dalam konteks ini keupayaan para pelajar membina robot yang diperlukan melalui 'hand-on-process', memberi rangsangan kepada para pelajar untuk menggunakan pelbagai kemahiran seperti 'cooperative problem solving', 'decision making', 'goal setting' dan 'logical thinking' yang mana penggunaan pelbagai kemahiran akan mengembangkan potensi sebenar pelajar-pelajar tersebut.

Teknologi Robotics merupakan aplikasi bagi mata pelajaran fizik, sains komputer, kejuruteraan, matematik dan pengajian komputer yang mana pen-

dedahan awal di kalangan pelajar sekolah rendah mengenai robotics bertujuan untuk meningkatkan minat dan memberi motivasi kepada para pelajar untuk mendalami pengetahuan yang berkaitan dengan teknologi.

Katanya, Pertandingan Robotics dijangka akan dapat memberi nilai tambah kepada pembelajaran murid-murid terutama

dalam mata pelajaran sains, matematik dan komputer.

Ke arah ini, tegasnya, para pentadbir sekolah, hendaklah bersikap proaktif serta turut menyertai pertandingan-pertandingan yang boleh membantu perkembangan minda para pelajar.

Menurutnya, Kementerian Pendidikan telah menghantar penuntut-penuntut Maktab Kejuruteraan Jefri

Bolkiah, Kuala Belait mewakili negara ke Pertandingan ABU, Robocon, Beijing 2005 dan telah berjaya menerima anugerah 'Toyota Awards - International Engineering Award'.

Pendedahan awal di kalangan para pelajar sekolah rendah tentang robot atau robotics ini adalah sangat bertepatan dalam usaha Kementerian Pendidikan mengembangkan minat para pelajar dalam mata pelajaran sains, matematik dan ICT.

## Sekolah Rendah Anggerek Desa Juara Robotics Olympiad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 September. - Sekolah Rendah Anggerek Desa muncul sebagai juara keseluruhan dalam Pertandingan Brunei Robotics Olympiad Ke-2 Bagi Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan dan Swasta Seluruh Negara Tahun 2005 bertempat di Dewan Serbaguna Sekolah Rendah Pusu Ulak, di sini.

Sekolah Rendah Anggerek Desa membawa pulang satu set permainan Lego Mindstorm dan trofi yang mana juara keseluruhan pertandingan tersebut akan terpilih mewakili Negara Brunei Darussalam dalam 2nd World Robotics Olympiad (WRO) 2005 di Bangkok, Thailand.

Sementara itu, Sekolah Rendah Muhammad Alam, Setia juara bagi Kategori 'Sprint: Pretzel Puzzle' membawa pulang wang tunai sebanyak \$400.00 serta trofi, manakala kategori 'Strength: Tug of War' di menangi oleh Sekolah Rendah Anggerek Desa juga membawa pulang wang tunai \$400.00 beserta trofi.

Pertandingan 'Brunei Robotics Olympiad 2005' yang sebelum ini dikenali sebagai 'Lego Mindstorm Competition' adalah usaha Kementerian Pendidikan untuk mempertingkatkan pengetahuan sains dan teknologi kepada semua peringkat umur buat kali keduanya yang di anjurkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEPS) dengan kerjasama Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad.

Pertandingan tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada para pelajar mengenai pembuatan robot dengan menggunakan komputer dan menanam minat terhadap kepentingan teknologi robot dalam kehidupan seharian serta memperkenalkan asas robot dan pembuatannya dari peringkat rendah.

Selain itu ia juga dihasratkan dapat meningkatkan minat dan kefahaman dalam mata pelajaran matematik, sains dan teknologi.



KEUPAYAAN pelajar membina robot dengan menggunakan Lego Set memberi peluang kepada mereka mengaplikasikan program-program yang disediakan dalam komputer. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.



PARA pelajar membentuk robot dengan menggunakan Lego Set di Pertandingan Brunei Robotics Olympiad Ke-2 Bagi Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan dan Swasta Seluruh Negara Tahun 2005. Majlis berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Rendah Pusu Ulak. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

## Lima pegawai polis hadir Perhimpunan Agung Interpol Ke-74

Oleh Aliddin Haji Moktal  
aliddin.moktal@information.gov.bn

BERAKAS, Rabu, 14 September. - Lima pegawai kanan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) yang diketuai oleh Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani berlepas ke Berlin, Jerman hari ini bagi menghadiri Perhimpunan Agung Interpol Ke-74.

Rombongan itu disertai oleh SAC Peng Eng Lee, Pengarah Penyiasatan Jenayah retariat, Pengiran Salleh bin Pengiran Chuchu, OCPD Daerah Tutong, DSP Amiruddin bin Haji Junaidi,

Pemangku Ketua Pesuruhjaya Sekteriat Polis, dan Inspektor Kanan Pengiran Muhaimin bin Pengiran Haji Mustapha.

Antara perkara yang akan dibincangkan dalam perhimpunan tersebut ialah isu jenayah antarabangsa yang memokuskan keselamatan antarabangsa Interpol dalam memerangi keganasan sejagat.

Selain menghadiri perhimpunan agung itu, rombongan juga akan mengadakan kunjungan ke Ibu Pejabat Polis Berlin bagi

melihat lebih dekat lagi cara Pasukan Polis Berlin menjalankan tugas harian sambil bertukar-tukar pendapat.

Perhimpunan Agung Interpol Ke-75 dijangka akan diadakan tahun depan di Morocco.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan PDB ialah Pemangku Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Awang Haji Ghani bin Omar dan para pegawai kanan PDB.

# BERANGKAT ADAKAN LAWATAN KERJA KE JABATANARAH KEWANGAN DAN PEROLEHAN, KEMENTERIAN PERTAHANAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan ketika berkenan menerima junjung ziarah kakitangan Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan.

BERAKAS, Khamis, 22 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan pagi ini berangkat meneruskan lagi siri lawatan kerja ke Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan.

Keberangkatan tiba DYTM di Bangunan Kementerian Pertahanan di Bolkiah Garison dijunjung oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri

Liputan Haji Dayang Haji Kasim  
dayang.kasim@information.gov.bn  
Gambar-gambar oleh  
Harun Haji Rashid

Haji Awang Halbi; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Haji Mustappa dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman.

Keberangkatan lawatan kerja DYTM dimulai dengan sesi sembah taklimat oleh Pengarah Jabatanarah Kewangan dan

Perolehan, Dayang Hajah Suriyah yang antara lain menyebarkan mengenai struktur, fungsi dan peranan organisasi, belanjawan serta proses TAFIS jabatan berkenaan dan kebajikan kakitangan. Antara tanggungjawab Jabatanarah Kewangan dan Perolehan ialah berhubung dengan pengurusan kewangan dan pembelian keperluan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Dalam sesi taklimat berkenaan, DYTM juga menyabdakan pertanyaan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan urusan pembelian dan khidmat pemerolehan serta tindakan-tindakan yang telah dibuat oleh Kementerian Pertahanan dalam mengaudit pembelian-pembelian.

DYTM kemudian berkenan menandatangani Buku Keberangkatan sempena lawatan kerja berkenaan dan kemudian dijunjung berangkat melawat ke bahagian-bahagian dalam Jabatanarah Kewangan dan Perolehan.

Lihat muka 13



DYTM ketika mendengar sembah taklimat di Bahagian Pentadbiran, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan (atas kiri). Sementara gambar atas kanan, DYTM ketika melawat salah sebuah unit di Jabatanarah Kewangan dan Perolehan sambil disebarkan taklimat.



DYTM ketika berkenan merakamkan gambar kenang-kenangan bersama pegawai dan kakitangan Jabatanarah Kewangan dan Perolehan (atas).

PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan dan Timbalan Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan yang mengiringi keberangkatan lawatan kerja DYTM (kiri).

DYTM ketika disebarkan taklimat mengenai Unit Dokumentasi dan Penyelidikan Pasaran, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan (kanan).





DULI Yang Teramat Mulia ketika disembahkan taklimat mengenai fungsi dan peranan Unit Kewangan.

**Dari muka 12**

Bahagian yang mula-mula dikunjungi ialah Unit Tawaran, Sekretariat Lembaga Tawaran Kecil. Unit ini menangani beberapa tawaran termasuk pengubahsuaian, pembelian secara langsung, tawaran terbuka dan kontrak berterusan. Tawaran-tawaran tersebut akan dipertimbangkan sebelum proses pelulusan. Manakala Unit Kewangan bertanggungjawab bagi semua pembayaran dan menerima sama ada dari dalam ataupun luar negara.

Kemudian DYTM dijunjung berangkat melawat Pejabat Perolehan. Di sini ini DYTM berkenan meninjau secara lebih dekat lagi beberapa buah unit lain. Antara unit yang dilawati ialah Unit Dokumentasi dan Penyelidikan Pasaran yang bertanggungjawab memproses pendaftaran syarikat-syarikat sebagai pembekal ke Kementerian Pertahanan. Sementara Unit Audit Dalaman pula menangani sebarang laporan dan pertanyaan yang diterima dari Jabatan Audit. Jabatan Pentadbiran pula mengurus para pegawai dan kakitangan Jabatan-

arah Kewangan dan Perolehan.

Sebelum berangkat menamatkan keberangkatan lawatan kerja, DYTM berkenan bergambar ramai bersama pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatanarah Kewangan dan Perolehan dan juga menerima junjung ziarah.

Lawatan kerja DYTM merupakan siri lawatan kerja ke jabatanarah-jabatanarah di bawah Kementerian Pertahanan yang antara lainnya bertujuan untuk memperkenal dan memperjelaskan peranan serta fungsi-fungsi jabatanarah-jabatanarah berkenaan.



DYTM ketika disembahkan taklimat mengenai prosedur manual kerja di Unit Audit Dalaman, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan.



KEBERANGKATAN tiba DYTM dijunjung oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.



DYTM berkenan mendengar taklimat mengenai struktur dan fungsi organisasi Jabatanarah Kewangan dan Perolehan (atas).

DYTM berkenan menerima junjung ziarah para pegawai jabatan tersebut (atas kanan).

PENGARAH Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Dayang Hajah Suriyah binti Haji Umar ketika menyembahkan taklimat ke hadapan majlis DYTM (kiri).

DYTM berkenan melihat lebih dekat lagi perkembangan dan kemajuan Unit Dokumentasi dan Penyelidikan Pasaran (kanan).



**D**ARAH merupakan jiwa dan intipati kehidupan. Darah seseorang merupakan bantuan nyawa kepada orang lain. Pendermaan darah adalah suatu perbuatan kebajikan yang unik. Seperti yang kita maklum, pendermaan darah ialah satu perkara yang amat menakjubkan dan sangat penting. Pendermaan darah merupakan satu tanggungjawab utama dengan berasaskan pendermaan secara sukarela dan tidak menerima ganjaran. Darah ialah satu komoditi, yang tidak boleh ditiru atau dibuat, kerana punca darah adalah sumber semula jadi manusia. Pakar perubatan berpendapat bahawa seseorang itu boleh menderma darah sebanyak tiga ke empat kali dalam setahun.

Orang ramai dan para profesional memandang pendermaan darah sebagai satu cara rawatan yang penting. Pesakit-pesakit memerlukan darah seperti mereka yang menghidap penyakit darah termasuk thalassaemia, leukemia, haemophilia, anaemia, di samping jika berlaku kekurangan darah yang banyak semasa pembedahan dan melahirkan anak, trauma dan kemalangan.

Perlu diingat bahawa pendermaan darah telah menyelamatkan berjuta-juta nyawa di seluruh dunia dan seseorang yang menderma darahnya untuk menyelamatkan nyawa orang lain adalah satu perkhidmatan yang mulia.

**TABUNG DARAH HOSPITAL RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA**

Di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), pendermaan darah dikendalikan oleh Tabung Darah, yang beroperasi sebagai unit bergerak dan juga untuk kunjungan penderma. Unit ini bertanggungjawab memberi motivasi kepada penderma-penderma darah, mengungkayahkan kempen-kempen pendermaan darah dan menerima penderma-penderma darah baru dan selamat. Kempen-kempen diadakan di jabatan-jabatan kerajaan, sekolah-sekolah, maktab-maktab, universiti, kem-kem askar dan juga dengan menghubungi pelbagai pertubuhan atau persatuan berbilang bangsa.

Pemilihan penderma darah dan pemeriksaan darah bagi mengesan jangkitan (seperti Hepatitis, HIV dan Sifilis) merupakan dua garisan pertahanan untuk memastikan keselamatan penderma. Penderma-penderma darah sukarelawan dan tetap, merupakan asas bekalan darah yang selamat.

Sebelum setiap pendermaan dilakukan, penderma hendaklah menjalani pemeriksaan lengkap untuk memastikan penderma



dalam tahap kesihatan yang baik dan tidak pernah atau sedang menghidap sebarang penyakit.

Penerimaan penderma darah berasaskan dua fakta penting, pertama pendermaan darah tidak akan menjejaskan kesihatan penderma iaitu tidak menghidap penyakit seperti tekanan darah tinggi, penyakit jantung, penyakit buah pinggang, alergi dan pendarahan. Kedua, penderma tidak menghidap penyakit yang boleh menjangkiti pesakit seperti Hepatitis, HIV dan Sifilis.

**Penilaian perubatan ke atas penderma darah termasuk:**

- \* Sejarah Perubatan.
  - \* Pemeriksaan fizikal.
  - \* Ujian makmal biasa.
- Sejarah perubatan termasuk:**
- \* Umur (18 - 60 tahun).
  - \* Berat badan (48 kg).
  - \* Sama ada penderma memakan ubat-ubatan.
  - \* Keterangan haid, bagi wanita.
  - \* Tarikh terakhir pendermaan darah.
  - \* Sama ada baru menjalani suntikan.

**Pemeriksaan fizikal termasuk:**

- \* Tekanan darah.
- \* Pemeriksaan jantung dan paru-paru.
- \* Jika mendapat bukti menghidap anaemia.

**Ujian makmal biasa**

- \* Anggaran haemoglobin.

Apabila penderma telah memenuhi kriteria seperti tersebut di atas, dia akan diarahkan untuk berbaring bagi diambil darah dalam keadaan aseptik. Secara serentak, darah akan diambil tabung spesimen untuk pemeriksaan unit-unit darah. Apabila darah sudah diambil, paket-paket darah akan dihantar ke Tabung Darah di mana darah berkenaan disimpan mengikut kumpulan jenis

# Derma darah dan selamatkan nyawa

Mereka perlu mengetahui bahawa melalui proses berterusan dalam badan, pemusnahan dan pertumbuhan semula sel-sel merah akan berlaku walaupun seseorang itu tidak menderma darah. Oleh yang demikian, mengapa seseorang itu patut

**Oleh Dr. Kumari Vasanthe  
Pegawai Perubatan  
Tabung Darah Hospital RIPAS**

melepaskan peluang untuk menderma darah, menikmati keistimewaan menyelamatkan nyawa seseorang akibat kekurangan

bekalan darah.

Jika orang ramai atau penderma-penderma darah kurang mengetahui sistem perkhidmatan men-

derma darah, mereka dialu-alukan berkunjung ke Tabung Darah. Kaki-tangan klinikal dan teknikal di sana sentiasa bersedia untuk memberi penerangan kepada awda dan jika perlu mereka boleh dihubungi bagi sebarang pertanyaan atau maklumat tertentu.



KELIHATAN orang ramai melakukan pendaftaran dan selanjutnya menjalani pemeriksaan sebelum proses menderma darah.



SEBAGIAN daripada orang ramai yang menderma darah kepada Tabung Darah Hospital RIPAS.

**ARENA SUKAN**

# SPA juara sepak takraw JPM

GADONG, Jumaat, 23 September. - Pasukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) akhirnya berjaya menjuang piala Kejohanan Sepak Takraw Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya 2005 setelah berentap tiga set bagi menegenipkan Biro Kawalan Narkotik (BKN) dengan kiraan 16 - 21, 21 - 16 dan 15 - 10.

Pada set pertama, regu BKN berjaya mengatasi regu SPA walaupun regu SPA mempunyai kelebihan dengan 'killer'-nya Tuah Umar yang sering mematikan bola, namun ke-

Oleh Abdullah Asgar  
abdullah.asgar@information.gov.bn

gagalan tekong mereka (Haji Ahmad Matyassin) yang sering kandas dan servis keluar gelanggang membuatkan SPA kurang konsentrasi dan akhirnya mereka tewas pada set pertama 16 - 21.

SPA bangkit di set kedua dengan mengutip mata demi mata dengan Tuah Umar dan Haji Ahmad yang berjaya menemukan sentuhan serta terus menguasai perlawanan dengan berjaya menge-

kang libasan 'killer' BKN, Azamani Haji Abdul Raneer akan tetapi sekali-sekala BKN juga memberi tentangan, sayangnya tekong mereka (Othman Haji Ahmad) kurang mematikan servis membuatkan mereka kalah dengan kiraan 21 - 16.

Ketika set penentuan SPA terus mendahului punggutan mata dengan 'killer' BKN sering kandas di jaring apabila membuat rejaman sehinggalah mereka terpaksa akur dengan kiraan 15 - 10 walaupun sekali-sekala mengutip mata bagi memberi saingan tetapi kelemahan tekong membuatkan mereka kalah di set itu.

Piala kejohanan tersebut adalah sumbangan Setiausaha Tetap JPM, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail yang juga selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada juara dan para pemenang yang lain.

Perlawanan akhir berlangsung di Dewan Stadium Hassanal Bolkiah Polis di sini dengan hanya lima jabatan mengambil bahagian. Pasukan itu ialah Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB), SPA, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), BKN dan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (JPP).

Tempat ketiga bersama ialah RTB dan JPP setelah kalah pada pusingan separuh akhir oleh lawan masing-masing.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail menyampaikan piala kepada ketua pasukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) yang muncul juara Kejohanan Sepak Takraw Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya. - Gambar oleh Masri Osman.

# Lima jabatan sertai tarik kalat JPM

Oleh Haji Ahmad Haji Salim  
ahmad.salim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 September. - Perlawanan tarik kalat kali ketiga Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya dilangsungkan malam tadi dengan acara pembukaan dan perlawanan saringan sebagai pembuka tirai yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di sini.

Sebanyak lima buah jabatan menyertai perlawanan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan buat kali kedua iaitu Jabatan Penerangan, Biro Kawalan Narkotik (BKN), Radio dan Televisyen Brunei (RTB), Adat Istiadat Negara dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).

Pelancaran perlawanan di rasmikan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Mas'ut dengan meniupkan wisel bagi menandakan perlawanan peringkat saringan bermula pertemuan antara Jabatan Penerangan dan BKN.

Terdahulu dari itu Pengarah Penerangan selaku tetamu kehormat diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan yang menyertai tiga hari kejohanan tarik kalat.

Dalam perlawanan peringkat saringan yang dijalankan sebanyak tujuh perlawanan secara 'round robin', Jabatan Penerangan dan BKN bertemu dalam perlawanan pertama dengan berkesudahan Jabatan Penerangan berjaya menewaskan BKN dalam kedua-dua pusingan dengan mengutip empat mata.

Perlawanan kedua pertemuan Jabatan Adat Istiadat Negara bertemu dengan PDB merupakan johan bertahan, hanya menang tipis dengan mengutip mata 2.5 pada pusingan pertama dan satu mata bagi Jabatan Adat

Istiadat Negara yang memenangi pusingan kedua.

Manakala pertemuan ketiga Jabatan Penerangan sekali lagi meraih kemenangan selepas menewaskan Jabatan RTB dengan kutipan 1.5 mata. Sementara dalam pertemuan keempat, PDB berjaya mengutip lima mata percuma kerana JPM tidak menghadirkan diri dalam perlawanan tersebut.

Jabatan RTB sekali lagi menerima kekalahan buat kali kedua di tangan BKN dengan mengutip 2.5 mata dalam perlawanan kelima. Dalam pertemuan saringan keenam Jabatan Penerangan dengan mudah menewaskan Jabatan Adat Istiadat Negara, mengutip 2.5 mata dalam kedua-dua pusingan.

Pertemuan BKN dengan JPM yang merupakan perlawanan saringan terakhir malam pertama, BKN memenangi mata percuma hasil kegagalan JPM hadir dalam perlawanan itu dengan mengutip lima mata.

Dalam perlawanan saringan malam pertama Jabatan Penerangan berhasil mengutip lapan mata, PDB mengutip 7.5 mata, BKN meraih 7.5 mata, Jabatan Adat Istiadat Negara mengutip satu mata dan Jabatan RTB dan JPM tidak meraih sebarang mata.

Perlawanan bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan sifat bekerjasama antara pegawai-pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Di samping itu sebagai salah satu riadah bagi kesihatan fizikal, mental dan juga rohani serta menambah lagi acara-acara sukan yang dipertandingkan setiap tahun dalam acara sukan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.



SALAH sebuah jabatan yang menyertai Perlawanan Tarik Kalat beraksi di Peringkat Kelayakan. - Gambar oleh Hernie Suliana.

# Lebih 100 sertai basikalton Kementerian Pembangunan

Oleh Abdullah Asgar  
abdullah.asgar@information.gov.bn

BERAKAS, Ahad, 18 September. - Lebih 100 orang penggemar sukan basikalton di negara ini secara sukarela menyertai acara Basikalton Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang dikelolakan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan.

Acara tahunan ini melibatkan jarak perjalanan 40 kilometer yang bermula dan

berakhir di kawasan Bangunan Ibu Pejabat jabatan berkenaan dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Antara yang menyertai ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd. Hussein dan beberapa orang pegawai kanan di dalam kementerian berkenaan.

Beberapa orang anak sekolah yang berusia di bawah 10 tahun juga menyertai basikalton, di samping beberapa orang peserta wanita yang turut menggemari sukan basikalton.

Pihak penganjur juga menyediakan beberapa hadiah tiket cabutan bertuah kepada para peserta yang mengisi borang penyertaan dengan menandakan bayaran \$5.00. Antara hadiah utama yang menarik secara tajaan ialah satu unit peti televisyen dan dua buah basikal gunung.

# Mukim Tamoi kuasai Perlumbaan Kayak

Oleh Noor Khadijah Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 September. - Mukim Tamoi muncul sebagai juara keseluruhan dalam Pertandingan Sukan Kayak Mukim-mukim Daerah Brunei dan Muara (DBM) berlangsung di Peranginan Sungai Damuan, Batu 3, Jalan Tutong di sini.

Naib johan keseluruhan pertandingan tersebut disandang oleh Mukim Serasa, manakala tempat ketiga ialah Mukim Gadong.

Pertandingan tersebut merupakan acara kesembilan daripada 13 acara yang dipertandingkan sehingga hujung tahun ini yang melibatkan mukim-mukim di seluruh DBM.

Lapan buah mukim turut bertanding dalam pertandingan tersebut termasuk Mukim Pengkalan Batu, Kilanas, Kota Batu, Peramu dan Burong Pinggai Ayer.

Tetamu kehormat, Penolong Pegawai DBM, Awang Haji Jamain bin Momin, berkata kesungguhan Mukim Tamoi dan Kianggeh mengendalikan kejohanan tersebut merupakan satu lagi contoh yang ditunjukkan oleh Majlis dan Persatuan Belia-belia Kayak di daerah ini dalam mendukung hasrat kerajaan khususnya pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dalam memastikan belia-belia kita hari ini akan terus bergiat cergas serta melibatkan diri dalam apa-apa jua jenis sukan yang dianjurkan di negara ini.

Beliau menjelaskan penglibatan belia-belia dalam persatuan kayak daerah ini terus mendapat perhatian daripada semua pihak yang terbukti bahawa penghormatan yang diberikan oleh Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-59 di mana para belia Persatuan Kayak telah dikehendaki untuk turut mengambil bahagian dalam persembahan di air iaitu di Sungai Kedayan, semasa Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli Beramah Mesra Bersama Rakyat dan penduduk di DBM, di Taman Jubli Perak lalu.

Kejohanan Kayak Sukan Mukim-mukim DBM 2005 dianjurkan oleh KKBS dengan kerjasama Pejabat DBM, persatuan-persatuan sukan kebangsaan serta mukim-mukim DBM.



PENOLONG Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamain bin Momin ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Sukan Kayak Mukim-mukim Daerah Brunei dan Muara. - Gambar oleh Pg. Hj. Bahar Pg. Hj. Omar.

### Keputusan perlawanan pusingan ke-2 Piala FA Perdana 2005/2006

Muara Vella FC - 3 Sabina FC - 4	Indera FC - 1 Kota Ranger FC - 4
Perinjau FC - 0 AM Gunners - 1	NBT FC - 1 SG. Buluh FC - 0
Perkasa FC - 2 Lun Bawang FC - 0	Sengkureng FC - 0 Jerudong FC - 3
IBM Bokok - 1 ABDB - 5	Wijaya FC - 0 DPMM FC - 2
Bandaran KB - 2 March United - 3	Kasuka FC - 0 AH United - 2
Kilanas FC - 2 QAF FC - 6	Majra FC - 2 Arena FC - 0
Brunei Shell FT - 9 KG. A FC - 1	P. Akse - 3 IB Bersatu FC - 5

Pasukan yang menang layak mara ke pusingan ketiga Piala FA 2005/2006

## WAKTU BEKERJA DI BULAN RAMADAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 September. - Pada menjunjung sabda perkenan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan, maka Jabatan Perdana Menteri dalam surat kelilingnya Bilangan 7/2005 bertarih hari ini memaklumkan bahawa waktu-waktu bekerja di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan sepanjang bulan Ramadan bagi tahun Hijrah 1426/2005 Masihi adalah seperti berikut:

Hari Isnin hingga Khamis : Jam 8.00 pagi hingga dan hari Sabtu 2.00 petang

Menurut surat keliling itu, masa bekerja bagi pekerja-pekerja bergaji hari pula hendaklah dikurangkan selama satu jam dari waktu-waktu bekerja biasa sementara penentuan memulakan kerja diserahkan kepada budi bicara kementerian/jabatan masing-masing.

### Dari muka 1

Duli Yang Teramat Mulia menegaskan, kejayaan adalah berkait rapat dengan kualiti pendidikan serta juga persekitaran persekolahan. Kualiti itu, sabda DYTM, bukanlah dengan memiliki prasarana yang lengkap semata-mata, tetapi juga turut dipengaruhi oleh iklim keceriaan dan kerian para pelajar untuk menerima pelajaran-pelajaran mereka.

Ke arah itu DYTM menjelaskan, ada dua faktor bagi sesebuah sekolah itu perlu memilikinya. Pertama, persekitaran yang selesa dan kedua, guru-guru yang baik dan berpengalaman. Kedua-dua faktor ini menjadi nadi tarikan dan keseronokan bagi pelajar-pelajar untuk lebih giat belajar.

"Kewajipan kita semua, lebih-lebih lagi guru-guru ialah menjadikan sekolah sebagai rumah kedua (second home) kepada pelajar-pelajar, di mana mereka cukup seronok dan bangga dengannya, bukan menganggapnya sebagai tempat yang menyusahkan," sabda DYTM memberikan gagasan.

DYTM juga menjelaskan, hasrat negara yang utama ingin melihat pelajar-pelajar kita benar-benar memahami kepentingan ilmu pengetahuan serta kewajipan bagaimana untuk kita mencapai tahap pendidikan yang benar-benar sebanding dengan negara-negara maju.

Sebagai salah satu usaha kita membudayakan diri dengan ilmu, sabda DYTM seterusnya, dapat

dibuktikan melalui keanggotaan negara di dalam Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). Daripadanya kita dapat mempelajari pelbagai kaedah dan menggunakannya apa-apa yang bersesuaian.

Pada awalnya, DYTM bersabda, menjunjung kasih yang setinggi-tingginya ke hadapan majlis paduka ayahanda Duli Yang Teramat Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kepercayaan baginda pada menitahkan DYTM untuk mewakili baginda di Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam pada tahun ini.

DYTM bersabda, paduka ayahanda dengan tulus ikhlas menyampaikan rasa terkilan kerana tidak dapat berangkat sendiri ke majlis itu disebabkan baginda masih berada di luar negara setelah menghadiri ASEAN - UN Leaders Meeting, High-Level Plenary Meeting dan General Debate of The 60th Session of The United Nations General Assembly di New York.

Tetapi walau bagaimanapun, sabda DYTM lagi, paduka ayahanda sekali-kali tidak lupa menyampaikan setinggi-tinggi tahniah kepada semua warga guru dan juga mereka yang berkaitan dengan sambutan bersejarah itu. Baginda juga berdoa semoga Hari Guru akan tetap menjadi wadah bagi kita mengenang dan menghargai jasa-jasa para guru kita, selaku pengasas dan pencetus kejayaan bangsa.

RIMBA, Isnin, 26 September. - Bengkel Pensejajaran Kementerian Kesihatan adalah penting dalam usaha kementerian itu mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah pelaksanaan dasar perancangan kemajuan serta pembangunan yang mana melalui pensejajaran rancangan strategik boleh diselesaikan dan dilaksanakan dengan lebih cepat.

Arahan bagi pensejajaran tersebut telah ditekankan di dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri (JPM) Bil: 01/2004, di mana semua agensi kerajaan diseru untuk menyesuaikan misi, visi dan matlamat masing-masing dengan meneruskan usaha yang telah dimulakan sejak tahun lalu.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi bin Haji Osman berucap demikian di Majlis Perasmian Program Bengkel Pensejajaran Bahagian/Unit Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Isteri (RIPAS) bertempat di Dewan Penghormatan Institut Perkhidmatan Awam (IPA), di sini.

Yang Berhormat berkata, bahawa antara visi kementerian tersebut ialah untuk menjadikan kementerian berkenaan satu organisasi yang berprestasi tinggi dan berhasil memainkan peranannya memelihara kesihatan rakyat serta penduduk di negara ini, sebanding dengan yang terbaik di rantau ini dan membolehkan setiap rakyat dan penduduk di negara ini mencapai taraf hidup yang tinggi dari segi keperluan sosial, ekonomi dan keupayaan mental sepanjang hayat mereka.

Manakala misi kementerian pula, tambah Yang Berhormat lagi, meningkatkan lagi kesihatan dan kesejahteraan

# Pensejajaran percepat rancangan strategik

Oleh Noor Khadijah Tengah



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

raan tubuh badan penduduk di Negara Brunei Darussalam melalui sistem penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi dan komprehensif, efektif, efisien, responsif, berkemampuan dan saksama serta dapat dinikmati oleh semua.

Yang Berhormat menjelaskan kementerian tersebut tidak mahu visi dan misi itu sebagai ungkapan yang sedap didengar semata-mata, kerana ukuran sejauh mana kita berjaya sebagai sebuah organisasi bukan letaknya ke atas visi dan misi yang tertulis dengan indah, tetapi ialah apa yang boleh kita jadikan realiti dan 'deliver' kepada masyarakat.

Yang Berhormat menambah, kerap kali kerja atau rancangan tersebut dapat dilaksanakan disebabkan oleh konflik dalam organisasi kementerian tersebut yang mana konflik tersebut mungkin berpunca dari tatacara kita bekerja, penyusunan struktur pentadbiran yang terlalu 'inflexible' dan banyak 'red tapes', kepentingan kerja yang tidak selaras mungkin juga tumpuan pembahagian kerja yang tidak seimbang dengan keperluan serta kemahiran seseorang, mungkin juga disebabkan personaliti dan ego seseorang ketua atau pegawai di sebuah jabatan dan bahagian yang tidak menyumbangkan kepada kebaikan keseluruhan jabatan serta bahagian di bawahnya.

"Jika konflik seperti ini tidak dapat kita atasi maka kementerian akan dalam keadaan serba-serbinya dengan sendirinya 'pulled into differ-

ent directions' kerana 'organisational values', 'organisational goals' dan 'organisational objectives' diketepikan oleh 'individual values', 'individual goals' dan 'individual objectives'." kata Yang Berhormat.

Jika ini terjadi maka setentunya kita tidak akan mampu bergerak untuk merealisasikan visi dan misi kementerian kerana setiap individu, jabatan dan bahagian mempunyai tatacara kerja dan prioriti yang tersendiri. Oleh itu kita perlu mensejajarkan operasi-operasi dalam Kementerian Kesihatan agar kita sebagai satu organisasi dapat bergerak ke arah satu hala dan tujuan.

Bengkel Pensejajaran hari ini, jelas Yang Berhormat, di-

fokuskan kepada Hospital RIPAS dan merupakan 'pilot project' bagi Kementerian Kesihatan yang mana Hospital RIPAS dan pusat-pusat kesihatan adalah satu agensi Kementerian Kesihatan yang berhubung terus atau mempunyai 'close contact' dengan orang ramai seperti juga mana-mana hospital di luar negeri. Hospital RIPAS mempunyai banyak bahagian dan sub-bahagian seperti dispenser, ambulance, radiologi, maintenance, yang semuanya berperanan untuk mendukung Hospital RIPAS agar dapat berfungsi dengan sempurna yang memerlukan semua bahagian untuk beroperasi dengan licin agar keseluruhan jentera Hospital RIPAS dapat bergerak untuk memberi khidmatnya pada masyarakat.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa sebarang masalah yang timbul dalam penyediaan dan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai akan mendedahkan kelemahan serta kurang keupayaan sebagai organisasi yang akan mengurangkan keyakinan orang ramai terhadap perkhidmatan yang mampu diberikan oleh Hospital RIPAS dan Kementerian Kesihatan.

Oleh itu, tambah Yang Berhormat lagi, sebagai 'frontline agency' adalah perlu kita memastikan bahawa setiap bahagian di Hospital RIPAS beroperasi dengan teratur, saling dukung-mendukung dan

bersatu untuk mencapai visi Hospital RIPAS iaitu 'to excel in providing dedicated health care services to all' serta misinya untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang 'integrated'.

Tegas Yang Berhormat, adalah wajar jika bengkel tersebut dimulakan dengan Hospital RIPAS kerana setinggi dan sejauh mana visi serta misi kementerian jika pada perkhidmatan asas kita, di peringkat rawatan kurang memuaskan, kejayaan dan kewujudan kita sebagai organisasi yang bertanggungjawab dalam perih kesihatan awam akan dipertikaikan dan tercabar.

Yang Berhormat berharap bahawa bengkel tersebut berhasil menyatupadukan kerja-kerja harian, lebih-lebih lagi di hospital dan pusat kesihatan serta meningkatkan kerjasama antara kita akan menambahkan pengetahuan dan kefahaman pegawai-pegawai dan kakitangan dalam proses kerja serta bidang kerja masing-masing supaya tidak dikesapi oleh sikap 'complacency' atau 'alienation'.

"Saya juga ingin melihat Bengkel Pensejajaran ini dilartakan juga kepada lain-lain hospital dan pusat kesihatan sebagai langkah kita untuk menjadikan setiap hospital dan pusat kesihatan efisien dan betul-betul memberi khidmat yang diperlukan oleh masyarakat," kata Yang Berhormat.

# Perdagangan ASEM terus tumbuh

Oleh Abdullah Asgar

abdullah.asgar@information.gov.bn

JERUDONG, Rabu, 21 September. - Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Haji Hamdilah bin Haji Abdul Wahab menjelaskan perdagangan di kalangan ahli-ahli ASEM telah tumbuh berterusan sejak lima tahun kebelakangan ini.

Beliau berkata, pada tahun 2000 lalu jumlah perdagangan

luaran Asia ASEM dengan EU25 mencapai nilai kira-kira 400 juta euro atau US\$492 juta.

Namun tahun lalu, tambahnya, ia telah bertambah kepada 450 juta euro (US\$558 juta) dengan purata pertum-

buhan melebihi tiga peratus setahun.

"Dari pandangan Asia, apa yang signifikan ialah lebih perdagangan itu berpihak kepada Asia iaitu pada jumlah 147 juta euro atau US\$183 juta pada tahun lalu dengan purata 32 peratus jumlah perdagangan," ujarnya.

Beliau mengatakan demikian ketika berucap di Pembukaan Rasmi Forum Kemunculan Pemimpin-pemimpin Ekonomi Asia - Eropah 'Mentorabangsan Perusahaannya Kecil dan Sederhana' (Asia - Europe Emerging Economic Leaders Forum: 'The Internationalisation of SMEs') berlangsung di sebuah hotel di Jerudong.

Jelasnya, melihat dari angka tersebut sangatlah membanggakan, namun melihat pada saham peratusnya bagi perdagangan di antara kedua-dua rantau, terdapat banyak ruang untuk dimajukan.

Buat masa ini, menurut Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah, eks-

port Eropah ke Asia constitutunya hanya di antara 15 peratus dari jumlah eksport walhal eksport Asia ke EU25 di antara 16 peratus dari jumlah eksport kepada dunia.

"Di dalam kes Negara Brunei Darussalam, perdagangan luaran kita dengan Eropah pada tahun 2002 adalah di antara US\$239.18 juta yang hanya melimpasi purata empat peratus dari jumlah perdagangan luaran," katanya.

Dalam hal ini, menurut beliau, terdapat banyak lagi ruang bagi perdagangan yang perlu dikembangkan di antara ahli-hali ASEM, EU25 dan Negara Brunei Darussalam.

Beliau berharap pengusaha-pengusaha muda di rantau ini dapat memainkan peranan penting di dalam proses ini dengan sanggup berdepan risiko dan dengan kesedaran serta kekuatiran dunia sangat penting bagi merebut peluang-peluang yang ada terutamanya dalam dasar ekonomi di abad 21.

Sebagai pengusaha muda, katanya, seharusnya rekomen-dasi mereka biarlah fokus terhadap mekanisme yang konkrit yang akan menyumbang-

kan kepada perdagangan dan pelaburan yang luas, bukan hanya di antara SME ASEM tetapi juga dalam suasana perniagaan yang besar.

Forum empat hari itu disertai oleh lebih 100 orang pengusaha-pengusaha dari Asia dan Eropah yang dianjurkan bersama Persatuan Pengusaha Muda Brunei dengan Yayasan Asia - Eropah untuk menyediakan satu pentas bagi mewujudkan dan mengukuhkan rangkaian di antara peserta seminar Asia dan Eropah.

Forum tersebut juga dihasratkan bagi memenuhi gol dasar masing-masing bagi mempromosikan rangkaian di kalangan pengusaha Asia dan Eropah bagi membolehkan akses di antara satu dengan yang lain dan bagi menyediakan inspirasi semasa pengusaha.

Selain itu penganjur forum juga berharap supaya perbincangan selama empat hari itu akan dapat menyediakan pentas kepada kedua-dua pihak untuk membina rangkaian yang kukuh dan memberikan peluang bagi mendalami bagaimana menggunakan rangkaian-rangkaian yang ada semaksima yang boleh.



TIMBALAN Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Haji Hamdilah bin Haji Abdul Wahab ketika hadir membuka rasmi Forum Kemunculan Pemimpin-pemimpin Ekonomi Asia - Eropah 'Mentorabangsan Perusahaannya Kecil dan Sederhana'. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.

## برسقادو ممفرتيقتكن كچمرلغن فرخدماتن عوام BERSEPADU MEMPERTINGKATKAN KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN AWAM

دتریتکن اوله جباتن فرراغن، جباتن فردان منتري دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقنن کراجان، جباتن فردان منتري، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**TALIAN PENTING**

Ambulans

**991**

Polis

**993**

Bomba

**995**

Mencari & Menyelamat

**998**

**PERKHIDMATAN-  
PERKHIDMATAN  
PENTING**

Air

**140**

Elektrik

**144**

Maklumat Penerbangan

**2331747**

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

**2332600**

Unit Pengurusan Bencana Alam

**2381874**

**2381313**

**2382143**

**2382027**

Penderaan

**2338700**

**2339733**

**2345050**

# Masyarakat perlu dididik agar membenci rasuah

RIMBA, Sabtu, 24 September. - Biro Mencegah Rasuah (BMR) Negara Brunei Darussalam dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) Malaysia memutuskan supaya Kumpulan Kerja yang sedia ada mengahului tema rujukan agar skop kerjasama dapat diperluaskan merangkumi bidang pencegahan dan pendidikan masyarakat.

Usaha mencegah punca dan peluang rasuah dalam sistem prosedur kerja kini menjadi semakin penting dan masyarakat umum pula perlu diberi pendidikan sewajarnya agar membenci segala bentuk rasuah dan memberi sokongan terhadap usaha ke arah pencegahan.

Keputusan ini terkandung dalam kenyataan akhbar Mesyuarat Tahunan Kerjasama Dua Hala Ke-3 BMR Negara Brunei Darussalam dan BPR Malaysia yang dikeluarkan semalam setelah bersidang selama tiga hari bermula 21 September lalu.

Dalam kenyataan itu, BPR Malaysia mengumumkan penubuhan Akademi Pencegah Rasuah Malaysia (MACA) yang akan beroperasi lewat tahun ini. Akademi tersebut akan menjadi sebuah pusat pembelajaran pencegahan rasuah peringkat serantau dan antarabangsa, termasuk program pencegahan rasuah dan integriti.

BPR juga telah membuat perancangan pelbagai kursus dalam bidang-bidang khusus di akademi tersebut dan menawarkan penyertaan pegawai-pegawai BMR Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat Kerjasama Dua Hala antara BMR Negara Brunei Darussalam dan BPR Malaysia bermula sejak 2002. Tahun ini delegasi BMR Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Pengarah BMR, Datin Paduka Hajah Intan binti Haji Md. Kassim yang disertai oleh 16 orang pegawai kanan BMR. Delegasi BPR Malaysia terdiri daripada 10 orang pegawai kanan yang diketuai oleh Ketua

Pengarah Badan Pencegah Rasuah Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Seri Zulkipli bin Mat Noor.

Sebanyak 10 kertas kerja merangkumi aspek perundangan, siasatan, latihan, pencegahan dan pendidikan masyarakat telah dibentangkan. Antaranya ialah mengenai Undang-undang Bantuan Kerjasama Dalam Perkara Jenayah, Usaha-usaha Memartabatkan Kesedaran Pencegah Rasuah Di Kalangan Masyarakat, Sistem Pengurusan Akauntabiliti dan Integriti Melalui Penilaian Risiko dan Pengurusan Risiko serta Ke Arah Meningkatkan Kerjasama Di Antara BMR dan BPR

Dalam Bidang Latihan.

Kedua-dua agensi telah merangka perancangan pertukaran latihan dalam pelbagai bidang termasuk perisikan, penyiasatan, pencegahan, undang-undang dan pendidikan masyarakat. Bagi memperluaskan peluang latihan, BPR Malaysia kini dalam proses perbincangan bersama pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk memperkenalkan kursus baru di peringkat Sarjana iaitu 'Master in Social Science' (Corruptions Studies).

Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah menandatangani 'United Nation Convention Against

Corruption' (UNCAC), di peringkat serantau kedua-dua negara terlibat sama dalam pencegahan rasuah melalui Pelan Tindakan APEC.

Kedua-dua negara juga berusaha memperluaskan kerjasama pelbagai hala di mana pada 14 Disember 2004, Memorandum Persefahaman telah dimeterai di Jakarta yang membabitkan kesepakatan empat agensi mencegah rasuah iaitu BMR Negara Brunei Darussalam, BPR Malaysia, KPK Indonesia dan CPIB Singapura. Mesyuarat pertama kesepakatan empat agensi tersebut telah berlangsung pada 28 - 30 Jun 2005 di Kuala Lumpur.



MESYUARAT Tahunan Kerjasama Dua Hala Ke-3 Biro Mencegah Rasuah (BMR) Negara Brunei Darussalam dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) Malaysia. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

## Usaha penyiasatan, pendidikan dan pencegahan rasuah

Oleh Samle Haji Jait  
samle.jait@information.gov.bn

GADONG, Selasa, 20 September. - Bidang kerjasama di dalam usaha-usaha penyiasatan, pendidikan masyarakat dan pencegahan rasuah menjadi perhatian di Mesyuarat Tahunan Kerjasama Dua Hala Ke-3 Biro Mencegah Rasuah (BMR) Negara Brunei Darussalam dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) Malaysia yang berlangsung di sebuah hotel di sini.

Pengarah BMR, Datin Paduka Hajah Intan dalam ucapan alu-aluan antara lain menjelaskan sejak mesyuarat itu diadakan, kedua-dua agensi telah berjaya melicin-

kan beberapa usaha kerjasama tugas dalam bidang yang berkaitan, latihan dan penyiasatan.

Mesyuarat yang juga menjadi pertemuan tahunan kerjasama dua hala kedua-dua buah negara sejak dimulakan pada tahun 2002 juga memberi kemudahan BMR dan BPR bagi kerjasama bertukar maklumat dan operasi bersama.

Delegasi BPR Malaysia seramai 10 orang pegawai

kanan itu diketuai oleh Pengarahnya, Yang Berbahagia Datuk Seri Zulkipli bin Mat Noor.

Mesyuarat dimulakan dengan pembentangan dan pengesahan minit mesyuarat tahunan kerjasama dua hala antara BPR Malaysia dan BMR Negara Brunei Darussalam Ke-2 yang berlangsung pada bulan Januari di Pulau Pinang. Sementara itu beberapa kertas kerja juga akan dibincang di mesyuarat selama tiga hari di sini.

### SENARAI PEMENANG KUIZ PELITA BRUNEI SEMPENA SAMBUTAN HARI GURU KE-15 TAHUN 1426H/2005M

SERAMAI lapan pemenang Kuiz PELITA BRUNEI sempena Sambutan Hari Guru Ke-15 Tahun anjuran Jawatankuasa Publisiti Sambutan Hari Guru Ke-15 Tahun yang diterbitkan pada 7 September dalam ruangan Aneka Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI yang berakhir pada 21 September 2005 seperti yang tersebarai di bawah:

Dayangku Ratna binti Pengiran Haji Hashim - No. k/p : 00 - 292202; Awang Zaini bin Salleh - No. k/p : 00 - 112092; Awang Ozry bin Umar - No. k/p : 00 - 262327; Dayang Zulfarina

binti Kifli - No. k/p : 00 - 292400; Dayang binti Haji Abdul Ghani - No. k/p : 00 - 045475; Dayang Junaidah binti Haji Tajudin - No. k/p : 00 - 112870; Dayang Erna binti Haji Amit - No. k/p : 00 - 264338; Dayang Nur Emma Azwin binti Haji Zaini - No. k/p : 00 - 298961.

Sehubungan itu pihak penganjur meminta para pemenang kuiz tersebut di atas hadir ke Majlis Penyampaian Hadiah yang akan diadakan pada 4 Oktober 2005 di P1, Bilik Persidangan Utama, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

# BERSAMA MEMELIHARA KEMUDAHAN AWAM

## 'Memugut, mencuri merupakan sikap keji dan tidak bertanggungjawab'

**M**EMUGUT dan mencuri harta benda kemudahan awam merupakan perbuatan yang tidak bertanggungjawab. Ia bukan sahaja menyusahkan orang ramai sebagai pengguna, malah merugikan pihak kerajaan. Dalam keadaan tertentu ia juga boleh menjejaskan atau memudaratkan kepentingan, keselamatan masyarakat awam.

Akhir-akhir ini kita sering melihat dan mendengar perbuatan merosakkan dan mencuri harta benda dan kemudahan awam berleluasa sekali. Antara harta benda dan kemudahan awam yang dirosakkan termasuklah pondok telefon, tandas awam, papan tanda, perhentian bas dan seumpamanya.


Lebih teruk dari itu ialah perbuatan mencuri harta benda kemudahan awam seperti kabel telefon atau dawai elektrik, peralatan yang diperbuat dari logam seperti tembaga, besi dan sebagainya.

Ruangan FOKUS kali ini serba sedikit antara lain akan menyentuh mengenai perbuatan memugut dan mencuri harta benda kemudahan awam, kesannya kepada kerajaan dan kepentingan orang ramai serta perlunya masyarakat berdisiplin dan mempunyai kesedaran sivik.

### KEMUDAHAN

Pihak kerajaan dengan penuh prihatin dan tanggungjawab telah berusaha menjaga kebajikan rakyat dan penduduk negara ini dengan menyediakan pelbagai prasarana kemudahan awam.

Kerajaan memperuntukkan perbelanjaan yang besar untuk menyediakan infrastruktur kemudahan awam di seluruh negara.



Oleh Sahari Akim  
sahari.akim@information.gov.bn

Antara kemudahan-kemudahan awam yang disediakan termasuklah sekolah, masjid, klinik, dewan dan gelanggang sukan, perhentian bas, talian dan pondok telefon, perkhidmatan elektrik, paip air dan banyak lagi.

Hampir keseluruhan rakyat dan penduduk di keempat-empat daerah di negara ini tidak terkecuali di kawasan yang agak jauh dari bandar juga sama-sama dapat menikmati kemudahan yang disediakan itu.

Kemudahan-kemudahan seperti ini sememangnya banyak mendatangkan manfaat kepada penduduk dan masyarakat yang tinggal di kawasan-kawasan berkenaan. Kemudahan asas seperti talian dan pondok telefon, api elektrik, paip air dan seumpamanya itu amat bererti kepada semua orang terutama kepada rakyat dan masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman.

Selain memberikan kemudahan dan keselesaan, prasarana kemudahan awam itu juga telah membantu memajukan dan meningkatkan taraf kehidupan, sosiobudaya, ekonomi pendidikan serta pengetahuan masyarakat.

### PEMUGUT

Apa yang mendukacitakan kita, terdapat

sebilangan orang yang tidak bertanggungjawab telah merosakkan kemudahan-kemudahan tersebut. Antara yang dirosakkan termasuklah pondok telefon, tandas awam, papan tanda dan perhentian bas. Tidak terkecuali turut dirosakkan ialah peralatan di premis-premis dan bangunan-bangunan awam yang lain.

Perbuatan tidak bertanggungjawab itu termasuklah memecah cermin, merosakkan pintu atau tingkap, mencabut gagang telefon selain menconteng, melukis atau menulis perkataan-perkataan kurang sopan pada dinding bangunan dan papan-papan tanda.

Kemudahan-kemudahan seperti tandas awam misalnya begitu penting kepada orang ramai. Begitu juga pondok telefon yang menjadi alat perhubungan bagi mereka yang memerlukan apatah lagi semasa kecemasan. Demikian jugalah halnya dengan pondok-pondok perhentian bas sebagai tempat berteduh dari hujan dan panas.

Kesan daripada perbuatan yang tidak bermoral itu bukan sahaja menyusahkan masyarakat kita di negara ini, malah melibatkan para pelancong dari luar negeri. Keadaan seperti itu

membawa impak negatif yang boleh merendahkan imej negara di mata masyarakat luar.

### CURI

Selain dari dirosakkan oleh pemugut, terdapat juga peralatan dan harta benda kemudahan awam yang dicuri sama ada untuk kegunaan si pencuri atau dijual di kedai barangan terpakai untuk mendapat wang.

Kita sering mendengar atau membaca melalui media massa mengenai kes-kes kecurian besi-besi penutup longkang di tepi-tepi jalan, papan-papan tanda dan penunjuk jalan, pintu, tiang, pagar besi dan seumpamanya.

Peralatan yang dibuat dari tembaga menjadi tumpuan pencuri kerana harganya agak mahal meskipun dijual di pasaran gelap. Sebab itulah sering berlaku kecurian peralatan-peralatan seperti itu di stesen-stesen kecil pencawang elektrik yang terletak agak jauh dari kawasan perumahan.

Seperti yang didengar melalui perbualan umum dan dibaca melalui media cetak tempatan bahawa penduduk di beberapa kawasan di negara ini untuk tempoh masa yang agak panjang tidak dapat menikmati perkhidmatan telefon disebabkan kabel-kabel yang dipasang di kawasan-kawasan berkenaan telah dicuri.

Baru-baru ini diberitakan dalam sebuah akhbar tempatan mengenai kehilangan kabel telefon di beberapa kawasan di Daerah Tutong. Kejadian yang sama juga mungkin dialami di tempat lain di negara ini.

Penulis mendapat sumber, penduduk sebuah kampung di Daerah Brunei

Muara juga sehingga kini tidak dapat menggunakan kemudahan telefon akibat kecurian kabel. Lebih malang lagi apabila kabel baru yang digantikan oleh agensi yang berwajib juga dicuri dalam tempoh beberapa hari sahaja selepas dipasang.

Bayangkan betapa susahnyanya penduduk di kawasan berkenaan untuk berhubung terutama bagi mereka yang tidak mempunyai telefon bimbit. Kesusahan akan lebih terasa untuk tujuan sesuatu urusan penting atau jika berlaku sebarang kecemasan.

Pada masa yang sama kita boleh bayangkan betapa besarnya jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung oleh pihak kerajaan untuk membaiki pulih kerosakan-kerosakan tersebut. Alangkah baiknya jika peruntukan membaiki pulih itu digunakan untuk menambah dan membina kemudahan-kemudahan lain.

### SIVIK

Perbuatan dan perangai yang tidak berdisiplin dan beretika seperti ini seharusnya tidak lagi wujud dalam masyarakat moden hari ini. Perbuatan tidak tahu mensyukuri dan menghargai nikmat kemudahan ini sangat bertentangan dengan ajaran agama, adat resam, tatasusila dan budaya masyarakat kita yang begitu halus dan murni.

Fenomena yang merupakan salah satu gejala sosial dalam masyarakat. Ini mesti dibanteras dan dibendung secara bersepadu. Pelbagai kaedah perlu digunakan, antaranya termasuklah memberkesakan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang, melalui pendidikan agama, menanam-

kan disiplin dan kesedaran sivik serta nilai-nilai murni kepada masyarakat.

Seperti yang dimaklumi terjerumusnya seseorang ke dalam kancang gejala sosial antaranya adalah disebabkan oleh kurangnya pengetahuan agama. Ke arah itu ibu bapa perlu memberi penekanan pentingnya anak-anak diberikan pendidikan agama yang sempurna.

Gejala sosial dalam masyarakat juga antara lain berpunca melalui institusi kekeluargaan yang porak-peranda dan tidak stabil. Perceraian ibu bapa juga selalunya mengakibatkan kebajikan anak-anak terabai.

Pergaulan bebas, minimum arak, penyalahgunaan dadah, pengaruh bahan-bahan promo, hiburan-hiburan yang keterlaluan dan seumpamanya merupakan elemen-elemen yang menjerus kepada bertambahnya gejala-gejala sosial dalam masyarakat.

Dalam hal ini peranan ibu bapa dalam sebuah unit keluarga begitu penting ke arah pembentukan keluarga harmoni menjurus kepada wujudnya masyarakat yang berakhlak mulia dan berdisiplin. Sebab itulah ibu bapa perlu menjadi contoh yang terbaik kepada anak-anak, di samping berterusan membentuk akhlak dan disiplin mereka.

### BERSEPADU

Berbalik kepada fenomena pemugut dan pencuri maka usaha bersepadu hendaklah dibuat oleh semua pihak. Pemantauan melalui pihak-pihak penguatkuasaan undang-undang haruslah

ditingkatkan terutama di kawasan-kawasan yang tidak berpenghuni. Ia boleh dilakukan dengan meningkatkan kekerapan rondaan dan sebagainya.

Masyarakat setempat pula haruslah memberikan kerjasama kepada agensi-agensi berwajib dalam sama-sama memata-matai fenomena tersebut. Jika mendapati kejadian-kejadian tersebut maka segeralah menghubungi pihak-pihak penguat kuasa undang-undang.

Dalam pada itu di samping mempunyai kesedaran sivik, masyarakat juga harus memiliki rasa tanggungjawab dan semangat kebangsaan yang tinggi. Rakyat dan penduduk negara ini perlu sama-sama membina dan membangun negara ini demi kepentingan dan kesejahteraan bersama.

Semua pihak harus sedar bahawa usaha mengekalkan keamanan dan kestabilan serta kesejahteraan yang dinikmati selama ini merupakan tanggungjawab segenap lapisan masyarakat. Semua peringkat masyarakat perlu bersepadu menjaga imej dan kedaulatan negara dari segala ancaman dan perkara-perkara negatif.

Kesedaran berbangsa, bernegara dan bermasyarakat ini perlu disemai dan ditanamkan kepada rakyat dan penduduk negara ini terutamanya generasi muda. Mudah-mudahan kita semua akan berterusan menikmati kesejahteraan dan kemakmuran.

Akhir kata, 'masyarakat perlu memiliki kesedaran sivik'.

### TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)


JABATAN PERIKANAN,  
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN  
SUMBER-SUMBER UTAMA  
Bahagian III

Bil.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Sokongan ke Jabatan Buruh bagi permohonan (buruh/nelayan asing)	14 hari
2.	Pengeluaran/pembaharuan lesen alat-alat menangkap ikan seperti bubu, pancing, rambat dan lain-lain	1 hari



KEMUDAHAN jejantas yang dibina di kawasan-kawasan sekolah adalah bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada para penuntut untuk menyeberang. Selain itu kemudahan berkenaan juga adalah bagi mengelakkan sebarang kemalangan jalan raya berlaku.

Oleh yang demikian para penuntut dan orang awam perlulah memanfaatkan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan itu, di samping sama-sama menjaga kemudahan tersebut yang manfaatnya amatlah penting kepada kita semua.



# BEKERJASAMA TINGKATKAN KECEMERLANGAN P'KHIDMATAN AWAM

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Setiap negara menginginkan agar sistem Perkhidmatan Awamnya berfungsi dengan sempurna dan lancar, bagi menghasilkan kesempurnaan dan kecemerlangan setiap warga kerja. Apabila ini berhasil, masyarakat dan negara insya-Allah akan berjaya mencapai hasrat menjadi sebuah negara yang berkemampuan tinggi dalam semua aspek perkhidmatan dan sekali gus menjadikan negara mampu menjana kehidupan rakyatnya menjadi makmur, sejahtera dan harmoni.

Jika Perkhidmatan Awam tidak cekap dan tidak berkesan, maka adalah sukar bagi seorang pegawai atau kakitangan sektor kerajaan mahupun sektor swasta, memandu negara ke tahap pembangunan yang lebih tinggi lagi mantap dan segala program pembangunan negara tidak akan dapat dilaksanakan dengan sempurna serta imej Perkhidmatan Awam itu sendiri akan terjejas. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab setiap warga Perkhidmatan Awam bekerjasama dan bersepadu meningkatkan kecemerlangan Perkhidmatan Awam itu sebagai satu Perkhidmatan Awam yang unggul dan berkualiti.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Maa'idah ayat 2 tafsirnya:

"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pen-

cerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)."

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah bertitah tentang konsep bekerjasama ini di sambutan Hari Keputeraan baginda yang ke-56 tahun yang antara lain bertitah:

"Jabatan kerajaan perlu bekerjasama demi untuk mewujudkan Perkhidmatan Awam yang mempunyai misi dan matlamat yang jelas ke arah jentera pentadbiran yang dipercayai, produktif, efisien dan efektif."

Sehubungan dengan ini, semua pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam perlulah menghayati titah baginda itu dengan menjadikan sikap bersepadu dan bekerja-

dari umatku yang terus tolong-menolong dan bekerjasama hinggalah Kiamat dan mereka sampai Hari Kiamat dan mereka mendapat kemenangan."

Bersepadu dan bekerjasama adalah perlu dalam Perkhidmatan Awam kerana ianya boleh melahirkan suasana kerja yang gembira dan harmoni, malah ianya juga dapat meningkatkan persefahaman dan mengeratkan hubungan silaturahim. Kerja-kerja yang berat akan menjadi ringan dan dapat disempurnakan dengan lebih cepat, tepat dan berkesan serta dapat menghindarkan anasir-anasir yang tidak baik, sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari maksudnya:

"Daripada Amir bin Hani, sesungguhnya dia mendengar Maawiah berkata: Aku mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sentiasalah dari umatku menegakkan perintah Allah (tolong-menolong di atas kebenaran), mereka tidak dapat ditewaskan oleh orang yang cuba menipu mereka dan orang yang

ingin menggagalkan mereka sehinggalah Hari Kiamat dan mereka berhak ke atas itu (tidak dapat ditewaskan)."

Dari itu, kita sebagai pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam hendaklah membulatkan tekad untuk sentiasa bersepadu serta mempunyai sifat yang terpuji lagi mulia ini, agar kita dapat merealisasikan kecemerlangan dalam Perkhidmatan Awam sesuai dengan tema Hari Perkhidmatan Awam pada tahun ini.

Dalam buku Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam ada menerangkan konsep bersepadu ini, iaitu hendaklah bekerja dengan semangat berpasukan, berunding dalam menyelesaikan masalah dan bermesyuarat untuk membuat sesuatu keputusan serta merujuk dan mendengar pandangan dari semua pihak dalam menangani masalah kerja, di samping perlu menghayati erti peribahasa 'bersatu kita teguh bercerai kita roboh'. Ini bertepatan dengan hadis Rasulullah

Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari maksudnya:

"Dari Abi Musa, dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Orang mukmin dengan orang mukmin itu adalah seperti sebuah bangunan, menguatkan antara bahagiannya dengan sebahagian yang lain." Kemudian Baginda menyilang kuat di antara jari-jari Baginda.

Sebagai pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam, kita mestilah mempertingkatkan semangat sifat bersatu padu, tolong-menolong dan bekerjasama demi mewujudkan satu Perkhidmatan Awam yang cemerlang. Sifat yang tidak mahu bekerjasama dan mementingkan diri sendiri dalam sesuatu pekerjaan apatah lagi dalam Perkhidmatan Awam ini, akan mendatangkan natijah yang tidak baik dan menjejaskan prestasi dan produktiviti kerja.

Akhirnya, marilah kita menghadirkan diri ke masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai iba-

dat seluruh negara bagi sama-sama membaca Surah Yaa Siin dan Doa Hari Perkhidmatan Awam pada petang Rabu, 25 Syaaban 1426 Hijrah bersamaan 28 September 2005 Masihi dengan penumpuan di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassan Bolkiah, Kampong Jangsak, memohon mudah-mudahan Perkhidmatan Awam kita Brunei Darussalam akan lebih bersepadu dalam meningkatkan kecemerlangan serta diredai oleh Allah Subhanahu Wataala. Amin ya Rabbalalamin.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 103 tafsirnya:

"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai, dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliah dahulu) lalu Allah menyatukan di antara hati kamu sehingga kamu bersatu dengan nikmat Islam, maka jadikanlah kamu dengan nikmat itu orang-orang Islam yang bersaudara."

## وقت سمبهيڠ، امساک، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سمبهيڠ، امساک، شوروق دان ضحی باڳي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 24 شعبان، 1426 برسمان دغن 28 سيقتيمبر، 2005 هيڠگ كهاري ثلاث، 30 شعبان، 1426 برسمان دغن 4 اوكتوبر، 2005 اداله سفرت دباوه اين:-

مسحی	ضحی	شوروق	صبح	امساک	عشاء	مغرب	عصر	ظهر	هجره
سبتمبر									شعبان
28	6.33	6.08	4.52	4.42	7.23	6.14	3.23	12.13	24
29	6.32	6.08	4.52	4.42	7.23	6.14	3.23	12.12	25
30	6.32	6.08	4.52	4.41	7.22	6.13	3.23	12.12	26
اوكتوبر									
1	6.32	6.07	4.51	4.41	7.22	6.13	3.23	12.12	27
2	6.32	6.07	4.51	4.41	7.21	6.12	3.23	12.11	28
3	6.32	6.07	4.51	4.41	7.21	6.12	3.23	12.11	29
4	6.31	6.07	4.51	4.41	7.21	6.12	3.23	12.11	30

وقت ۲ سمبهيڠ باڳي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڠ فرض جمعة دسلوروه نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوکل 12.45 تڠهاري.

# PERSOALAN MEMBERI SALAM

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

DALAM struktur masyarakat yang berbilang etnik, bangsa, agama dan bahasa, kita tidak dapat lari daripada menghadapi kenyataan bahawa menghormati keunikan orang lain adalah salah satu jalan untuk kedamaian dan keharmonian hidup bermasyarakat. Dalam Islam salah satu cara untuk mencapai keharmonian dan mengeratkan silaturahmi dan persahabatan itu adalah dengan mengucapkan salam atau dengan menghulurkan tangan dan bertanya khabar. Etika ketika berjumpa dengan saudara sesama Islam dengan mengucapkan hai, hello, selamat pagi atau selamat petang, walaupun tidak salah, tetapi bukanlah budaya Islam. Memberi salam mempunyai nilai yang tinggi, bukan suatu sikap 'low profile' atau 'sikap bawah-an'. Oleh kerana itu, ia perlu dihidupkan oleh masyarakat kita, benar-benar dipraktik atau dihayati akan keutamaan memberi salam.

*orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat keterangan Kami itu datang kepadamu (dengan tujuan hendak bertaubat dari dosa-dosa mereka), maka katakanlah: Mudah-mudahan kamu beroleh keselamatan!*" (Surah Al-An'aam : 54).

Dari segi makna, salam ialah salah satu nama daripada nama-nama Allah Yang Maha Mulia, yang bermaksud Yang Maha Penyelamat dan selamat dari kekurangan dan kecacatan, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

*"Yang Maha Selamat Sejahtera (dari segala kekurangan); Yang Melimpahkan Keamanan; Yang Maha Pengawal serta Pengawas."* (Surah Al-Hasyr : 23).


## PENGERTIAN SALAM

Salam memang mempunyai maksud dan pengertian yang banyak.

Sifat salam itu dengan mengucapkan: *assalamualaikum* atau *salamunalaikum* sebagaimana firman Allah Taala yang tafsirnya:

*"Dan apabila*

Selain itu juga ianya



## IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

membawa maksud selamat dan kejayaan bagi kamu, seperti firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

*"Maka (akan dikatakan kepadamu): Selamat sejahteralah kepadamu. (kerana engkau) dari puak kanan."* (Surah Al-Waaqi'ah : 91).

Dari perkataan salam itu, maka terbitlah perkataan 'Islam' yang menunjukkan pengertian aman, tenteram, selamat dan sejahtera.

## KEUTAMAAN SALAM

Salah satu daripada hak sesama Islam adalah menyebarkan salam. Dengan mengucapkan salam dapatlah kita mengeratkan lagi tali persaudaraan, mendekatkan yang jauh

dan melahirkan rasa kasih sayang. Walaupun ucapan salam itu sangat pendek tetapi isi dan maksudnya adalah doa bagi mendapatkan kesejahteraan dan keselamatan mereka.

Diriwayatkan daripada Al-Barra' bin 'Azib Radiallahuanhuma, beliau berkata yang maksudnya:

*"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memerintahkan kepada kami tujuh perkara iaitu: Mengunjungi orang sakit, menghantar jenazah, menjawab tahmid orang yang lemah, membantu orang yang teraniaya, menyebarkan salam dan menepati sumpah."* (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Oleh itu, kita dituntut

## Bilangan 211 Bahagian Pertama

untuk memberi salam sesama Islam sama ada kepada orang yang kita kenali atau tidak. Ini menunjukkan betapa manis dan murninya agama Islam dalam menghubungkan persaudaraan sesama Islam melalui pengucapan salam, seperti mana yang diriwayatkan daripada Abdullah bin 'Amr bin Al-Ash Radiallahuanhuma, beliau berkata yang maksudnya:

*"Sesungguhnya seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Apakah (perlaksanaan ajaran) Islam yang paling baik? Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab: Engkau memberi makan dan memberi salam kepada orang yang kau kenal dan yang tidak kau kenal."* (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

## HUKUM MEMBERI SALAM

Dari segi hukum syarak, mengucapkan salam itu hukumnya sunat muakadad, manakala menjawabnya pula adalah wajib. Ini adalah berdasarkan firman Allah Subhanahu Wataala dalam Al-Quran yang tafsirnya:

*"Dan apabila kamu*

diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya atau balaslah dia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu." (Surah An-Nisaa' : 86).

Hukum memberi salam itu juga adalah sunat kifayah, jika satu jemaah atau kumpulan hendak memberi salam, maka, cukuplah salah seorang daripada mereka itu mewakili yang lain. Jika sekiranya semua mereka memberi salam, maka itu lebih baik dan afdal.

Adapun mengenai menjawab salam, jika orang yang diberi salam itu bersendirian maka hukumnya fardu ain bererti wajib dia menjawab salam tersebut. Manakala jika mereka terdiri dari suatu jemaah atau kumpulan, maka menjawabnya oleh seorang daripada mereka itu adalah fardu kifayah dan memadai. Ini adalah berdasarkan keterangan dari Zaid bin Aslam bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

*"Apabila salah seorang dari suatu kaum telah memberi salam maka sudah cukup mewakilinya mereka."* (Hadis riwayat Al-Imam Malik).

Dengan demikian dapatlah diertikan bahawa orang yang tidak mengucapkan salam ketika berjumpa dengan sesama saudara Islam adalah dipandang belum memenuhi bagaimana menuju ke arah kesempurnaan iman. Ini telah dijelaskan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

*"Kamu tidak akan masuk ke dalam Syurga sehingga kamu beriman, kamu belum beriman (dengan sempurna) sehingga kamu saling sayang-menyayangi. Apakah kamu tidak suka kutunjukkan akan sesuatu yang apabila kamu kerjakan, pasti kamu akan saling sayang-menyayangi? Sebarkanlah salam di antara kamu."* (Hadis riwayat Muslim).

**BERSAMBUNG**

# Hidupkan jiwa dengan beribadat dan berdoa

SEBAGAI seorang Muslim kita wajib beribadat kepada Allah Subhanahu Wataala di samping sentiasa memohon doa kepada-Nya. Saranan serupa ini adalah bagi memberkati diri dan kehidupan kita setiap masa di sepanjang hayat, bahkan ini adalah suatu cara untuk berlaku taat dan sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wataala. Sesiapa di antara hamba-Nya yang ingkar dan tidak mahu menurut segala perintah-Nya merupakan hamba yang derhaka dan pasti menerima balasan atas keengganannya itu.

Umpamanya, manusia yang enggan beribadat dan berdoa adalah orang yang takbur (sombong) terhadap Allah Subhanahu Wataala dan setentunya dia akan ditempatkan di Neraka Jahanam. Ini jelas firman Allah Subhanahu Wataala dalam Al-Quran Surah Al-Mu'min ayat 60 yang tafsirnya:

*"Berdoalah kamu kepada-Ku, nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk Neraka Jahanam dalam keadaan hina."*

Jelas dari maksud firman Allah Subhanahu Wataala tersebut, Dia (Allah Subhanahu Wataala) memerintahkan supaya umat manusia sentiasa beribadat dan berdoa kepada-Nya untuk kebaikan mereka di dunia dan akhirat. Ibadat adalah satu-satu cara yang dilakukan oleh seseorang untuk membuktikan kepercayaan kepada kebesaran, kemuliaan dan kekuasaan Allah Subhanahu Wataala serta melahirkan kesedarannya kepada kehinaan dirinya sendiri, kemiskinan dan kelemahannya. Maka sesiapa berlaku sombong takbur daripada melakukan ibadat, bermakna ia berlaku sombong daripada mengakui kebesaran Tuhan

(Allah) dan kehinaan serta kelemahan dirinya.

Dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Tarmizi dan Abu Nu'aim, ada dijelaskan bahawa Allah Subhanahu Wataala suka kepada orang yang berdoa sebagaimana hadis Baginda yang bermaksud:

*"Mintalah kepada Allah Subhanahu Wataala daripada amugerah-Nya. Sesungguhnya Allah suka (jika) sentiasa diminta."*

Allah Subhanahu Wataala sememangnya suka bila makhluk-Nya sentiasa memohon kepada-Nya. Sesungguhnya hanya kepada-Nya sahajalah sebaik-baik tempat memohon pertolongan dan perlindungan.

Allah Maha Berkuasa di atas segala-galanya serta Maha Kaya dan Maha Bijaksana, tetap memperkenankan setiap doa. Dengan Keagungan dan Kekuasaan Allah Yang Maha Pengasih Lagi Penyayang, kita patut berasa syukur kerana diperkenankan untuk memohon doa kepada-Nya.

Dari itu kita haruslah ingat bahawa dalam beribadat dan berdoa maka sempurna amal ibadat serta doa dengan wajar agar kita terjauh dari tujuan dan sangkaan yang bukan-bukan. Sebagai contoh, bila kita memohon doa kepada Allah Subhanahu Wataala, maka janganlah kita memaksa agar doa kita diterima langsung, bahkan hendaklah kita tunggu dengan sabar dan tawakal. Segala ibadat dan kemakbulan

**IBADAT adalah satu-satu cara yang dilakukan oleh seseorang untuk membuktikan kepercayaan kepada kebesaran, kemuliaan dan kekuasaan Allah Subhanahu Wataala serta melahirkan kesedarannya kepada kehinaan dirinya sendiri, kemiskinan dan kelemahannya. Maka sesiapa berlaku sombong takbur daripada melakukan ibadat, bermakna ia berlaku sombong daripada mengakui kebesaran Tuhan (Allah) dan kehinaan serta kelemahan dirinya.**

منوجو كرىضان الله  
**Menuju Keredaan Allah**  
كلوان قوسه دعوه اسلاميه

doa adalah dalam kekuasaan-Nya jua, dan Dialah (Allah Subhanahu Wataala) Yang Maha Tahu dan Berkuasa menentukannya. Sebaliknya semasa beribadat dan berdoa hendaklah kita menumpukan sepenuhnya dengan keyakinan hati kepada Allah Subhanahu Wataala, supaya kita khususnya dan tawaduk melakukan ibadat dan berdoa. Kebimbangan mestilah disingkirkan dari hati dan fikiran kita supaya tidak timbul perasaan was-was dan buruk sangka terhadap doa yang dipohonkan sama ada dimakbulkan atau sebaliknya.

Sebagaimana dinyatakan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Ahmad dan Al-Hakim yang bermaksud:

*"Tidak ada seorang Muslim pun yang menghadapkan mukanya kepada Allah untuk berdoa melainkan Allah memberikannya (memakbulkannya), hanya ia kadang-kadang dipercepat dan kadang-kadang diperlambatkan."*

Dari itu hendaklah hati kita tetap yakin bahawa ibadat dan doa kita insya-Allah akan dikabulkan, amin.

Berikutnya, dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad yang bermaksud:

*"Maka jika kamu memohon kepada Allah Azzawajalla, wahai manusia mohonlah langsung kepada-Nya dengan penuh keyakinan bahawa doa kamu akan diperkenankan, kerana Allah tidak akan memperkenankan doa hamba-Nya yang keluar dari hati yang lalai."*

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wataala sentiasa Maha Pengasih dan Maha Penyayang kepada kita, dari itu sentiasalah kita beribadat, berdoa dan berserah diri kepada-Nya dengan penuh keimanan dan ketakwaan.

# PRASARANA BAGI PERTUMBUHAN ASEAN: PROJEK HUBUNGAN REL KERETA API SINGAPURA - KUNMING, INISIATIF PENGANGKUTAN LAIN DAN TELEKOMUNIKASI

**P**ROJEK Hubungan Rel Kereta Api Singapura - Kunming adalah projek utama di bawah inisiatif Kerjasama Pembangunan Mekong Basin ASEAN (AMBDC). Sebuah jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Malaysia telah melaksanakan projek berkenaan yang pertama kalinya dicadangkan di Sidang Kemuncak ASEAN di Bangkok pada bulan Disember 1995. Pelan Tindakan Ha Noi sekali lagi menekankan kepentingan projek berkenaan.

Dengan bantuan kewangan sebanyak dua juta ringgit dari Malaysia, sebuah pasukan konsultan memulakan perkhidmatan mereka pada bulan Mac 1997. Di Sidang Kemuncak ASEAN Tidak Rasmi Ke-2 di Kuala Lumpur pada bulan Disember 1997, para pemimpin ASEAN bersetuju bahawa rel kereta api yang dicadangkan hendaklah dilaksanakan atas dasar konsortium yang melibatkan semua negara-negara anggota ASEAN dan agar keputusan awal akan dapat dibuat tentang pelaksanaannya. Para pemimpin juga bersetuju negara-negara bukan ASEAN seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Masyarakat Eropah akan diundang untuk menyertai pembinaannya.

Kajian kemungkinan bagi Rel Kereta Api Singapura - Kunming telah disiapkan pada bulan Ogos 1999.

Kajian tersebut telah memeriksa enam perjalanan untuk dihubungkan Singapura dan Kunming, seperti yang telah dikenal pasti oleh Kumpulan Kerja Khas mengenai Projek Rel Kereta Api Singapura - Kunming, yang mana telah memulakan perjumpaan mereka di Kuala Lumpur pada bulan Disember 1996. Kajian tersebut meliputi perjalanan-perjalanan teknikal, ekonomi dan kewangan, kesan alam sekitar, pengutamaan perjalanan mengikut kriteria, pilihan kewangan dan jadual pelaksanaan yang diperlu-

Para konsultan berkenaan mengusulkan perjalanan satu, kerana ia adalah kawasan yang kehilangan jalan paling pendek, kesan sosial dan ekonomi yang paling tinggi dan purata nilai dalam-pulangan positif sebanyak enam peratus. Konsultan juga mengusulkan pembangunan perjalanan bahagian dua yang akan menghubungkan Myanmar ke dalam rangkaian kereta rel kereta api melalui Thailand.

Menteri Pengangkutan ASEAN di mesyuarat yang ke-6 pada bulan Oktober 2000 di Bandar Seri Begawan menyokong cadangan perjalanan berkenaan. Dengan yang demikian konfigurasi perjalanan akan meliputi ke tujuh negara anggota ASEAN dan China. Ia termasuklah rel kereta api bertaburan dari Republik Rakyat Demokratik Lao ke Viet Nam dan menghubungkan ke Myanmar. Dalam Persidangan Pengurus-pengurus Am Rel Kereta Api yang ke-22 pada bulan Oktober 2000 di Yangon juga menyokong perjalanan yang diusulkan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Kerjasama Pembangunan ASEAN Mekong Basin yang ke-2 pada bulan Oktober 2000 di Kuala Lumpur juga telah bersetuju agar Malaysia akan membuat laporan kepada Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Ke-4 dan Sidang Kemuncak ASEAN-China di Republik Singapura ten-

tang hasil kajian awal berkenaan dan juga pengesahan Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN terhadap konfigurasi perjalanan untuk mendapatkan pengesahan dari pemimpin-pemimpin ASEAN dan China. Akhirnya, para pemimpin ASEAN meluluskan ruang lingkup kajian awal dan mengarahkan agar projek berkenaan hendaklah segera dilaksanakan.

## INISIATIF PENGANGKUTAN YANG LAIN

ASEAN juga telah mengambil langkah inisiatif untuk menyatukan sistem pengangkutan negara-negara anggota ASEAN yang lain:

- \* Untuk saling menyumbang kepada pembangunan infrastruktur dan untuk membantu pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN. Untuk itu negara-negara anggota ASEAN telah menubuhkan sebuah rangka kerja mengenai Pemudahan Barangan yang dalam persinggahan. Tiga daripada sembilan protokol pelaksanaan telah pun ditandatangani iaitu mengenai jenis dan kuantiti kenderaan darat, keperluan teknikal kenderaan dan mengenai sanitari dan phyto-sanitary. Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN meluluskan dan menandatangani draf akhir perjanjian-perjanjian berkenaan di mesyuaratnya ke-7 di Malaysia pada tahun 2001.

- \* Perjanjian Rangkaian Kerja ASEAN Mengenai Pengangkutan Multimodal.

- \* Protokol kenderaan yang berkaitan yang lainnya terhadap pembentukan perjalanan kenderaan yang singgah dan kelengkapan, sempadan rel kereta api dan stesen saling tukar dan barangan berbahaya bagi Perjanjian Rangkaian Kerja Mengenai Pemudahan Barangan dalam persinggahan.

- \* Perjanjian Rangkaian Kerja ASEAN mengenai Pemudahan

## Siri Akhir

Kenderaan Antara Negara.

- \* Pelulusan Rangkaian Kerja ASEAN meluas bagi 51 buah lapangan terbang dan 46 pelabuhan untuk membentuk bahagian utama rangkaian kerja yang meliputi Pelan Tindakan Ha Noi.

## TELEKOMUNIKASI

Dengan pertumbuhan fenomena yang berlaku dalam telekomunikasi Asia, ASEAN kini mencari untuk memastikan bahawa setiap sistem telekomunikasi negara anggotanya boleh membantu dalam menggalakkan kompetitif dan integrasi ekonomi yang rapat di rantau berkenaan.

ASEAN kini berusaha terhadap penyambungan jalur luas bagi memastikan penyambungan dan saling beroperasi infrastruktur maklumat kebangsaan negara-negara anggota ASEAN. Kerja-kerja meliputi dasar dan pengaturan alam sekitar, serba akses, standard teknikal dan pengharmonian, keselamatan data, hak cipta dan pemakaian kooperatif. Tujuannya ialah untuk memastikan perkhidmatan perayuan yang tidak terbatas perkhidmatan telekomunikasi dan untuk melonggarkan perdagangan peralatan serta perkhidmatan telekomunikasi antara ASEAN. Dan yang lebih penting lagi ialah ASEAN kini berusaha untuk memasukkan ASEAN ke dalam 'e-ASEAN' yang mana nanti akan menjadikan ASEAN ke dalam zaman teknologi maklumat dalam angkasa siber. Pada bulan November 2000, ketua-ketua kerajaan ASEAN telah menandatangani Perjanjian Rangkaian Kerja e-ASEAN yang mana menjadikan ASEAN komited terhadap sasarannya. Perjanjian berkenaan meliputi pewujudan infrastruktur (AI) dan dasar dan perundangan alam

**SEPULUH NEGARA SATU MASYARAKAT**

**Kelolaan Haji Dayang Haji Kasim**  
dayang.kasim@information.gov.bn

sekitar bagi e-Dagang.

Pada bulan Oktober tahun 2000, Penilai Telekomunikasi ASEAN telah mewujudkan perjanjian Saling Mengiktiraf Sektor (MRA) untuk menempatkan penerimaan atau pengiktirafan menyeluruh bagi prosedur penilaian peralatan telekomunikasi. MRA sektoral tersebut beroperasi selepas pengesahan Menteri-menteri Telekomunikasi ASEAN yang bersidang untuk pertama kalinya pada bulan Julai 2001 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Negara-negara anggota ASEAN kini membentuk program kerjasama untuk mewujudkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai sebuah sektor pertumbuhan utama bagi kekompetitifan ASEAN dan untuk mewujudkan Masyarakat ASEAN Yang Bermaklumat, di mana rakyatnya akan berupaya untuk bekerja, berhubung dan mewujudkan ekonomi yang berasaskan ilmu pengetahuan. Lebih khususnya lagi, ASEAN kini bekerjasama dalam penubuhan dasar dan rancangan pelak-

sanaan dalam pelbagai bidang berikut:

- \* Penubuhan Infrastruktur Maklumat ASEAN dalam penerusan inisiatif e-ASEAN.

- \* Pemudahan Perdagangan antara ASEAN dan pelaburan.

- \* Pensejajaran dan pengharmonisan dasar dan rancangan.

- \* Penggalakan dan penubuhan perisian tempatan.

- \* Penggalakan penyertaan sektor awam dan menggalakan kerjasama sektor awam dan persendirian terhadap program serantau dan aktiviti.

- \* Merapatkan jurang digital dalam ASEAN dengan menggalakkan pembinaan keupayaan dan pembinaan sumber tenaga manusia dan menggalakkan akses dan menggunakan ICT.

## HARAPAN

Masih banyak yang perlu dibuat dalam membangun dan mengintegrasikan sistem infrastruktur dalam, tetapi ASEAN telah pun menyediakan asasnya dan institusi serantau bagi merealisasikan aspirasi berkenaan.

**SURAT PEMBACA**

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan agama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

**Ruangan Surat Pembaca, PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510, Negara Brunei Darussalam.**

Awda boleh juga mengirimbkannya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunet.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

# Perkhidmatan Awam - Dalam memenuhi keperluan orang ramai

Oleh Refa'ah Ali Osman

**U**SAHA dalam meningkatkan dan memperbaiki mutu kualiti Perkhidmatan Awam (PA) dalam penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai telah giat dilaksanakan melalui pelbagai aktiviti yang dihasilkan melalui taklimat, seminar, bengkel, kempen dan kajian mengenai tumpuan pelanggan, pemeriksaan menegenjau terhadap Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) dan pengauditan TPOR.

Aktiviti-aktiviti seperti ini bertujuan bagi membantu pegawai dan kakitangan yang berurusan dengan orang ramai agar dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti, di samping dapat mewujudkan suasana jabatan yang kondusif dan mesra pelanggan (customer-friendly atmosphere). Objektif seperti ini bukan sahaja dapat memupuk budaya kerja yang mengamalkan mesra pelanggan dalam berurusan dengan orang ramai, malah ianya akan menambah dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama umat Islam.

Bagi menghasilkan mutu perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang, setiap organisasi perlu mengenal pasti ciri-ciri utama yang perlu dipraktikkan serta diamalkan dalam melayani kehendak orang ramai selaku pelanggan mereka. Sikap yang responsif dalam memedulikan kehendak dan kerenaah pelanggan adalah perlu bagi menghasilkan perkhidmatan yang bermutu tinggi sesuai dengan harapan dan keinginan pelanggan itu sendiri. Keupayaan akan lahir dari jiwa orang ramai selaku pelanggan kerana ketepatan masa dalam memberikan perkhidmatan kepada mereka. Bersopan santun perlu menjadi amalan bagi setiap warga PA ketika berurusan dengan pelanggan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengingatkan betapa mustahaknya anggota PA agar sentiasa meningkatkan prestasi kerja dan kualiti perkhidmatan yang diberikan sebagaimana titah baginda sempena Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-10 antara lain menekankan:

*"Perkhidmatan Awam bertugas untuk memudah cara dan memenuhi keperluan orang ramai yang berhajatkan perkhidmatan. Sementara orang ramai pula akan menerima perkhidmatan itu, sambil menunaikan tanggungjawab selaku rakyat yang baik, yang kaya dengan semangat cintakan negara.*

*Adapun kerajaan yang baik itu tertakluk bila mana mekanismenya baik. Semua anggota Perkhidmatan Awam adalah mekanisme kerajaan. Sebab itulah, selaku mekanisme, ia perlu telus, gigih, amanah dan berfikiran maju. Mekanisme yang tidak memiliki ciri-ciri ini adalah mekanisme yang lapuk yang sudah ketinggalan zaman."*

Dengan adanya peringatan dan hasrat yang diberikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita selaku anggota PA perlulah menyahut hasrat baginda dengan melakukan perubahan-perubahan terhadap pentadbiran, bukan saja dari segi prosedur malah dari segi budaya kerja dalam memperbaiki lagi



mutu perkhidmatan untuk memenuhi kehendak pelanggan dengan mengamalkan sikap bersopan santun dan mesra pelanggan.

Keprihatinan dan harapan dalam meningkatkan mutu PA supaya lebih efisien juga jelas kita lihat sebagaimana yang terkandung dalam sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah sempena Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-8:

*"... adalah perlu bagi semua pegawai dan kakitangan dan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam supaya akan sentiasa menunjukkan sikap yang positif, berhemah tinggi serta menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan jujur lagi amanah demi kesejahteraan dan kebahagiaan negara kita dan juga demi menjaga integriti dan kewibawaan Perkhidmatan Awam."*

Jelas, kita dapat melihat betapa pentingnya amalan bersopan santun dalam berurusan dengan pelanggan serta harapan negara dalam menggerakkan dan mewujudkan jentera pentadbiran yang cekap, efisien, berkualiti dan memuaskan kehendak pelanggan sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nash ayat 86 tafsirnya:

*"Apabila kamu berikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam) maka balaslah penghormatan itu dengan lebih daripadanya atau balaslah ia dengan cara yang sama. Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu."*

Berdasarkan ayat tersebut, jelas kepada kita bahawa Islam menghendaki agar umatnya mengamalkan sikap bersopan santun dan berbudi bahasa dalam berurusan dengan orang ramai yang meliputi pelbagai aspek termasuk pertuturan, tingkah laku, pakaian, tindak-tanduk dalam melayan kehendak pelanggan.

Adalah perlu bagi setiap organisasi kerajaan untuk menyediakan kaunter pertanyaan yang terdapat petugas sepenuh masa bagi kemudahan pelanggan atau orang ramai yang ingin membuat urusan dengan mereka. Kecekapan amatlah perlu bagi melancarkan serta melicinkan mutu perkhidmatan.

Menyentuh mengenai ketrampilan, seperti mana yang terkandung dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil. 8/1996 bertarikh 15 April 1996 ada menyatakan mengenai pegawai dan kakitangan lelaki hendaklah berpakaian kemas, bersih dan bersopan santun; berseluar panjang, kemeja tangan panjang dan bertali leher bagi pegawai-pegawai Bahagian III ke atas, atau berseluar panjang dan baju kemeja ala cara Melayu atau pakaian cara Melayu yang lengkap. Sementara itu, pegawai dan kakitangan wanita hendaklah berpakaian kemas, sopan dan menutup aurat.

**Bersambung**

## MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

# Persiapan rohani dan jasmani bagi menghadapi peperiksaan

**A**PABILA seorang pelajar telah menamatkan kursus pembelajarannya di sekolah, sama ada di peringkat rendah, menengah mahupun di peringkat universiti tidak kira dari segi akademik mahupun kemahiran akan menghadapi ujian yang dikenali sebagai peperiksaan. Peperiksaan ini diadakan bagi menilai kebolehan dan keupayaan seseorang pelajar selama mana ianya mengikuti kursus pembelajaran tersebut. Pada lazimnya soalan-soalan yang terdapat di dalam kertas soalan itu adalah berkisar tentang apa yang telah diajarkan oleh guru-guru mereka semasa mengikuti tempoh kursus tersebut. Sebelum menjelang peperiksaan maka banyakkah ragam yang dapat dilihat yang melanda para pelajar seperti perasaan gundah-gulana, resah dan susah hati kerana khawatir akan memperoleh keputusan yang kurang memuaskan atau tidak seperti yang dicita-citakan. Kebimbangan dan kekuatiran ini dikenali juga dengan istilah 'demam peperiksaan'.

Demam peperiksaan bukan sahaja melanda kepada golongan pelajar itu sendiri malahan ianya turut dirasai oleh golongan ibu bapa yang ingin melihat anak-anak mereka berjaya. Tidak kiralah dalam apa jua bidang sekalipun yang mereka ceburi. Dalam menghadapi situasi ini, golongan pelajar seharusnya mempersiapkan diri mereka sama ada dari segi rohani mahupun jas-

mani agar perasaan gemuruh yang melanda dapat dikurangkan. Begitu juga halnya mereka sewajarnya memberikan kata-kata galakan dan dorongan kepada anak-anak mereka agar tidak mengabaikan pelajaran. Bukan itu sahaja, kerediaan dan keikhlasan ibu bapa amat diperlukan terutama sekali ketika mendoakan kejayaan anak-anaknya. Ini kerana kerediaan Allah Subhanahu Wataala terletak kepada kerediaan ibu bapa mereka. Perkara ini boleh dilihat melalui hadis Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Tarmizi, Ibnu Hibban dan Thabarani yang bermaksud:

*"Kerediaan Allah terhadap seorang lelaki terletak pada kerediaan kedua ibu bapa dan kemurkaan Allah juga terletak pada kemarahan kedua ibu bapa."*

Persiapan kerohanian bukan hanya bergantung kepada doa kedua ibu bapa sahaja, malah tanggungjawab diri pelajar itu sendiri seperti menunaikan segala suruhan Allah dan menjauhi segala larangan-Nya. Para pelajar disarankan agar sentiasa taat mengerjakan salat lima waktu sehari semalam, berpuasa di bulan Ramadan, berzikir kepada Allah Subhanahu Wataala dan sebagainya. Sementara itu, kitani sebagai seorang mukmin juga disarankan agar tidak melakukan perkara-perkara yang

diharamkan di dalam agama Islam seperti menagih dadah, minum arak, berjudi dan sebagainya yang boleh merosakkan pegangan akidah dan juga boleh mengganggu tahap imuniti tubuh badan seseorang pelajar tersebut.

Apabila gejala negatif ini terjadi, maka ianya akan menyebabkan seseorang pelajar itu berasa susah hati dan tidak tenteram jiwanya. Sedangkan apa yang diharapkan kepada pelajar tersebut ialah ketenangan dan ketenteraman jiwa serta perasaan sebelum menghadapi peperiksaan. Maka para pelajar digalakkan untuk mengingati Allah Subhanahu Wataala dalam apa jua keadaan sekalipun agar jiwa mereka menjadi tenang. Ini dapat dilihat melalui firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ar-Ra'd ayat 28 yang tafsirnya:

*"Iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingati Allah. Ingatlah! Allahlah hati menjadi tenteram."*

Bukan sahaja pihak ibu bapa dan para pelajar itu sendiri, malah pihak sekolah juga tidak ketinggalan untuk

membantu para pelajar seperti mengadakan ceramah-ceramah motivasi dan sembahyang hajat beramai-ramai bagi memastikan segala usaha yang telah dilakukan sepanjang tempoh mereka mengikuti kursus pembelajaran di sekolah tersebut akan mendapat kerediaan Allah dan segala apa yang dicita-citakan akan terlaksana. Terdapat juga sesetengah kampung di Negara Brunei Darussalam yang turut membantu golongan ibu bapa dan para pelajar dengan mengadakan sembahyang hajat beramai-ramai yang lazimnya diadakan di masjid-masjid yang terletak berhampiran dengan kawasan perkampungan bagi memastikan anak-anak tersebut memperoleh ketenangan petunjuk dan hidayah daripada Allah agar segala bentuk malapetaka dan bencana akan dapat dielakkan. Tiada satu pun yang dapat mengubah qadqad dan qadar Allah Subhanahu Wataala melainkan hanya melalui doa. Ini terdapat di dalam hadis Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tarmizi yang bermaksud:

*"Tiada yang boleh menolok qadqad Allah kecuali doa"*

**MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Persiapan Rohani dan Jasmani Bagi Menghadapi Peperiksaan'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:**

## Sentiasa mengulang kaji pelajaran

**M**USIM peperiksaan sudah semakin tiba. Tidak kira sama ada peperiksaan awam seperti PSR, PMB, 'N' dan 'O' Level serta 'A' Level, malahan peperiksaan dalam iaitu peperiksaan akhir tahun bagi setiap sekolah dan maktab juga mengambil tempat.

Bulan Oktober dan November menjadi medan 'pertempuran' bagi murid-murid sekolah rendah dan para pelajar untuk mempersembahkan kebijakan dan kepandaian mereka setelah sekian lama menimba ilmu daripada para guru dan cendekiawan di seluruh sekolah dan maktab di negara ini. Tidak terkecuali institusi-institusi pengajian tinggi sama ada dalam bidang akademik secara teori atau praktikal, mahupun bidang kemahiran (skill-based exams) sama ada aliran teknikal dan vokasional.

Peperiksaan seperti mana yang sudah kita maklumi merupakan suatu ujian atau penilaian yang menguji dan menilai seseorang individu calon sama ada dia mampu menjawab soalan yang dikemukakan ataupun tidak. Sebut sahaja mengenai peperiksaan semua orang sudah mengetahui dan terlantas dalam hati bahawa ia berkait rapat bukan sahaja ujian mental, bahkan juga dari segi fizikal. Mengapa dikatakan demikian? Ini adalah kerana mental melibatkan akal dan pemikiran individu yang akan menduduki peperiksaan. Tanpa kebolehan mental, seseorang calon tidak akan mampu mengharungi kertas soalan peperiksaan. Begitu juga dengan aspek fizikal yang melibatkan kesihatan individu itu sendiri iaitu dari segi ketahanan tubuh badan, minda dan pancaindera, lebih-lebih lagi deria penglihatan dan tangan kerana kedua-duanya mempunyai peranan yang amat penting apabila melangkah alam peperiksaan.

Justeru, sebelum melangkah ke dalam dewan atau bilik peperiksaan, seseorang individu atau calon yang akan menduduki peperiksaan perlulah menyediakan diri dengan persiapan dari segi rohani (spiritual) dan juga jasmani (fizikal dan mental). Selaku seorang individu Muslim sebagai misalnya, sewajarnya dan sebolehnya mempunyai bekal untuk menghadapi hari-hari peperiksaan. Sembahyang hajat adalah salah satu di antara perkara yang digalakkan untuk dilakukan agar mereka dapat menempuh peperiksaan dengan hati yang tenang dan boleh menjawab setiap soalan dengan baik.

Menyadari akan kepentingannya, salah sebuah sekolah menengah di Daerah Belait sejak empat tahun lepas telah mengadakan Sembahyang Hajat Berjemaah dan membaca Surah Yaa Siin beramai-ramai berserta para guru dan pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan awam di dewan sekolah, seminggu atau beberapa hari sebelum peperiksaan tersebut bermula. Tujuan ia diadakan semata-mata untuk berdoa dan mendapatkan keberkatan Allah agar mereka boleh mengharungi peperiksaan dengan sebaik mungkin. Walau bagaimanapun, setiap individu calon itu sendiri mestilah berusaha untuk mengulang kaji pelajaran dengan tekun, kerana doa sahaja tanpa usaha tidak mungkin akan membuahkan hasil seratus peratus. Begitu juga usaha sahaja tanpa diiringi doa tidak akan menjamin kejayaan sepenuhnya.

Para cendekiawan dan ilmuwan Islam telah banyak menyarankan

apabila kita menghadapi sesuatu perkara supaya membaca ayat-ayat suci Al-Quran seperti membaca istighfar, membaca Surah Al-Faatihah, Surah Al-Ikhlas, Surah Al-Falaq, Surah An-Nas, Surah Al-Insyirah dan seumpamanya. Demikianlah juga bagi para pelajar digalakkan untuk mengamalkannya kerana banyak fadilat yang boleh diperolehi daripadanya.

Menyentuh dari segi persiapan jasmani pula iaitu yang menggabungkan aspek fizikal dan mental, kedua-duanya juga perlu dititikberatkan. Setiap individu atau calon pelajar seharusnya bijak membahagikan masa seimbang iaitu dengan mengatur jadual secara sistematik seperti mengulang kaji pelajaran mengikut tajuk-tajuk pelajaran berdasarkan waktu. Sebagai misalnya dalam sejam atau lebih bergantung kepada kemampuan masing-masing. Menelaah dan mengulang kaji sejak awal tahun adalah lebih baik daripada mengulang kaji di saat-saat akhir sebelum menghadapi peperiksaan. Perkara sebegini semestinya dielakkan oleh pelajar, kerana ia bukan sahaja akan menyebabkan tekanan emosi bahkan boleh mengakibatkan penyesalan pada diri sendiri terutama apabila tidak dapat menjawab soalan.

Rehat dan tidur yang mencukupi juga amat penting bagi setiap pelajar lebih-lebih lagi di saat-saat waktu peperiksaan akan tiba, kerana minda yang cergas terhasil dari kesihatan yang baik. Oleh sebab itulah setiap calon pelajar adalah tidak digalakkan untuk mengulang kaji pelajaran hingga ke larut malam apabila keesokan harinya merupakan hari peperiksaan yang mesti dihadapinya. Selain daripada itu, faktor makanan yang diambil juga boleh mempengaruhi minda dan pemikiran para pelajar. Jadi makanan yang seimbang dan tidak mengandungi lemak dan kimia yang berlebihan adalah mustahak supaya tubuh badan merasa segar dan berupaya untuk menghadapi peperiksaan dengan perasaan yang konfiden.

Apa pun setelah bertungkus-lumus berusaha menelaah, mengulang kaji pelajaran dan menyiapkan diri dari segi rohani dan jasmani, setiap individu atau calon pelajar sebolehnya tidak melupakan doa ke hadrat Allah kerana doa itu merupakan tunjang kepada setiap kejayaan dan benteng pertahanan jati diri yang utuh. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, "Wahai manusia, kasihanilah diri kamu kerana sesungguhnya kamu tidak berdoa kepada Tuhan yang tuli dan tidak pula yang ghaib. Sesungguhnya kamu berdoa kepada Tuhan Yang Maha Mendengar, Maha Dekat dan Dia ada berserta kamu." Dengan berkat usaha para pelajar diiringi dengan doa yang tulus ikhlas, kejayaan dan kecemerlangan dalam peperiksaan akan dikecapi juga akhirnya. Insya-Allah.

**Awang Haji Rose de Yusof bin Haji Mohd. Ramlee, No. 6, Simpang 15 - 10, RPN Kampong Pandan, Kuala Belait, KA 2131.**

**No. k/p: 00-264860**

dan tiada yang menambah umur kecuali dengan berbuat amal kebajikan."

Selain dari segi kerohanian, para pelajar juga disarankan agar menjaga jasmani mereka supaya segala bentuk ancaman penyakit dapat dielakkan yang mana jika ianya tidak dicegah atau dibendung maka pelbagai masalah kesihatan akan muncul seperti demam, batuk, sakit kepala, kecederaan fizikal, sakit mental dan banyak lagi. Apa yang kerap terjadi kepada para pelajar ialah kurangnya tidur kerana sibuk menelaah pelajaran bagi menghadapi peperiksaan pada keesokan paginya menyebabkan pelajar tersebut akan mengalami gangguan emosi dan boleh jadi tertidur di dalam dewan peperiksaan. Malah ada yang sanggup untuk mengambil pil tidur agar mereka dapat menghabiskan membaca segala nota-nota kuliah dan latihan yang diberikan oleh guru-guru mereka. Perkara ini sangat bahaya kerana ianya boleh merosakkan imuniti pelajar tersebut. Hal ini tidak akan berlaku sekiranya pelajar tersebut telah membuat persiapan sejak dari awal lagi.

Selain itu diet pemakanan juga penting bagi mempersiapkan diri untuk menghadapi peperiksaan. Terdapat juga segelintir pelajar yang tidak menghiraukan makan minum mereka sehinggakan

## Kebolehan mental perlu bagi seorang calon

**T**ATKALA cikgu mengemukakan tarikh peperiksaan, tentu jantung pelajar-pelajar berdegup-degup. "Dalam hati tentu berkata, adakah saya mempunyai cukup masa untuk mengulang kaji pelajaran?" Adakah saya sudah bersedia menghadapi peperiksaan para pelajar perlu mempunyai mental dan fizikal yang kuat, di samping kesediaan rohani dan jasmani.

Kesemua empat faktor ini adalah umpama minyak pelincir bagi para pelajar yang menduduki peperiksaan khususnya dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Bawah (PMB), GCE 'O' dan 'A' Level dan tidak kurang juga bagi para mahasiswa dan mahasiswa yang meniti ke menara gading di universiti.

Mental diistilahkan sebagai pemikiran, manakala fizikal pula adalah tahap kesihatan luaran tubuh badan kita. Tidak demam, lemah ataupun sebagainya dengan dinilai melalui deria penglihatan mata kita. Kedua-dua faktor ini akan disokong pencapaiannya dengan terlibatnya dua faktor tambahan rohani dan jasmani. Rohani sinonim kepada mental dan jasmani pula serasi kepada kekuatan atau keaktifan fizikal. Dua faktor tambahan ini berupaya memberi kerjasama yang jitu bagi menghadapi cabaran yang getir dalam menjawab soalan peperiksaan.

Ketika ada artikel memaparkan wajah pelajar yang ber-

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Menyemarakkan Suasana Bulan Ramadan'. Tarikh tutup 5 Oktober 2005.
2. 'Banyakkah Amalan Bersedekah Di Bulan Ramadan'. Tarikh tutup 12 Oktober 2005.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

**Sidang Penyunting, Minda Pembaca, Unit Pelita Brunei, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB 3510, Negara Brunei Darussalam. e-mel: pelita@brunet.bn**

ada di antaranya pengsan dalam dewan peperiksaan disebabkan gastrik dan sebagainya. Ini boleh menimbulkan masalah bagi kakitangan atau pegawai yang menjaga peperiksaan pada masa itu. Jika hal ini berlaku, maka sententualah pelajar tersebut akan direhatkan dan menyebabkan pelajar tersebut menanggung kerugian kerana tidak dapat menduduki peperiksaan pada hari tersebut. Selain daripada diet makanan, senaman juga harus diamalkan selalu kerana ianya dapat memberikan seseorang itu kecerdasan badan. Apabila badan cergas maka otak pun cerdas. Otak yang cerdas dapat membantu para pelajar untuk mengulang kaji pelajaran dengan lebih baik lagi.

Kesimpulannya, persiapan dari segi kerohanian dan jasmani adalah penting bagi memastikan para pelajar tidak berhadapan dengan pelbagai masalah ketika menduduki peperiksaan. Apa yang penting ialah usaha dan doa perlu dilakukan seiringan. Ada baiknya para pelajar mengamalkan sikap seperti pepatah Melayu iaitu 'Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, berenang-senang kemudian'.

**Abdul Muin bin Dr. Haji Serbini, No. 7, Simpang 867, Kampong Serdang, Jalan Kota Batu, BD 2117. No. k/p : 00-291429**

semakin hampir. Pihak sekolah juga tidak ketinggalan memohon keberkatan daripada Allah Subhanahu Wataala dengan mengadakan Sembahyang Sunat dan Membaca Surah Yaa Siin beramai-ramai bagi memberkati pelajar mereka supaya mendapat kesenangan ketika menjawab kertas peperiksaan. Ini adalah salah satu langkah usaha yang baik bagi pihak sekolah setelah para guru berusaha mengajar pelajar mereka. Ada juga guru-guru memberikan rangkaian doa yang ada hubungannya dengan pelajaran seperti doa bila terlupa, doa penerang hati yang mana boleh membantu para pelajar ketika dalam dewan peperiksaan.

Setelah apa yang diterangkan di atas, semuanya tergantung pada pelajar itu sendiri. Ibu bapa dan juga guru-guru sudah memberikan perangsang dan sokongan kepada pelajar. Usaha kerja keras merekalah yang menentukan adakah mereka akan berjaya dengan cemerlang, sederhana atau sekadar cukup makan sahaja dalam peperiksaan mereka nanti. Akan tetapi, susah payah mereka yang akan merentangi berbaloi dengan keputusan yang akan bakal mereka peroleh nanti.

**Suryana binti Haji Usop, No. 131, Simpang 103, Kampong Kapok Kanan, BT 2328. No. k/p: 00-295102**

**REMAJA**

**'KEMISKINAN' AKHLAK**

RAMAI yang bertanya mengenainya, dari mana dan mahu ke mana? Persoalan-persoalan sedemikian bukanlah merupakan perkara baru dalam isi naluri remaja yang baru tumbuh melalui kehidupan. Ramai yang tidak arif untuk mewujudkan peta kehidupan, kerana sudah terbiasa dan terdidik dengan asuhan rumah yang bersifat sedia ada. Namun sebaik melangkah keluar dari rumah ramai yang keliru, yang mana satu peta jalan hidup mahu dituju? Gambaran yang ada di hadapan selalunya bercampur baur, dari prinsip kehidupan yang berdisiplin hingga yang tidak menentu. Bila ini berlaku naluri ingin tahu dan mencubanya akan begitu kuat mendesak.

Hal ini berlaku bila remaja yang mula berkembang tidak terbiasa dengan asuhan berdikari dan pendedahan diri yang lebih proaktif. Sedangkan keadaan ini amat diperlukan oleh setiap remaja, bahawa untuk melangkah keluar dari kepompong penjagaan ibu bapa kita perlu lebih berhati-hati dan cermat mengoraknya. Jika tersilap ia akan membawa padah yang mengundang penyesalan. Banyak kerenah yang mengundang pencelaruhan kehidupan, jika tidak ditanggapi dengan lebih berhati-hati. Paling dekat ialah bila berlaku 'kemiskinan' akhlak iaitu keruntuhan akhlak dan tidak bermoral. Ramai yang mahu jadi orang bebas akan tetapi tidak berpepdoman, mahu jadi penentu hidup akan tetapi tidak jelas pendirian, mahu jadi peneroka pembaharuan akan tetapi tiada peta jalan kehidupan yang diukir sebagai landasannya.

Kita bersyukur di negara kita ini, generasi kita sudah semakin peka akan keadaan dan perkembangan sekelilingnya. Sebahagian ada yang sudah matang mendepani perubahan sosial dan pengaruh yang datang melanda. Akan tetapi di sebalik kemampuan dan kematangan mendepani perubahan dan cabaran sedemikian, kita juga tidak dapat lari dari pelbagai risiko remaja. Masalah-masalah sosial yang melanda sekarang akan menghantar mesej kepada kita betapa sebahagiaan dari generasi kita yang ada masih kekurangan keluhuran dan ketinggian akhlak yang terbina dari kemurnian hidup beragama. Krisis moral dan akhlak sudah semakin ketara mewarnai kehidupan generasi remaja kita. Banyak perkara yang bukan menjadi tamadun kehidupan kita, sudah menjadi hal yang akan-akan diterima pakai sebagai elemen remaja. Namun apa pun perubahan yang berlegar, para remaja hendaklah pandai menyuluh.

Jangan setakat menyuluh satu arah sahaja. Kehidupan kita ini berputar-putar dan ranjau di

depannya terlalu getir jika tidak berhati-hati melaluinya. Justeru kalau tersilap suluh, ramai yang mungkin tertipu oleh keadaan. Jangan sampai orang sudah jauh melangkah, kita baru hendak bermula. Orang sudah di puncak kejayaan, kita baru hendak meraba. Bukankah hal sedemikian ini parah jadinya? Walau bagaimanapun jika remaja mempunyai keyakinan diri dan kesedaran untuk berubah, punya visi dan panduan yang jelas, insya-Allah remaja akan melangkah ke arah jati diri dan melengkapkan diri ke arah menghadapi cabaran alaf baru dengan kekuatan iman dan Islam. Semuanya itu bermula dengan kepekaan terhadap apa yang berlaku sekarang.

Masyarakat sekarang, selain menilai seseorang melalui pencapaian akademiknya, nilai akhlak dan penghayatan Islam menjadi sesuatu yang penting di dalam kehidupan. Tidak cukup seorang itu sekadar berkelulusan tinggi akan tetapi jika mempunyai akhlak dan moral yang rendah, ia tidak membawa apa-apa pengertian. Jadi para remaja harus peka, perlu pandai menilai ke-

OLEH H. A. MANAP

hendak masyarakat. Apalagi hendak masyarakat itu adalah dalam memenuhi perintah Allah yang wajib kita miliki iaitu menjadikan akhlak mulia sebagai peribadi diri. Janganlah terlalu ghairah untuk mengikuti masyarakat di luar kita yang telah hancur akhlaknya. Bukan sahaja hidup sudah tidak ketentuan, malah batas-batas rasional manusia juga sudah semakin diabaikan.

Biarkanlah mereka dengan cara mereka dan kita dengan cara kita. Pendirian dan cara kita adalah yang terbaik bagi kita lakukan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda: "Barang siapa yang menyerupai sesuatu golongan maka ia akan termasuk ke dalam golongan tersebut." Islam telah meletakkan etika kehidupan yang tersendiri dan begitu indah, punya cara berpakaian yang tersendiri, punya kebudayaan yang tersendiri, punya cara hidup yang tersendiri. Soalnya kita yang selalu mengabaikan dan tidak mengambil berat untuk menghayatinya. Nilai kehidupan itu sangat berhar-

ga jika sudah kita tersilap langkah, mengalami keruntuhan moral dan akhlak, tiada apa yang boleh dibanggakan lagi. Semua yang kita lakukan itu bukan sahaja tidak ada nilainya di sisi masyarakat, bahkan di sisi Allah mendapat kutukan.

Firman Allah: "Apakah kamu tidak perhatikan orang-orang yang mengambil hawa nafsunya sebagai tuhan, lalu ia disesatkan oleh Allah." (Al Jaatsiyah: 23).

Kita perlulah sedar dari kehidupan remaja yang penuh dengan mimpi kepada kehidupan masyarakat yang penuh dengan realiti dan cabaran. Kerana itu kita perlu lebih sensitif dan patut dijadikan pakaian kita. Kita sensitif dengan akal, jiwa dan perbuatan kita. Kita kawal perasaan dan emosi kita supaya seialiran dengan akal dan jiwa. Dan akal dan jiwa itu perlu dipimpin dengan agama, agar kita tidak menjadi remaja yang tidak berakhlak. Pilihlah cara hidup yang mulia berlandaskan ajaran Islam yang tentunya membawa kebahagiaan di dunia dan di akhirat nanti, insya-Allah.

**Penyerahan Perumahan Bomba Muara**

Oleh Samle Haji Jait  
samle.jait@information.gov.bn

MUARA, Sabtu, 17 September. - Para anggota Perkhidmatan Bomba menerima satu lagi kemudahan asas apabila satu blok Flat Kelas F-02 dan dua blok 'semi detached' banglo telah siap dibina.

Kunci Flat Kelas F-02 yang mengandungi lapan unit dan empat unit bagi blok 'semi detached' banglo itu telah diserahkan oleh Pengiran Ali bin Pengiran Mohammad, wakil Pengarah Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Kerja Raya kepada Pemangku Penolong Pengarah Perancangan Latihan dan Kakitangan, Jabatan Perkhidmatan Bomba,

Awang Mohd. Salleh bin Nayan pada satu majlis di tapak Perumahan Bomba di sini.

Tapak perumahan seluas 1.823 hektar itu menelan belanja lebih \$1,800,000.00 yang telah dibina bermula pada bulan April 2004 dan telah siap pembinaannya pada bulan April lalu.

Sebelum ini, tiga blok banglo, satu blok mengandungi enam unit flat Kelas C dan tiga blok 24 unit bagi flat Kelas F yang menelan belanja kira-kira \$5,509,000.00 bagi Perumahan Bomba Lambak Kanan telah diserahkan pada 30 Jun lalu.

**Penyampaian Pingat Perkhidmatan Polis**

Oleh Samle Haji Jait  
samle.jait@information.gov.bn

MUARA, Khamis, 15 September. - Seramai 11 orang anggota Polis Marin menerima Pingat Perkhidmatan Polis di Upacara Perbarisan di sini.

Terdahulu, Pegawai Pemerintah Polis Marin, Penguasa Polis Awang Azahari bin Haji Awang Besar memeriksa perbarisan yang terdiri dari 50 anggota Polis Marin.

Kemudian Pegawai Pemerintah Polis Marin menyampaikan pingat kepada PC 4706 Fedrick Long, PC

4709 Haji Mohd. Hairul Asyikin, PC 4720 Mohd. Shahrom Ayub dan PC 4743 Rusli.

Juga menerima pingat PC 4748 Shamra, PC 4822 Haji Mohd. Khairul Muizzaddin, PC 4827 Ilham, PC 4832 Lim Eng Chai, PC 4844 Mohd. Hairol Annuar, PC 4846 Mohd. Zin dan PC 4867 Mohd. Ruzaidi.

Penyampaian pingat berkenaan merupakan penganugerahan perkhidmatan yang dinilai pencapaiannya selama satu tahun.

**PELITA BRUNEI** akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

**SYARAT PERADUAN**

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

**HADIAH-HADIAH MENARIK**

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

**TARIKH TUTUP**

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

**ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN**

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 14 September 2005

Bangunan Pusat Da'wah Islamiah, Kampong Pulaie, Berakas.

**ALAI PINTAR**



**BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 690**

Nama : .....

Umur : .....

Alamat : .....

Telefon rumah (jika ada) : .....

Sekolah : .....

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,  
Ruangan Alai Pintar, 690,  
PELITA BRUNEI,  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,  
Negara Brunei Darussalam.

**SOALAN ALAI PINTAR 690**

1. Apakah nama bangunan ini? .....
2. Di manakah letaknya? .....

**Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 14 September 2005**

Fatin Nurafiqah binti Embran,  
Maktab Sains Paduka Seri Begawan  
Sultan, Jalan Muara.  
Umur : 13 tahun

Nurazmi bin Ligoh,  
Sekolah PDNPJ, Sengkarai, Tutong.  
Umur : 12 tahun

Awangku Mohd. Shahmirizuan bin  
Pengiran Sahuddin,  
Sekolah Rendah Bokok.  
Umur : 10 tahun

# Sektor swasta diseru utamakan anak tempatan

Oleh Siti Seri Leila Imelda  
Farrah Zohre Haji Abdullah

SUNGAI AKAR, Ahad, 18 September. - Sehingga bulan Jun 2005, seramai 7,793 pencari kerja dicatatkan oleh Jabatan Buruh sedang mencari pekerjaan, oleh itu pencari-pencari kerja disarankan supaya tidak akan bersikap memilih kerja.

Sementara bagi mereka yang telah mendapat pekerjaan, janganlah mengabaikan pekerjaan masing-masing tetapi hendaklah berusaha bersungguh-sungguh dan penuh iltizam serta menunjukkan keyakinan bahawa anak-anak tempatan tidak kurang kualitinya dalam melaksanakan kerja yang diamanahkan dengan baik dan sempurna.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan selaku tetamu kehormat berucap demikian di Majlis Pembukaan Rasmi Pusat Membeli-Belah Hua Ho, di sini pagi ini.

Menurutnya lagi, pada masa kini semakin ramai anak-anak tempatan yang berkelulusan termasuk mereka yang mempunyai ijazah dan diploma dalam pelbagai bidang kemahiran dan profesion, oleh itu beliau percaya mereka berkeupayaan dan berkebolehan dalam menjalankan tugas serta tanggungjawab jika diberikan peluang.

"Adalah menjadi harapan saya agar sektor-sektor swasta termasuk pusat-pusat perniagaan, institusi-institusi kewangan dan perbankan, syarikat-syarikat IT, kejuruteraan, perkilangan, perkhidmatan-perkhidmatan dan lain-lain syarikat yang bertapak di negara ini akan dapat mengambil dan mengutamakan pekerja-pekerja dari kalangan anak-anak tempatan dan tidak hanya bergantung kepada pekerja-pekerja dari luar negeri," katanya.

Ini adalah sebagai usaha berterusan pihak swasta dalam sama-sama bertang-

gungjawab bagi mengurangkan jumlah pencari kerja terutama sekali di kalangan belia-belia agar akan dapat membantu menyumbang kepada pembangunan negara, di samping mengurangkan bebanan keluarga dan menghindarkan diri terjebak dengan kegiatan-kegiatan negatif atau anasir-anasir yang tidak diinginkan.

Di samping itu dengan adanya penglibatan dari sektor swasta akan dapat mewujudkan iklim yang kondusif bagi pasaran pekerjaan di masa hadapan ke arah mengurangkan pergantungan sepenuhnya kepada sektor kerajaan bagi menampung keperluan pekerjaan.

Beliau menambah pihak majikan haruslah juga komited dalam memberikan pendedahan dari segi pengetahuan dan pengalaman bekerja kepada pegawai dan kakitangan masing-masing dengan menyediakan program latihan dan kursus yang bersesuaian bagi sama-sama meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam selok-belok pekerjaan masing-masing.

Dengan cara tersebut ianya akan dapat meningkatkan produktiviti, kemahiran dan kualiti perkhidmatan yang mana dengan sendirinya akan dapat mempertingkatkan lagi mutu dan khidmat layanan kepada pelanggan.

Pekerja-pekerja hendaklah bersikap patriotik dan bekerjasama serta mempunyai disiplin kerja yang tinggi, di samping nilai-nilai organisasi yang murni haruslah sentiasa diamalkan dan dipraktikkan oleh semua peringkat kakitangan agar pelanggan-pelanggan akan berpuas hati dengan perkhidmatan dan layanan yang diberikan.

Yang Berhormat juga merasmikan pembukaan gedung perniagaan tersebut sejurus selepas berucap.

Sehubungan dengan itu,



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan ketika menandatangani plak Pusat Membeli-Belah Hua Ho di Sungai Akar (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat bersama Yang Dimuliakan Pehin Kapitan China Kornia Diraja Awang Lau Ah Kok memotong riben sebagai tanda bermulanya urus niaga pusat membeli-belah tersebut. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar Pg. Haji Omar.



Ahli Lembaga Pengarah Gedung Perniagaan Hua Ho, Awang Lau How Teck dalam ucapan alu-aluannya berkata objektif utama Gedung Perniagaan Hua Ho cawangan Manggis dibuka ialah memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan di mana gedung berkenaan telah mengambil lebih 50 peratus tenaga pekerja anak-anak tempatan dalam beberapa peringkat pekerjaan.

Gedung Perniagaan Aman Jaya atau lebih dikenali dengan nama Gedung Perniagaan Hua Ho cawangan Manggis mula dibina pada bulan April 2003 dan siap pada bulan April 2005 yang merupakan cawangan yang kelapan.

Bangunan tersebut mempunyai empat tingkat dan 24 unit kedai yang disewakan, di samping mempunyai dewan besar di tingkat empat yang boleh memuatkan 1,100 orang.

Juga hadir di majlis tersebut ialah Yang Dimuliakan Pehin Kapitan China Kornia Diraja Awang Lau Ah Kok dan isteri, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman dan pegawai-pegawai kanan kerja serta pegawai-pegawai eksekutif dari sektor swasta.

## TABUNG MANGSA TAUFAN KATRINA DITUBUHKAN

Oleh Noor Khadijah Tengah

BERAKAS, Selasa, 13 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan Tabung Bantuan Mangsa Taufan Katrina yang bertujuan untuk mengumpulkan derma seangkatan-hati atas rasa peri kemanusiaan daripada semua rakyat dan penduduk di negara ini bagi membantu meringankan beban penderitaan yang ditanggung oleh para mangsa.

Jawatankuasa Tabung Bantuan Mangsa Taufan Katrina telah dibentuk bagi mengendalikan segala urusan yang berkaitan dengan usaha mengumpulkan derma melalui rakyat dan penduduk di negara ini.

Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Mangsa Taufan Katrina berlangsung di Bilik Attaqwa, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Jawatankuasa tersebut dipengerusikan bersama Setiausaha Tetap KKBS dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama serta ahli-ahli yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Turut hadir di mesyuarat tersebut ialah Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato

Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dan Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub serta beberapa wakil dari agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Mesyuarat tersebut menetapkan derma akan dikumpulkan bagi tempoh tiga bulan bermula 13 September lepas dan akan dilanjutkan jika perlu yang mana tempoh tersebut ialah bagi memberi peluang kepada para penderma untuk menyumbangkan derma berbentuk kewangan secara langsung atau mengemukakan aktiviti-aktiviti amal dan kebajikan bagi tujuan kutipan derma tersebut.

Cara kutipan derma ialah melalui sumbangan derma berbentuk kewangan sahaja dari badan-badan dan syarikat-syarikat perniagaan dan persatuan-persatuan serta orang-orang persendirian.

Orang ramai yang berminat untuk menyumbang bolehlah menderma melalui tabung-tabung yang disediakan di bangunan bank-bank, gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara ataupun menghantarkannya terus ke pihak Urusetia Tabung Bantuan Mangsa Taufan Katrina di Bahagian Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bangunan KKBS, Jalan Kebangsaan pada waktu pejabat.

# Pusat Bantuan Perniagaan yang efektif perlu ditubuhkan

Oleh Refa'ah Ali Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 September. - Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah menegaskan, birokrasi merupakan suatu masalah yang dihadapi oleh pengusaha kecil dan sederhana (SME) mengakibatkan kurangnya kompetitif dan tarikan dalam bidang pelaburan.

Menurutnya, kini Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama dan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan bekerjasama untuk menubuhkan satu pasukan petugas SME bagi memantau dan mengambil alih usaha yang gagal dengan mengadakan 'Agensi Satu Hentian' pada pertengahan tahun 1990-an.

Beliau menambah, dengan adanya inisiatif dan responsif e-kerajaan, Program Pembangunan Sumber Manusia yang memokus kepada kakitangan Perkhidmatan Awam dan ketua akauntabiliti, diharapkan akan dapat menubuhkan 'Pusat Bantuan Perniagaan' yang efektif dan berdaya

saing dengan negara maju.

"Kini tibalah masanya kita mengandakan lagi usaha bagi mencapai sasaran dalam meningkatkan lagi sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) selain sektor gas dan minyak yang berjumlah \$100 juta setahun," kata Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, semasa Persidangan Meja Bulat Perniagaan Kecil dan Sederhana anjuran Asia Inc Forum yang berlangsung di Hotel Sheraton Utama.

Isu lain yang turut dijelaskan ialah program pembangunan bagi mendukung SME, menurut beliau pentingnya mewujudkan kerjasama dengan agensi lain kerajaan Lembaga Pembangunan Ekonomi Brunei dan pelaburan asing supaya berjalan dengan lancar.

Beliau menambah, kementeriannya juga akan

membuat pelaburan untuk menghidupkan semula Taman Permainan Jerudong dan menjadikan Kampong Ayer sebagai Kampung Budaya bagi pusat perusahaannya.

Dalam pada itu, beliau turut menegaskan dengan adanya peningkatan yang berterusan, Negara Brunei Darussalam akan dapat mencapai kemajuan dalam bidang perhotelan daripada 25 peratus sekarang hingga 60 peratus dalam masa lima tahun akan datang.

Beliau berkata, kementeriannya turut menyediakan dua strategik penting bagi program bantuan iaitu menubuhkan SME tempatan yang berusaha dan bertanggungjawab serta berdaya saing.

Kementerian itu juga ingin melihat produk dan perkhidmatan tempatan akan dapat berdaya saing serta mendapat tempat di pasaran tempatan dan antarabangsa.



S  
i  
B  
u  
d  
i  
m  
a  
n



**JABATAN DAERAH TEMBURONG  
KEMENTERIAN HAL  
EHWAL DALAM NEGERI**

**BILANGAN TAWARAN : JDT/09/2005**  
TAWARAN MEMBEKALKAN SEBUAH KENDERAAN  
JENIS PACUAN EMPAT RODA (4WD)

**Syarat-syarat Tawaran :**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup (sealed) yang bertulis 'TAWARAN MEMBEKAL KENDERAAN JENIS PACUAN EMPAT RODA (4WD)' termasuk bilangan tawaran dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal dan dikembalikan ke dalam Peti Tawaran tidak lewat pada hari **Selasa, 18 Oktober 2005** jam 12.00 tengah hari dialamatkan kepada:-  
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,  
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat,  
Bandar Seri Begawan BS8610.
3. Salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-nama Perniagaan (Certificate of Registration -Business Names Act) Bab 16 & 17 mestilah disertakan.
4. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
5. Yuran Dokumen Tawaran sebanyak \$20.00 hendaklah dijelaskan di Bahagian Pentadbiran Kewangan, Jabatan Daerah Temburong dan wang tersebut tidak akan dikembalikan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
7. Borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Pentadbiran Kewangan, Tingkat 1, Jabatan Daerah Temburong.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan borang-borang tawaran yang telah disediakan berserta katalog yang berka itan dengan tawaran tersebut.



**DI DALAM  
MAHKAMAH MAJISTRET  
BANDAR SERI BEGAWAN**

**SAMAN BIL : 1084 TAHUN 1997**

**DI ANTARA**

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA  
SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM .....Plaintif

DAN

**HJ MOHD SANUSI HJ MOHD TAHIR**  
(Berniaga atas nama dan gelaran "NADJVISION")  
.....Defendan

**NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT PERINTAH  
PENYAMPAIAN GANTI**

Kepada : HJ MOHD SANUSI HJ MOHD TAHIR  
Alamat yang terakhir diketahui :  
No. 3, Simpang 33, Jalan Elia Fatimah,  
Kampong Kiarong,  
Bandar Seri Begawan BE1318,  
Negara Brunei Darussalam.

SILA ambil perhatian bahawa suatu tindakan telah dimulakan terhadap kamu dalam Mahkamah yang disebutkan di atas oleh KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, di mana tuntutan Plaintiff ialah berkaitan dengan bayaran telefon seperti berikut : sebanyak 1) \$6,501.56; 2) faedah pada kadar 6% setahun mulai dari tarikh penghakiman sehingga pembayaran penuh dan 3) kos; 4) Sebarang pelepasan lain yang mungkin di anggap patut dan wajar oleh mahkamah ini dalam hal keadaan tersebut.

DAN bahawa telah diperintahkan supaya penyampaian Saman dalam tindakan ini kepada kamu dilakukan melalui pemberitahuan ini di "PELITA BRUNEI" dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap sebagai penyampaian yang sah dan mencukupi bagi prosiding terhadap kamu.

TINDAKAN tersebut akan didengar di Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan pada **4 Oktober 2005** jam 8.30 pagi, pada hari itu kamu hendaklah hadir dan jika kamu tidak hadir sama ada sendiri atau melalui seorang wakil yang layak untuk hadir bagi pihak kamu pada masa dan tempat yang tersebut di atas, perintah tersebut akan dibuat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

Bertarikh : 11 November 2005.

Majistret

Notis Pemberitahuan Menurut Perintah Penyampaian Ganti ini difailkan oleh Pejabat Peguam Negara, Peguamcara dan Peguambela bagi Plaintiff yang alamat penyampaiannya ialah Pejabat Peguam Negara, Bangunan Undang-Undang, Bandar Seri Begawan BA1910, Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN  
KEMAJUAN PERUMAHAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**NO PROJEK: JKP/13/2005**

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar Kelas VI dan Kategori 1, 3, 5a dan 5b.

**(i) Projek : (RETENDER0 LORONG TENGAH SERIA, HOUSING SCHEME PHASE 2 EARTHWORKS AND STORM DRAINS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**(ii) No. Projek : JKP/13/2005**

Dokumen-dokumen tawaran dan Lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Tingkat 1, Bangunan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 2.00 petang hari **Sabtu, 1 Oktober 2005.**

Tawaran Buka : 14 September 2005 (Rabu)  
Tarikh tutup : **4 Oktober 2005 (Selasa)** tidak lewat jam 2.00 petang.

Tempat tutup : Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,  
Tingkat Bawah,  
Bangunan Kementerian Pembangunan,  
Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas,  
Bandar Seri Begawan BB 3510,  
Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran : \$1,000.00 (Tidak dikembalikan)  
Yuran Dokumen : \$ 1,000.00 (Tidak dikembalikan).

**Syarat-syarat Tawaran :**

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk dan Bilangan Projek serta alamat tempat menghantar tanpa menunjukkan identiti penawar.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi daripada Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Tingkat 1, Negara Brunei Darussalam.
5. Sebelum Dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori kerja yang ditetapkan.
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestilah menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
8. Tawaran akan dikira sah laku tempoh 90 hari dari tarikh akhir menghantar tawaran.



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**BILANGAN TAWARAN : KPN/EGOV/2/2003**

TAWARAN 'THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, DEVELOPMENT, TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE e-MAP, MINISTRY OF DEVELOPMENT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

1. TAWARAN adalah dipelawa dari Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Dokumen dan borang tawaran serta keterangan lanjut boleh diperolehi di Unit Penyelidikan dan Perkembangan (Tingkat 2), Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam dengan membayar Yuran Tawaran sebanyak \$ 1,000.00 (tidak dikembalikan) bagi setiap tawaran pada hari bekerja:-  
Hari Isnin - Khamis 8.30 pagi - 11.00 pagi  
2.00 petang - 3.00 petang  
Hari Sabtu 8.30 pagi - 10.00 pagi

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan tidak menunjukkan sebarang tanda Syarikat pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk-tajuk tawaran seperti berikut:-

**BILANGAN TAWARAN : KPN/EGOV/2/2003**

TAWARAN 'THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, DEVELOPMENT, TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF e-MAP, MINISTRY OF DEVELOPMENT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

4. Tawaran hendaklah dihadapkan tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari **Selasa, 18 Oktober 2005** kepada alamat berikut:-

Pengerusi,  
Lembaga Tawaran Kecil,  
Kementerian Pembangunan,  
Lapangan Terbang Lama,  
Berakas BB3510,  
Negara Brunei Darussalam.

9. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan: LTN/4(39/1997).
10. Wakil syarikat yang hadir mengambil Dokumen Tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh Syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari Syarikat dan Kad Pengenal wakil untuk rujukan Jabatan sebelum Dokumen Tawaran diserahkan.



**JAWATAN KOSONG DI JABATAN  
PERKHIDMATAN POS  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**POSMEN TINGKAT KHAS  
(DI JABATAN PERKHIDMATAN POS,  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN)**

**TANGGAGAJI : D.3 - 4 EB.5 \$900 - \$1,625 SEBULAN**

**1. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**

- a) Mestilah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b) Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- c) i) Mempunyai kelulusan Sijil Kebangsaan Biasa (NC) atau kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang yang bersesuaian.  
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU  
ii) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Pos sebagai Posmen Tingkat I atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya dalam tanggagaji D2 sekurang-kurang 3 tahun serta mempunyai pengalaman dalam bidang pengurusan bahagian dan kakitangan serta penyediaan pemerosesan dan penyerahan surat-surat dan bungksuan.  
iii) Hendaklah mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**3. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

- a) Menjadi pembantu kanan kepada penyelia di Bahagian Operasi dan kepada Ketua-Ketua Pos di Pejabat-Pejabat Pos cawangan berhubung dengan hal-hal yang bersangkutan dengan penyelenggaraan, pemerosesan, penghantaran dan penyerahan surat-surat dan bungksuan.
- b) Menjadi penyelia kepada Posmen-Posmen dan untuk menentukan bahawa mereka membuat kerja-kerja dengan amanah dan menurut jadual bagi yang ditempatkan di pejabat pos cawangan.
- c) Membuat pemeriksaan mengejut pada masa posmen-posmen menjalankan tugas-tugas.
- d) Membuat laporan-laporan dalam Bahasa Melayu dengan baik
- e) Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Bahagian.

**NOTA :**

1. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan yang dinyatakan diatas hendaklah yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli yang Maha Mulia paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kut dari Ketua Jabatan adalah mendapat keutamaan.

**AM :**

Pemohonan-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir(shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di-mana-mana di Negara Brunei Darussalam.

**PERINGATAN :**

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon yang berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu Salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan dan tarikh tutup iklan didalam borang permohonan mereka

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan Borang SPA 1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan BS8611, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup : 13 Oktober 2005.**

**PERADUAN MENCIPTA LOGO  
SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI  
KEBANGSAAN KE 22 TAHUN 2006  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**1. Syarat dan Peraturan Peraduan Mencipta Logo Hari  
Kebangsaan Negara Brunei**

- 1.1 Dibukakan kepada raykat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.
- 1.2 Karya cipta mestilah asli (bukan saduran atau adaptasi) dan belum pernah dipertandingkan.
- 1.3 Setiap karya cipta hendaklah membubuh panji-panji negara, warna bendera kebangsaan, tarikh ulang tahun Sambutan Hari Kebangsaan dan menyediakan ruang bagi membubuh tema sambutan dalam tulisan jawi dan rumi.
- 1.4 Setiap karya cipta hendaklah memperlihatkan ciri-ciri nasional dalam konteks berbangsa dan bernegara dengan berasaskan Falsafah Negara (MIB).
- 1.5 Karya cipta hendaklah memperlihatkan ciri-ciri kekal yang dapat digunakan sepanjang Sambutan Hari Kebangsaan setiap tahun.
- 1.6 Karya cipta hendaklah dilukis pada kertas lukisan berukuran A4 Penciptaan karya seni melalui komputer adalah satu kelebihan. Kertas yang digunakan hendaklah jenis 'Glossy' dan berkualiti.
- 1.7 Karya cipta hendaklah disertakan dengan tafsirannya yang lengkap.
- 1.8 Karya cipta hendaklah dihantar bersama borang yang diisi lengkap dengan keterangan-keterangan yang diperlukan.
- 1.9 Penyertaan hendaklah sampai kepada Urus Setia Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan, Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Jalan Kebangsaan BA1210, Negara Brunei Darussalam tidak lewat **29 September 2005**.

**2. Hadiah**

- 2.1 Pemenang akan menerima hadiah berupa wang berjumlah \$2,000.00 serta sijil penghargaan manakala pemenang kedua dan ketiga masing-masing menerima \$500.00 seorang beserta sijil penghargaan penyertaan yang lain akan menerima sijil-sijil penghargaan.
- 2.2 Pemenang peraduan akan diumumkan melalui media dan laman web.

**Nota:**

Borang dan keterangan lanjut mengenai peraduan ini bolehlah menghubungi Urus Setia Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam beralamat : Urus Setia Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Jalan Kebangsaan BA1210 Negara Brunei Darussalam No. Telefon: 2381391 / 2382120 / 2382130



**PEJABAT DAERAH TEMBURONG  
KEMENTERIAN HAL  
EHWAL DALAM NEGERI**

**KEKOSONGAN RUANG KEDAI/PEJABAT  
DI KOMPLEKS PERNIAGAAN BUMIPUTERA  
DAERAH TEMBURONG**

DIMAKLUMKAN kepada penduduk-penduduk Bumiputera rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang tinggal menetap dan bermastautin di Daerah Temburong bahawa permohonan-permohonan untuk mendapatkan ruang kedai/pejabat yang telah dikosongkan di Kompleks Perniagaan Bumiputera Daerah Temburong dengan ini mula dibuka. Peniaga-peniaga Bumiputera adalah dipelawa untuk menghadapkan permohonan mereka. Borang-borang permohonan boleh didapati di Pejabat Daerah Temburong Bahagian Melesen dan tarikh tutup penerimaan permohonan adalah pada **29 September 2005** jam 4.00 petang.

**Pemohon-pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat dan garispandu-garispandu yang disenaraikan seperti berikut:-**

1. Pemohon hendaklah terdiri daripada Penduduk Bumiputera rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon hendaklah tinggal menetap dan bermastautin dalam Daerah Temburong.
3. Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau berkhidmat sepenuh masa dengan pihak swasta tidak dibenarkan memohon.
4. Koperasi Daerah Temburong yang berdaftar adalah dibolehkan memohon.
5. Pemohon hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan diakui sihat oleh Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan.
6. Pemohon mestilah mempunyai pengalaman di bidang perniagaan yang dipohonkan dan hendaklah menghadapkan Lesen-lesen/Dokumen-dokumen yang berkaitan dalam perniagaan semasa memohon.
7. Pemohon hendaklah berkeupayaan dalam mengurus dan menjalankan perniagaan, mematuhi peraturan dan syarat-syarat serta mampu membayar sewa pendahuluan dan sewa bulanan mengikut tempoh yang ditetapkan. Mereka yang gagal mematuhi syarat-syarat ini akan dibatalkan dengan serta merta dan sewa-sewa yang masih terhutang mestilah dibayar.
8. Pemohon mestilah mengendalikan sendiri perniagaan yang dijalankan dan tidak dibenarkan untuk menyewakan kepada orang lain.
9. Pembantu-pembantu hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap. Pemohon-pemohon hendaklah menghadapkan senarai pembantu-pembantu untuk diluluskan kepada Pengerusi Jawatankuasa Meneliti dan Menimbang Ruang Kedai Kompleks Perniagaan Bumiputera Daerah Temburong.
10. Pemohon hendaklah patuh kepada Undang-undang dan Peraturan Negara Brunei Darussalam yang bkuatkuasa dari masa ke semasa.
11. Jawatankuasa Meneliti dan Menimbang Ruang Kedai Kompleks Perniagaan Bumiputera Daerah Temburong berhak menambah syarat-syarat yang telah disediakan.
12. Pemohon yang gagal mematuhi syarat-syarat di atas akan ditarik balik kebenaran yang diberikan kepadanya.
13. Keputusan Jawatankuasa Meneliti dan Menimbang Ruang Kedai Kompleks Perniagaan Bumiputera Daerah Temburong mengenai permohonan adalah muktamat.



**JABATAN PENERANGAN  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN : JPB/22/2001/pt.4**

Tajuk Tawaran : "THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, COMMISSIONING, TRAINING AND MAINTENANCE OF E-PELITA, DEPARTMENT OF INFORMATION, BRUNEI DARUSSALAM"

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada semua pembekal-pembekal peralatan dan perkhidmatan IT yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam bagi membekal satu sistem IT (software) bagi penyediaan dan penerbitan Pelita Brunei dan lain-lain penerbitan-penerbitan Jabatan Penerangan, dan peralatannya (hardware).
2. Dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Sokongan IT, Tingkat 1, Bangunan Jabatan Penerangan, Berakas, Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja mulai jam 8.30 pagi hingga 12 tengah hari dan dari 1.30 petang hingga 3.00 petang. Harga dokumen sebanyak \$200.00 (tidak dikembalikan) dikenakan bagi setiap dokumen.
3. Tarikh terakhir bagi mendapatkan Dokumen Tawaran adalah pada **Khamis, 6 Oktober 2005**.
4. Taklimat tawaran akan diadakan pada satu tarikh yang akan dimaklumkan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendapatkan Dokumen Tawaran akan dijemput bagi menghadiri taklimat tersebut. Tempat dan waktu taklimat akan dimaklumkan kemudian.
5. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut : "THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, COMMISSIONING, TRAINING AND MAINTENANCE OF E-PELITA, DEPARTMENT OF INFORMATION, BRUNEI DARUSSALAM". Tanpa menunjukkan nama atau identiti syarikat dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada :  
Pengerusi  
Lembaga Tawaran Negara,  
Kementerian Kewangan,  
Commonwealth Drive  
Negara Brunei Darussalam
6. Tarikh tutup tawaran adalah sebelum 2.00 petang, **Isnin, 24 Oktober 2005**
7. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN  
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

ADALAH dimaklumkan kepada nelayan-nelayan dan orang ramai yang berhasrat untuk menangkap ikan bahawa lesen-lesen Perikanan bagi tahun 2006 hendaklah dibaharui mulai **1 Oktober 2005 hingga 31 Oktober 2005**. Untuk maksud ini nelayan-nelayan dan orang ramai yang berhasrat untuk menangkap ikan bolehlah mendapatkan lesen-lesen mereka di tempat-tempat dan waktu-waktu seperti berikut:-

TEMPAT	HARI/WAKTU
1. Pejabat Perikanan Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber- Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.	<b>Isnin - Khamis - Sabtu</b> 8.00 - 12.00 Tengah hari 1.30 - 3.00 Petang
2. Stesen Perikanan Muara	<b>Isnin - Khamis - Sabtu</b> 8.00 - 12.00 Tengah hari 1.30 - 3.00 Petang
3. Pusat Perikanan Belait	<b>Isnin - Khamis - Sabtu</b> 8.00 - 12.00 Tengah hari 1.30 - 3.00 Petang
4. Pejabat Perikanan Tutong	<b>Isnin - Khamis - Sabtu</b> 8.00 - 12.00 Tengah hari 1.30 - 3.00 Petang
5. Pejabat Perikanan Temburong	<b>Isnin - Khamis - Sabtu</b> 8.00 - 12.00 Tengah hari 1.30 - 3.00 Petang

Diingatkan kepada nelayan-nelayan dan orang ramai yang berhasrat untuk menangkap ikan bahawa lesen-lesen yang sah dikehendaki di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan Perikanan, Penggal 61. Sesiapa yang didapati sabit kesalahannya kerana mengusahakan penangkapan ikan tanpa lesen-lesen berkenaan yang sah akan diambil tindakan di bawah Akta tersebut.

Adalah juga diingatkan kepada semua pemohon supaya akan membawa berama :-

1. Salinan Kad Pengenalan pemohon dan pembantu;
2. Bagi pemohon baru hendaklah disertakan satu keping gambar warna yang berukuran pasport bagi setiap pemohon dan pembantu;
3. Salinan lesen Buruh dan Borang Bur 500/Bur 555 serta pasport pekerja asing (bagi pemohon yang menggunakan pekerja asing).



**JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK (DTE)  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**BILANGAN TAWARAN : MOE/EGOV/DTE/003-3/2004**

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi: **MOE/EGOV/DTE/003-3/2004**  
"THE SUPPLY, REENGINEERING, ANALYSIS, DESIGN, DELIVERY, INSTALLATION, INTEGRATION, TESTING, DEPLOYMENT, TRAINING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF SOFTWARE AND HARDWARE FOR THE IMPLEMENTATION OF AN INTEGRATED WEB-BASED TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION STUDENT INFORMATION SYSTEM."
2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh diperolehi dari : Sekreteriat Lembaga Tawaran Kecil (A), Bahagian Perkhidmatan Kewangan, Blok A, Tingkat 1, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam.
3. Bayaran harga dokumen tawaran berjumlah \$200.00 (Tidak dikembalikan) dibuat di : Unit Tunai dan Pembayaran, Blok B, Tingkat 1, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Bandar Seri Begawan BB3510, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

4. Tarikh akhir mendapatkan Dokumen Tawaran adalah pada hari Sabtu, 01 Oktober 2005, sebelum jam 3.00 petang.
5. Tarikh hari maklumat pada hari Isnin 03 Oktober 2005, jam 9.00 pagi bertempat di Lecture Theatre, Sekolah Perdagangan, Spg 347, Jalan Pasar Baharu, Gadong, Negara Brunei Darussalam BE1130.
6. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat berasingan yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut :  
"THE SUPPLY, REENGINEERING, ANALYSIS, DESIGN, DELIVERY, INSTALLATION, INTEGRATION, TESTING, DEPLOYMENT, TRAINING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF SOFTWARE AND HARDWARE FOR THE IMPLEMENTATION OF AN INTEGRATED WEB-BASED TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION STUDENT INFORMATION SYSTEM."  
tanpa menunjukkan nama syarikat dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada Sekreteriat Lembaga Tawaran Kecil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A), Blok A, Tingkat 1, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari **Selasa, 15 November 2005**, sebelum jam 2.00 petang.
7. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.



**JAWATAN KOSONG DI  
KEMENTERIAN KESIHATAN**

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong yang berikut di KEMENTERIAN KESIHATAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

**1) PEMBANTU MAKMAL**  
TANGGAGAJI : M3 EB4 (\$570 - \$1175)  
BILANGAN KOD : 113 05 437  
JABATAN/KEMENTERIAN : KEMENTERIAN KESIHATAN

**SYARAT-SYARAT AM :**

- Mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Calon-calon yang mempunyai kelayakan atau kelulusan yang ber-sesuaian yang lebih tinggi adalah satu keutamaan.
- Kelayakan Akademik dan Pengalaman:
  - Mestilah mempunyai kelulusan kepujian/kredit 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa termasuk mata pelajaran Sains atau Matematik atau kelulusan yang sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Atau
  - Telah dan sedang berkhidmat sebagai Atendan Makmal dalam tanggagaji F2- 3-4-5 EB6 di Jabatan Perkhidmatan Makmal tidak kurang dari 8 tahun.
  - Keutamaan akan diberi kepada mereka yang lulus peperiksaan Sijil Pembantu Makmal dan telah berkhidmat di bawah Perkhidmatan Makmal.
  - Pemohon-pemohon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana tempat di negara ini. Mereka juga hendaklah bersedia bekerja pada bila-bila waktu diperlukan, termasuk di luar waktu pekerjaan biasa, hari-hari Kelepasan Awam atau bekerja secara bergilir ("shift").

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

- Dikehendaki menjalankan tugas yang telah diarahkan di bawah pe-ngawasan pegawai yang dipertanggungjawabkan.
- Mengambil contoh-contoh darah pesakit di bahagian pesakit luar, klinik-klinik kesihatan dan di dalam wad-wad.
- Memberi layanan dan menerima specimen dari wad, klinik kesihatan dan pesakit luar.
- Memasukkan ke dalam komputer semua ujian yang dikehendaki mengikut maklumat yang terdapat dalam 'request form'.
- Membantu menyediakan specimen untuk dianalisa di bahagian makmal berkenaan.
- Bersedia untuk bertugas ke klinik-klinik dan ke pusat-pusat pengambilan contoh-contoh darah mengikut giliran dan jadual yang diatitkan untuk mengambil contoh-contoh darah dan menyediakan specimen untuk dihantar ke Makmal.
- Jika diperlukan, datang bekerja pada hari cuti atau hari kelepasan awam atau pada waktu di luar waktu bekerja dan membantu pegawai yang bertugas membuat kerja rutin dan stat mengikut jadual yang diatitkan.
- Memastikan tempat bekerja sentiasa dalam keadaan bersih dan teratur.
- Pembantu Makmal adalah dikehendaki bekerja di Makmal-Makmal di Jabatan Perkhidmatan Saintifik
- Dikehendaki menolong menjalankan semua ujian makmal yang berkaitan sebagaimana diarahkan kepadanya oleh pegawai-pegawai saintifik.

**2) MERINYU KESIHATAN/PERCUBAAN**  
BILANGAN KOD : 113 07 948  
TANGGAGAJI : C1 EB2 / D3 EB4 (\$1280 - \$1930 / \$900 - \$1465 SEBULAN)

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**

- Mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai kelulusan BDVTEC Sijil Kebangsaan Biasa [ONC] dalam jurusan Sains atau bidang yang bersesuaian dan lulus sekurang-kurangnya dalam 3 Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa termasuk mata Pelajaran Sains atau Matematik.  
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

**TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

- Di bawah arahan Pegawai Perubatan Kesihatan atau Ketua Merinyu Kesihatan, Merinyu Kesihatan akan terlibat dalam kerja-kerja Kesihatan Awam yang termasuk perkara yang berikut:
  - Kebersihan alam sekitar
  - Kebersihan makanan
  - Kawalan penyakit yang berjangkit.
  - Kebersihan pelabuhan.
- Kadangkala diperlukan bekerja di kem dan bermula di kampung pe-ndalaman bila terlibat dalam kebersihan luar Bandar, kawalan serangga (Vektor) dan Malaria.

**LAIN-LAIN SYARAT**

- Calon-calon yang berjaya akan dilatih dalam negeri selama 18 bulan sebelum dihantar keluar negeri selama dua tahun untuk mendapatkan latihan professional untuk mendapatkan Diploma in Health Surveying, Royal Society in Health Inspectors (London) atau kelulusan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

- Setelah menamatkan kursus dalam Diploma tersebut, calon-calon akan dinaikan pangkat untuk ditetapkan dalam jawatan Merinyu Kesihatan Awam dalam tanggagaji C1 EB2.
- Calon-calon yang berjaya mestilah berkesanggupan ditempatkan di mana-mana daerah atau sebagaimana arahan-arahan yang dibuat oleh Pegawai Perubatan Bahagian Kesihatan.
- 3) MERINYU UBAT PELATIH / TERLATIH**  
BILANGAN KOD : 113 06 818  
TANGGAGAJI : M5 EB6 (\$1,270.00 - \$1,850.00 SEBULAN)  
M8 EB9 (\$1,485.00 - \$2,315.00 SEBULAN)

**SYARAT SYARAT AM**

- Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai rekod persekolahan yang baik.
- Mestilah mempunyai sifat-sifat yang jujur, pertimbangan yang baik dan bersedia untuk bertanggungjawab serta taat kepada Negara dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris, kebolehan bertutur dan menulis dalam bahasa lain adalah satu ke-lebihan.
- Memenuhi semua syarat-syarat tempoh percubaan dan penetapan dalam jawatan seperti yang disebutkan di bawah syarat syarat khas.

**SYARAT-SYARAT KHAS**

- Mestilah mempunyai BDTVEC Sijil Kebangsaan Biasa (ONC) dalam jurusan Sains atau Matematik atau bidang yang sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.
- Calon-calon yang berjaya dilantik adalah dikehendaki berkhidmat di Perkhidmatan Farmasi dalam tempoh percubaan selama 6 hingga 8 bulan. Kemudian mereka akan dihantar keluar negeri untuk mengikuti kursus latihan selama 1 hingga 3 tahun bagi membolehkan mereka memperolehi Sijil Tukang Ubat dalam Penguatkuasaan Undang-Undang Farmasi. Ini akan melayakan calon-calon berkenaan untuk memegang jawatan Merinyu Ubat Terlatih. Tempoh yang dimaksudkan di atas adalah seperti yang di kehendaki oleh pihak penganjur kursus Tukang Ubat berkenaan.

**SYARAT-SYARAT TAMBAHAN**

- Hendaklah bersedia untuk berkhidmat di mana-mana daerah di Negara Brunei Darussalam secara bergilir gilir.
- Hendaklah bersedia untuk bertugas di luar waktu pejabat menurut ja-dual kerja dan waktu panggilan kecemasan (on-call) dan di luar waktu pejabat.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

- Calon-calon yang berjaya akan di tempatkan untuk bertugas di Unit Penguatkuasaan Undang Undang Farmasi di bawah Perkhidmatan Farmasi.
- Calon-calon akan membantu menjalankan tugas di unit berkenaan di bawah pengawasan Merinyu Ubat Terlatih Tingkat II dalam memastikan kelancaran perkhidmatan unit-unit berkenaan. Kegiatan-kegiatan yang di pertanggungjawabkan adalah seperti berikut:-
  - Menjalankan pemeriksaan di Kastam Lapangan Terbang, di Pejabat Pos dan Pelabuhan dalam memastikan kemasukan ubat-ubatan dan bahan kimia ke Negara Brunei Darussalam adalah yang telah di sahkan penggunaannya.
  - Menjalankan pemeriksaan di kedai-kedai ubat dan di ejen pembekal ubat dan bahan kimia termasuk kimia yang digunakan oleh pihak pertanian dan industri, dan ubat ubatan veterinar.
  - Memeriksa dan mengambil contoh ubat dari mana-mana pihak yang berkenaan bagi pemeriksaan lanjut.
  - Memeriksa tempat penyimpanan ubat di klinik-klinik swasta dan kerajaan seperti yang di arahkan.
  - Menjalankan pemeriksaan ke atas kedai kedai yang dike-tahui atau disyaki menjual bahan ubat atau kimia bagi memastikan penjualan racun-racun hanya dibuat oleh pemegang pemegang lesen racun yang sah sahaja.
  - Memastikan bahawa ubat-ubatan yang di jual di negara ini telah di sahkan kemasukannya oleh unit ini.
- Bersedia untuk menerima arahan dan menjalankan tugas yang berkaitan dengan kerja seperti yang diberikan oleh Ahli Kimia Ubat di semua peringkat di Unit penguatkuasaan Undang Undang Farmasi.
- Calon-calon akan bertanggungjawab terus kepada Ahli Kimia Ubat Tingkat I atau II di Unit Penguatkuasaan Undang Undang Farmasi.
- 4) TEKNISYEN BILIK MAYAT**  
BILANGAN KOD : 113 05 447  
TANGGAGAJI : M3 EB 4 (\$570 - \$1175 SEBULAN)

**SYARAT-SYARAT AM**

- Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Lulus dengan kepujian/kredit 4 mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Am Peringkat Biasa dalam jurusan yang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon yang mempunyai pengalaman dalam bidang pengurusan Bilik Mayat adalah merupakan satu kelebihan.

**SYARAT-SYARAT TAMBAHAN**

Pemohon-pemohon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana tempat di negara ini. Mereka juga hendaklah

bersedia be-kerja pada bila-bila waktu diperlukan, termasuk di luar waktu pekerjaan biasa, hari-hari Kelepasan Awam atau bekerja secara bergilir ("shift").

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

- Dikehendaki menjalankan tugas yang telah diarahkan di bawah pe-ngawasan pegawai yang dipertanggungjawabkan.
- Memberi layanan dan menerima specimen dari wad dan unit kecemasan.
- Membantu menyediakan mayat untuk dibedah siasat di bahagian makmal berkenaan.
- Bersedia untuk bertugas di luar waktu pejabat mengikut giliran dan jadual yang diatitkan untuk menerima dan mengeluarkan mayat di bilik mayat.
- Jika diperlukan, datang bekerja pada hari cuti atau hari kelepasan awam atau pada waktu di luar waktu bekerja dan membantu pegawai yang bertugas membuat kerja rutin dan stat mengikut jadual yang diatitkan.
- Memastikan tempat bekerja sentiasa dalam keadaan bersih dan teratur.

**PERINGATAN :**

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon yang berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-pemohonan adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan borang SPA 1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada :

URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN  
TINGKAT 1, KEMENTERIAN KESIHATAN  
COMMONWEALTH DRIVE, JALAN MENTERI BESAR  
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

TARIKH TUTUP IKLAN : 6 OKTOBER 2005

**JABATAN  
PERKHIDMATAN POS  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**MENYEWAWA TINGKAT ATAS PEJABAT POS LUMUT BAGI  
MENJALANKAN PERNIAGAAN CYBER CAFE'/KEDAI  
BUKU/STATIONERY ATAU LAIN-LAIN YANG BERSEBUAIAN**

RUJUKAN NO : POS/02/02.37 Pt.1

**Syarat-syarat Tawaran :**

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat Tempatan untuk menjalankan perniagaan Cyber Cafe'/ Kedai Buku/ Stationery dan lain-lain perniagaan yang bersesuaian kecuali Restoran atau Kedai Makan/Runcit.
- Tawaran adalah untuk tempoh 3 (tiga) tahun mulai dari tarikh perjanjian penyewaan ditandatangani.
- Pemohon hendaklah menyatakan cadangan sewa bagi 1 (satu) bulan dengan kadar sewa sebulan tidak kurang \$500.00 dengan menulis angka dan diikuti oleh perkataan di dalam borang tawaran.
- Salinan Sijil Pendaftaran akta nama-nama perniagaan (Bab 16 & 17) hendaklah disertakan.
- Bayaran Dokumen Tawaran dan pentadbiran sebanyak \$30.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai sahaja dalam matawang ringgit Brunei.
- Dokumen dan Borang Tawaran serta syarat-syarat tawaran boleh didapati:-  
Unit Perkhidmatan dan Tawaran  
Tingkat 1, Bahagian Kewangan,  
Pejabat Besar Pos,  
Bandar Seri Begawan BS8611  
Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan diterima.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar di dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan:  
"TAWARAN MENYEWAWA TINGKAT ATAS PEJABAT POS LUMUT BAGI MENJALANKAN PERNIAGAAN CYBER CAFE'/ KEDAI BUKU/STATIONERY ATAU LAIN-LAIN YANG BERSEBUAIAN  
RUJUKAN NO : POS/02/02.37 Pt.1.  
Dialamatkan kepada :- PETI SEBUT HARGA, TINGKAT 1, BAHAGIAN KEWANGAN, PEJABAT BESAR POS, BANDAR SERI BEGAWAN BS8611, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
- Tarikh tutup tawaran ialah pada hari **Khamis, 20 Oktober 2005** jam 10.00 pagi. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang telah ditetapkan tidak akan diterima. Tarikh tutup hendaklah ditulis di atas sampul surat tawaran.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.



**JABATAN  
RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN : RTB/16/05**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi PEMBESARAN DAN PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN PUSAT PERKEMBANGAN PENYIARAN RTB, KG. MADANG.
2. Sebelum Dokumen Tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor, berdaftar dalam Kelas III ke atas kategori (4a) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan.
3. Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Penolong Pengarah Kejuruteraan, Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam dengan menunjukkan resit bayaran yuran berjumlah \$ 50.00 (tidak dikembalikan).
4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang disediakan, di dalam sampul surat yang tertutup rapi, dengan menyatakan:-

TAWARAN : "PEMBESARAN DAN PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN PUSAT PERKEMBANGAN PENYIARAN RTB, KG. MADANG"

No. Tawaran : **RTB/16/05**

Tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditunjukkan kepada:-

Pengerusi,  
Lembaga Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat,  
Jalan Elizabeth II,  
Bandar Seri Begawan BS8610,  
Negara Brunei Darussalam

dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan Sekretariat, Jabatan Perdana Menteri tidak lewat dari hari **Selasa, 11 Oktober 2005**, jam 2.00 petang.

5. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN  
PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**PENUTUPAN KAUNTER PEMBAYARAN**

KEPADA semua pelanggan yang dihormati, semua kaunter-kaunter pembayaran Bil Elektrik termasuk kupon Meter Pra-Bayar akan ditutup pada:-

**Hari Selasa, 4 Oktober 2005 atau Hari Rabu, 5 Oktober 2005. Cuti Awam bagi Awal Ramadan (tertakluk kepada perubahan)**

Para pelanggan yang berhasrat untuk berurusan dengan kaunter pembayaran termasuk pembelian kupon Meter Pra-Bayar adalah dinasihatkan supaya akan dapat berurusan sebelum tarikh berkenaan. Jabatan memohon maaf jika berlaku sebarang ketidakselesaian.



**DI DALAM  
MAHKAMAH PEGAWAI WARIS  
BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA NO. LA/177/2005**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Hj. Matzin bin Hj. Kadir @ Abd. Kadir** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dimiliki oleh **Dayang Besar binti Haji Kadir** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah adik beradik kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan dide-ngarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **28 September 2005** pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 19 September 2005.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.



**JABATAN PERANCANG BANDAR  
DAN DESA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**JAWATAN KOSONG**

**JAWATAN : PEMBANTU PERANCANG KANAN  
GAJI : \$90.00 SEHARI  
DI JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA,  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN (KHUSUS CAWANGAN  
DAERAH TEMBURONG)**

**SYARAT KELAYAKAN :**

- a) Mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b) Mempunyai kelulusan Higher National Diploma (HND) dalam bidang bangunan atau perancangan bandar atau kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang berkenaan.
- c) Mempunyai pengalaman dalam bidang teknikal bahagian bangunan adalah satu kelebihan.
- d) Kebolehan menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :**

1. Membantu Pegawai Perancang Bandar dan Desa dalam mengendalikan penyelidikan, kajian dan penyediaan pelan-pelan perancangan pembangunan.
2. Mengendalikan dan menyediakan ulasan-ulasan terhadap permohonan-permohonan kemajuan tanah dan bangunan yang dikendalikan oleh jabatan dan permohonan-permo-

- nan lain yang dirujuk ke jabatan ini dan melayan pertanyaan orang ramai.
3. Menerangkan, mengatur dan mengawasi dari masa ke semasa tugas-tugas Pembantu Perancang.
4. Menyemak dan meneliti serta mengulas laporan-laporan Pembantu Perancang sebelum dihadapkan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan.
5. Membuat laporan-laporan yang dikehendaki bagi projek-projek penyediaan pelan-pelan perancangan dan pemilihan tapak.
6. Melaksanakan arahan-arahan pegawai atasan dari masa ke semasa.

**TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN :**

1. Pemohon-pemohon yang berjaya akan di pertimbangkan untuk disokong dan ditetapkan ke jawatan bergaji bulan jika mempunyai kesesuaian dan prestasi yang baik.
2. Pemohon-pemohon yang berjaya akan ditempatkan di Daerah Temburong dan hendaklah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam.
3. Permohonan yang tidak memenuhi syarat iklan tidak akan dipertimbangkan.

Permohonan mestilah menghadapkan borang SPA 1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama butir-butir peribadi (biodata), salinan sijil-sijil kelulusan dan surat-surat akuan kepada Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam. Penerangan lanjut bolehlah diperolehi melalui talian 2382591 Ext No. 6632

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 15 OKTOBER 2005**

**SENARAI SYARIKAT-SYARIKAT YANG DIBENARKAN MENGENDALIKAN PERKHIDMATAN PAKEJ UMRH BAGI TAHUN 1426 HIJRIAH/ 2005-2006 MASIHI**

JABATAN URUSAN HAJI, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam kini memaklumkan bahawa KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM telah mempersetujui sebanyak 13 buah syarikat agensi pelancongan bagi mengendalikan perkhidmatan pakej umrah bagi tahun 1426 Hijriah/2005-2006 Masihi.

(1) SYARIKAT PENERBANGAN DIRAJA BRUNEI RBA Plaza, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. No. Tel: 2240500	(2) DARUSSALAM HOLDINGS SDN. BHD., Sudut Taibah, Tingkat 1, Kompleks Setia Kenangan, Kampong Kiulap, BE1518, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. No. Tel: 2237964/2231965/ 2238160
(3) TITIAN TRAVEL & TOURS No: D 8, 1st Floor, Bangunan Haji Lazim dan Anak-anak, Kampong Kiarong BE1318, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. BS8711, No. Tel: 2453111/ 2453113, No. Faks : 24531144	(4) HUMAIRA TRAVEL CENTRE (BORNEO) SDN. BHD. F1 (60 - 56), Teck Guan Plaza, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. No. Tel: 2220511 / 2232151 No. Faks : 2240692
(5) TAIWAH TRAVEL SERVICES SD. BHD., A 7, 1st Floor, Bangunan Haji Abd. Rahman bin Awg. Hassan dan Anak-anak, Simpang 88, Kampong Kiulap, Negara Brunei Darussalam. No. Tel : 2220169 / 2220170 No. Faks: 2220203/ 2220205/ 2225554	(6) TRAVEL TRADE AGENCIES SDN. BHD. No. 8, Blok A, 2nd Floor, Shakirin Complex, Kampong Kiulap, Negara Brunei Darussalam, No. Tel: 2237860/ 2237861 No. Faks : 2237862
(7) H.T.H TRAVEL AGENCY, Tingkat 1, No. 21, Bangunan Komersial dan Perdagangan Bumiputera, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan. No. Tel: 2239106/ 2239107 No. Faks: 2239087/ 2653451	(8) ANTARA TRAVEL & TOURS No. 1, Blok D, 1st Floor, Shakirin Complex, Simpang 88, Kampong Kiulap, Gadong BE1518, Negara Brunei Darussalam. No. Tel: 2237935/ 2237936 No. Faks: 2448817
(9) PGGMB TRAVEL SERVICE Unit 101, 1st Floor, Bangunan Guru-Guru Melayu Brunei, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam BS8111, No. Tel: 2223693/ 2223694/ 2223695 No. Faks: 2223693	(10) JB TRAVEL & INSURANCE AGENCIES 18A, Tingkat 6, Darussalam Complex, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. No. Tel: 2239124 No. Faks: 2239125
(11) TENAGA TRAVEL AGENCY SDN. BHD. Tingkat 1, No. 14, Bangunan Komersial dan Perdagangan Bumiputera, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. No. Tel: 2223924/ 2223925 No. Faks : 2223925(9).	(12) BRUNEI TRAVEL SERVICE SDN. BHD. Unit 1A, Tingkat 1, Wisma Hajah Fatimah 22/23, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan BS8811, Negara Brunei Darussalam. No. Tel : 2236006/ 2225664/ 2225665 No. Faks : 2241751
(13) PAN BRIGHT TRAVEL SERVICE 38 - 29, Bangunan Laksamana Haji Ahmad, 1st Floor, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. No. Tel: 2240985/ 2240987 No. Faks: 2240979.	



**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI  
DAN MAHKAMAH BESAR  
BANDAR SERI BEGAWAN**

**KEBANKRAPAN NO 74/2005**

BAIDURI FINANCE BERHAD  
.....Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen  
LAWAN

ASBOLLAH BIN RADAT (BYIC NO. 00-025070)  
.....Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :  
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 8 September 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui : 1. ASBOLLAH BIN RADAT, No. 10, Simpang 287-17-45, Kampong Subok, Jalan Kota Batu, Negara Brunei Darussalam.  
Tarikh Petisyen : 16 Jun 2005. Bertarikh 14 September 2005.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 8 September 2005. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmii, Mahkamah Besar pada **28 September 2005** jam 3.15 petang.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **28 September 2005** jam 3.15 petang.

Bertarikh : 14 September 2005.

LIM SIEW YEN  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmii Mahkamah Besar

**E**NTAH kenapa di akhir-akhir ini hatiku selalu dihantui oleh kesepian. Sering kali kumembawa lari perasaanku beralih ke acara lain, namun sepi itu tetap tak mau berganjak dariku. Dari terus ku tak berhaluan lebih baik kumelayani lamunanku. Tiba-tiba ada suara manis menyapaku, "Kak Win, aku... jadi... bingung," ku tersedar dari lamunanku apabila mendengar suara sayu adikku, belum sempat ku menjawab adikku Hamidah menambah katanya lagi. "Aku jadi kurang yakin dengan keadaan babu sekarang, kelihatan di raut muka babu ada tanda yang kurang baik....," sambil mengesat air matanya. "Ya aku juga merasakan seperti apa yang kau rasakan waktu ini, tapi apa yang harus kita lakukan ialah usaha dan doa dik." Begitulah keadaanku, walaupun di hatiku sendiri menaruh kebanggaan tentang keadaan ibu waktu itu, memandangkan keadaan ke-

sehatan ibu yang semakin sehari kesihatan beliau semakin menurun, menurut penerangan dari para doktor yang merawat beliau ketika ini. Di sisiku juga teringat kakak ipar, beliau lebih banyak berdiam dari berkata-kata, dia juga pernah mengalami kesedihan yang sama dan mungkin terbayang kembali di fikirannya ketika arwah suaminya pergi menghadap Ilahi kerana mengalami sakit yang serupa.

Memang ibu sudah lama ditempatkan di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha atau lebih singkatnya dikenali RIPAS. Dan ujian demi ujian telah dijalankan dan akhirnya beliau didapati dan disahkan menghidap kanser hati. Kami merasa tidak mau menerima semua keputusan dan penjelasan dari doktor, tapi apakan daya, itu adalah penyakit yang telah dianugerahkan Allah adalah satu kenyataan. Kami pasrah kepada Yang Maha Kuasa. Bermacam usaha dan daya telah dilakukan, namun kami sebagai anak-anaknya belum mau berputus asa. Dan usaha yang terakhir bagi perawatan ibu akan dilanjutkan di Singapura atas perbelanjaan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Kesihatan.

Kami merasa sedikit lega, kemungkinan besar ibu akan sukses menjalani rawatan di luar negara. Walaupun ibu begitu kurang berkeyakinan namun kami sering memberikan semangat dan perangsang agar ibu mahu menjalani rawatan di Singapura. Akhirnya pada pagi Selasa itu juga, ibu diterbangkan ke Singapura dengan Penerbangan Diraja Brunei.

"Bu, insya-Allah babu akan sembuh ya... kami akan sentiasa mendoakan babu, dan kami juga tetap ada di samping babu, walaupun babu di Singapura," begitulah kata pujukanku mewakili dari adik-beradik yang lainnya, walau itu hanya sebuah janji untuk menguatkan semangat ibu dikala itu. Di mana kelihatan ibu semakin lemah dan pucat sewaktu beliau berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Ibu hanya mengangguk-anggukkan kepalanya tanda setuju dan di matanya berjuantana mutiara putih satu demi satu jatuh di pipinya yang sudah kelihatan cengkung dan berkedut. Apakah kepergiannya itu atas kerelaannya sendiri atau beliau hanya terpaksa bersetuju atas kehendak kami demi untuk kebelaannya. Hanya Tuhan yang tahu apa yang ada di hati ibu saat itu. Ketika itu, keluarga dan sanak saudara ramai menghantar ke lapangan terbang, seperti sudah menjadi suatu tradisi bagi orang-orang Brunei. Sakit dan senang sama dirasakan. Mereka mengiringi pemergian beliau ke Singapura dengan penuh


harapan dan doa semoga ibu akan sembuh setelah menjalani rawatan di sana.

Sampai saja ibu di Singapura, dia sudah tidak sedarkan diri, lalu dikejarkan ke hospital dengan diberikan rawatan kecemasan. Kelihatan para doktor waktu itu betul-betul cemas. "Tuan Doktor, bagaimana dengan keadaan babu sebenarnya?" Alhamdulillah doktor telah memberikan penerangan tentang keadaan dan sakit ibu, juga sama seperti apa yang telah diterangkan dan dijelaskan oleh para doktor yang merawat beliau sewaktu di Hospital RIPAS. Mereka akan tetap berusaha untuk menyembuhkan penyakit ibu. "Biskita tau, keadaan babu biskita, antara yang membuat sedikit sulit ialah beliau mempunyai sejarah penyakit seperti darah tinggi, kencing manis, jantung dan tidak dinafikan sudah menjangkau usia yang sudah tua," jawab salah seorang doktor ketika itu. "Ya, babu kini menjangkau usia ke-75 tahun," kata salah seorang adik lelaki kami. Doktor men-

dekati sambil menggosok-gosok belakangku. "Banyakkan sabar dan berdoa untuk ibu ya, kami tetap berusaha untuk kesembuhan beliau." Doktor cuba menenangkan keadaan kami di waktu itu.

Di sepanjang ibu di North University Hospital Singapura, beliau menerima rawatan yang boleh dikatakan sangat memuaskan dan terbaik, bukan hanya untuk ibu tua yang sakit, malah kepada keluarga kami semua. Tidak dinafikan sungguh jauh perbezaan antara rumah sakit di sini dengan rumah sakit di negara kita dan saya tidak juga menjelekkan keadaan rumah sakit di negara sendiri, apa kata peribahasa, hujan emas di negeri orang hujan batu di negeri sendiri, lebih baik berhujan batu, tapi ini adalah satu kenyataan. Saya tidak mengukur dari segi perubahan memang first class, tapi dilihat dari segi rawatan dan layanan, sungguh mengecewakan. Di sini layanannya cukup istimewa, sekalipun nampak di mata kami bagaimana kesibukan para doktor dan petugas melayani para pesakit namun di wajah para doktor dan petugas sentiasa memberikan senyuman yang manis dan menggambarkan wajah yang riang, sapaan dan teguran yang menyamankan perasaan, hinggan kami merasakan penuh kedamaian dan keselesaan.

"Alai Sah, kau pulang saja ke hotel, biarkan kami yang menunggu babu malam ini, insya-Allah pagi



## ANTARA KENANGANKU

besok, kau datang menggantikan tempat kami," kataku pada adik perempuan yang bongsu. Alai Esah anak bongsu yang paling terdekat dengan ibu. Aku tau perasaan hatinya, dan hampir tiap hari dia menangis di saat ibu semakin tenat.

"Ia, Kak Win, aku balik ke hotel dulu, mandi dan menidurkan anak kecilku dulu," sedikit air mata mulai menurun. "Kutinggalkan babu sama biskita, kalau ada apa-apa, cepat-cepat sms aku ya," tambah lagi, dan di tangannya mendukung anak perempuan yang comel baru saja berusia dua tahun, juga kelihatan sudah nyenyak tidur mendakap di bahunya. Hatiku terharu melihat dia, aku yakin dan percaya bahawa dia berada dalam keadaan yang serba salah. "Ya, kau berehat saja dulu, kami akan sms, jika ada sebarang perubahan," sahut adikku Hamidah. "Ya Lai Sah, kau juga kelihatan pucat dan lesu, rehatlah dulu, jangan sampai kau juga nanti sakit," pintaku pada adik bongso itu.

Sebelum dia meninggalkan ibu yang sakit tenat

**KAMI merasa sedikit lega, kemungkinan besar ibu akan sukses menjalani rawatan di luar negara. Walaupun ibu begitu kurang berkeyakinan namun kami sering memberikan semangat dan perangsang agar ibu mahu menjalani rawatan di Singapura. Akhirnya pada pagi Selasa itu juga, ibu diterbangkan ke Singapura dengan Penerbangan Diraja Brunei.**

## GERPEN

OLEH AMAS BARUNAI

**BIARLAH ibu pergi dengan penuh kedamaian. Dan kami anak-anakmu akan terus mendekatimu, akan terus berkunjung ke pusaramu. Akan terus mendoakanmu wahai ibu, semoga roh ibu akan ditempatkan bersama-sama dengan roh orang-orang yang salih, takwa dan beriman. Amin!**

menghadapi keadaan ini, walaupun kami dalam keadaan diam membayangkan ada kesedihan di hati kami, namun dia berusaha untuk bercanda. Akhirnya dia mampu membawa kami tersenyum. Memang dia seorang adik yang suka menghiburkan hati kami, baik dalam keadaan yang selesa mahupun sebaliknya. Setelah para jururawat selesai dengan tugas mereka mengurus ibu. Kami dipersilakan masuk lagi. Adik lelakiku bersama isterinya masuk dulu menemui ibu, kerana kami memberikan ruang yang selesa pada ibu agar tidak merasakan kesesakan terus, sudah beberapa hari ini, dari pagi hingga malam, ibu sering dikunjungi oleh sanak saudara dan kawan teman yang datang dari Brunei.

Entah malam itu matakun taku mengantuk, biarpun jam sudah menunjukkan pukul 2.00 pagi. Kulihat adikku Hamidah

pada diriku sendiri. Sambil membaca Surah Al-Faatihah, aku terus memegang tangan ibu. Ternyata aku merasakan ada pergerakan dari tangan ibu. Aku berlari mendapatkan adik dan kakak iparku. Mereka bangun dan terus memegang tangan ibu, sambil dengan nada perlahan memanggil ibu. Mengharapkan bahawa itu adalah satu petanda yang baik bagi bagi ibu, apakah ibu akan sadar dari komanya. Aku berlari mendapatkan jururawat sambil mengkhabarkan tentang keadaan ibu. Mereka mula melakukan sesuatu pada ibu. Apakah juga mereka seperti kami mengharapkan agar ibu sedar. Atau mungkinkah mereka juga tau apa akan terjadi selanjutnya. Tapi Yang Maha tahu, hanya Allah Subhanahu Wataala saja. Detik demi detik, kelihatan jururawat dan para doktor mulai sibuk dan meminta kami untuk menghubungi keluarga yang ada di Singapura waktu itu. Aku makin bingung dan meminta adikku membuat panggilan dan menghantar sms kepada mereka. Kakak iparku membaca Surah Yaa Siin, manakala aku sudah mulai lemah. Namun kami sempat membisikkan ke telinganya berkata dengan lembut, "Bu ingat pada Allah ya, Allah, Allah....." Begitulah usaha kami di akhir saat-saat sebelum ibu menghembuskan nafasnya. Dan beberapa minit sebelum ibu pergi, semua keluarga sempat berkumpul di sisi ibu yang tercinta. Dan kira-kira jam 4.45 pagi dan setelah terdengar suara azan Subuh, ibuku telah pergi menghadap Allah. Kembalilah ibu dalam tenang.

Biarlah ibu pergi dengan penuh kedamaian. Dan kami anak-anakmu akan terus mendekatimu, akan terus berkunjung ke pusaramu. Akan terus mendoakanmu wahai ibu, semoga roh ibu akan ditempatkan bersama-sama dengan roh orang-orang yang salih, takwa dan beriman. Amin!

Dan kami yang tinggal ini akan tetap berusaha untuk sentiasa bersatu padu dalam kelompok keluarga yang pernah ibu inginkan. Suatu kebahagiaan bagi ibu sewaktu dia masih sihat dan kuat. Inginkan semua anak-anaknya sentiasa berkasih sayang. Semoga kami akan dapat mewujudkan harapan dan hasrat ibu. "Ibu, kau tetap wujud dalam memori kami untuk selamanya," kata hati kecilku.

adu nyawa. Aku melangkah ke sudut katil beliau dan mencapai buku Surah Yaa Siin dan sambil mengesat air mataku, aku mulai membaca bersama adikku Hamidah. Setelah selesai kami membaca, jururawat datang dan meminta kami untuk meninggalkan kamar ibu sekejap kerana mereka hendak membersihkan ibu.... "Maaf ya kak, kami ingin membersihkan makcik...." Kata salah seorang jururawat sambil menghadihkan senyuman manisnya pada kami. "Ya, silakan dan terima kasih ya nurse," kataku sambil kami meninggalkan ibu yang sedang diurus oleh pihak jururawat. "Ya Tuhan, sungguh mulia tugas kamu wahai jururawat, terima kasih kami padamu," kata hati kecilku sambil membalas senyum mereka.

Kami bertiga mengambil minuman panas yang telah disediakan oleh pihak hospital. Dan masing-masing membawa dua keping biskut kering dan terus ke ruang tunggu di mana terdapat beberapa buah sofa yang telah disediakan untuk berehat. Kebetulan juga petang itu perut kami sudah merasa lapar, apatah lagi ditambah dengan kedinginan dan sejuk dalam ruang yang sentiasa berhawa dingin itu. Kami hanya berdiam diri tanpa mahu mengeluarkan suara. Mungkin di fikiran masing-masing mempunyai suara tersendiri.

Tiba-tiba muncul lagi adik lelaki kami bersama isterinya. Dia begitu kuat

# Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

## EUFISME

Bila ujaran tatkala bersimpangan  
kelu lebih aman daripada berbicara  
lingkaran kabut menempa dan menjalar  
maka saraf-saraf akan tersentak-sentak  
bergelagak menari irama hitam  
berbicaralah dengan kepala ringan  
kata-kata pilihan jangan kau lupakan.

Pasti terguris hati kala kasar bicara  
kerana tabu dan nista menjahanamkan  
menampar pedih wajah kabut kelelahan  
kemelut hati tak berselindung terpancar api  
ironisnya kata hati bertentangan  
maka eufisme itu wajar  
penyelamat menamatkan tingkah.

MB Nannie

## APA ADA?

Ada apa dengan salam  
bertemu untuk berpisah?  
ada apa dengan malas  
bergerak untuk bertahan?  
ada apa dengan samal  
memilih untuk bertindak?  
ada apa dengan lemas  
tercungap untuk nafas?

Ada apa dengan kata  
kita bercanda untuk siapa?  
ada apa dengan pinta  
kita berayu untuk apa?  
ada apa dengan cinta  
kita berkasih untuk kenapa?

## TERAS

Tanyalah pada pokok bergoyang  
daun memburai  
dahan yang beranggukan  
jari-jari ranting menggaru  
tanyalah.

Akar menjalar  
berserabut menggal tanah  
mencabar rebut renggutan.

Bila masa kaurebah pokok  
kau dicincang, dan  
dilandakahi.

Tanya  
... lah

## AMAN

Hati ini tergaru dengan cakaran kalimah  
basah lidah menyeru angin  
hati ini terusik dengan rangkaian sujud  
mata berair memandang tanah  
hati ini tersentuh dengan penahanan gerak  
perut menggetus bahang kering  
hati ini terpaud dengan sebutan-Mu  
jantung berdegup darah mengalir tenang.

Di mana akan kuletak hati  
sedang aku tidak melihatnya  
tetapi bicaranya Kau dengar:  
amankan hatiku  
kala rindu dan dendam  
tercabar.

Z.A. Brunei

## TITIAN

Wajah-wajah  
resah gelisah  
senyum riang  
titian di atas  
lingkaran bara api  
menggelodak bahang  
antara dua dalam  
kalam bersambut  
titian perjalanan  
menuju gerbang firdaus  
berbahagialah mukmin  
melintas pantas seperti kilat,  
bagaimanakah nasibmu  
oh insan mungkarat?

## PELABUHAN SENJA

Bertali gemawan  
teraju arus  
di hujung pelabuhan  
kupandang ke kanan  
beburung pulang  
senja perlahan merangkak  
laut berlinang dengan tenang  
sedamai paksi lantera langit  
dalam awan kelabu.

Memamah mata  
di seberang tanah  
menyala mega-mega  
merak kayangan.

Sesayup senja  
hanyut terapung  
alam hilang sejuta kata  
membisu sorotan makna  
tutuplah lepas pandangan.

## BANGSAKU

Rawan awan di langit biru  
teja pelangi pudar sayu  
bumi kupijak hambar tanah  
pada lautan terbentang  
alur sungaiku kabut  
mentari timur suram  
di barat mentari bangkit cepat.

Siapa-siapa  
perkasa menongkah badai ombak mengganas  
meniup angin, menghembus bencana  
tanah pertiwi yang kian rancam  
ditimpa ribut pukulan gelora mencengkam.

Ayuhai bangsaku!  
jika kau ditanya  
kenapa Melayu terkulai layu  
kau jawablah  
bangsaku sering lupa diri  
lupa asal usul  
tidak tahu diri  
bila menghirup madu sari.

Adi Swara

## SEPI MENDARAM

Jauh di pedalaman  
daerah yang melimpah-ruah hasil hasilnya  
air tasik bergenang mengalir lalu  
puncanya gugur dari Teraja  
gugurnya bising membingitkan  
namun di sebalik percikan  
berselindung kesepian.

Gusar dan gundah  
seperti kau terasa dirimu disisihkan  
jauh di rimba bukan alasan  
bahkan Kilimanjaro sudah ditakluk  
mana dia si jejak handalan  
mana dia si gadis anggun  
mana dia si kecil cilik pintar  
yang mengaku diri anak watan  
ijap untuk mengunjungi dirimu  
yang terus sepi kesunyian.

Mendaram  
senyumanku, air mataku, doaku dan harapanku  
kutitipkan buat dirimu  
agar ada insan yang prihatin terhadap  
kebahjikanmu  
agar pentadbir mahu menghampiri dan  
mengelinka sepimu.

## GEMILANG HIJAU BELALONG

Berbelas tahun lampau  
kuterjah lorong-lorong semak dan basah  
seolah peneroka cuba menakluk dunia baru  
semua diteliti dan dikaji  
haiwan, tumbuhan, sungai dan udara  
terperangkap dalam pemerhatian.

Ramai yang semakin tahu dirimu  
potensimu pada negara menggerunkan  
memberi harapan kepada yang jahil dan daif  
jadi sumber tarikan, punca laba  
ramai dari jauh dan dekat  
mendekati wilayah hijau, mendaki ke puncak  
satu tujuan murni pun termaktub.

Kini  
namamu, kewujudanmu  
menggamit perhatian sejagat  
hijau seluas mata memandang  
di dalamnya tersembunyi seribu rahsia  
yang bakal dikupas dan dibukukan  
dikongsi sama penghuni sejagat.

Kini  
kau tersenyum puas  
kau gah di persada dunia  
menjadi warisan tanah airku  
betapa bangga ku menjadi rakyat Brunei,  
memiliki dirimu yang sekian lama hijau  
dan bakal terus menghirau sampai bila-bila.

## ASSALAMUALAIKUM BRUNEI DARUSSALAM

Assalamualaikum  
kutujukan kepada kamu  
kutujukan kepada masyarakatku

kutujukan kepada negaraku  
Negara Brunei Darussalam yang kukagumi  
tempat tanah tumpah darahku.

Apa khabar Brunei Darussalam  
adakah semuanya aman sejahtera  
ceria bahagia, makmur sentosa  
adakah semua orang senyum gembira.

Atau masih ada yang berduka lara  
adakah semuanya sudah awal berpuas hati  
atau masih punya semangat membangun negara  
buat hadiah kepada anak cucu cicitnya  
yang menanti sumbangan generasi sebelumnya.

Negaraku  
abad baru telah kita masuki  
alaf baru sedang kita tempuhi  
namun adakah isi hatimu turut berubah  
mahu berubah  
atau masih terheret-heret ditahan ulah  
dan sikap yang diamalkan di abad lama, di alaf  
lama.

Negaraku  
kadang-kadang ku bermuram durja  
mengenang segelintir rakyatmu  
yang acuh tak acuh, yang membiarkan dirimu  
terkatung-katung  
kekadang kutangisi nasibmu  
yang diperolok dan diperbudak oleh anasir  
dan musuh  
yang memperkecilkan jiwamu, semangatmu  
kekadang ku menaruh harapan  
mendidik anak bangsaku dan generasi seterusnya  
tentang erti kenegaraan, kesinambungan dan  
kekukuhan  
kekadang kusenyum bangga dan kagum  
menjadi saksi kecemerlangan, kewibawaan dan  
kegigihan anak bangsaku  
mengatasi segala cabaran, menempuh pelbagai  
halangan dan cubaan  
untuk berdiri di puncak dunia  
namun kutanya diriku, dan diri kamu,  
seramai manakah yang membaca karya ini  
akan mengikuti jejak langkah mereka  
kalau tidak sekarang, bila lagi, kalau tidak  
kita, siapa lagi  
yang akan menggalas harapan bangsa dan negara.

Survival bangsa berada di tangan kamu,  
pembangunan, kemajuan dan kemakmuran  
negara berada di minda kamu  
kita jadikan hari ini sebagai detik permulaan  
kita mencorak warnakan segalanya, kita  
mereka cipta masa depan kita  
dan kita pastikan Negara Brunei Darussalam  
akan tidak hapus, tidak pupus, tidak hilang  
dari dunia sampai bila-bila.

Ugan Brunei

## BICARA

Kita telah selalu bicara  
tentang  
hari-hari semalam  
yang penuh luka  
dan air mata  
kegagalan  
yang bertimpa  
menjurus kecewa.

Kita selalu bicara tentang si polan  
atas alasan  
kebenaran  
namun hakikatnya  
tetap umpatan  
atau  
atas dasar khabar  
yang disebar  
waima fitnah  
pasti memusnah  
kita selalu bicara  
tentang dia  
yang disanjung ternama  
ah, kemampuan tidak  
seberapa  
sedangkan ini adalah  
keluhan  
dari sebuah hasad  
hati yang berkarat.

Apakah  
yang didapat  
megimbau masa silam  
yang duka?  
mendodoikan lagu usang  
dalam kelongsong  
kehidupan  
sedang kita  
bukan merempat!

Di mana manfaatnya  
mencerca cela  
makhluk-Nya,  
merasakan diri  
lebih sempurna

atas alasan  
apa pun.

Marilah  
saat ini kita bicara  
tentang anak-anak kita  
yang entah di mana  
kerana kita  
terlalu memisi  
kuman di seberang sana.

Marilah kita bicara  
tentang kebobrokan dunia  
dan seantero isinya  
tentang bagaimana kita  
akan menghapus kezaliman  
mengatasi pencemaran alam  
membasmi kemiskinan  
memerangi kejahilan  
kemaksiatan  
yang semakin  
mencengkam.

Marilah kita bicara  
tentang bagaimana  
mengembalikan  
maruah Islam  
yang gemilang demi sebuah  
ummah yang agung  
dihormati  
yang punya harga diri  
dan pastinya  
diredai Illahi!

Mira Tania

## CUCUKU

Cucuku ini  
ingin duluan kuajari  
alif ba ta  
agar bila dewasa  
bisa menjadi  
Al-Hafiz ternama

Cucuku ini  
ingin duluan kudidik  
ilmu agama  
agar bila besar nanti  
akan menjadi  
insan bertakwa.

Cucuku ini  
ingin duluan kujinakkan  
dengan zikrullah  
mengharap hatinya  
nanti  
selalu resah rindu  
ingat Allah.

Cucuku ini  
ingin duluan kubiasakan  
doa-doa  
sebagai senjata  
pendamping hidupnya  
yang pasti penuh  
pancaroba.

Tapi kata abahnya  
biarlah ia belajar  
abjad abc dahulu  
kerana itu lebih perlu  
demi tuntutan hidup  
yang maju dan jitu.

Cucuku  
siapalah aku  
di hadapan abah ibumu  
mereka lebih berhak  
mencorak kanvas hidupnya  
dengan pilihan  
warna pilihan  
atas dasar sekularisme.

Cucuku  
siapalah aku di mata mereka  
cuma seorang tua yang ketinggalan  
zaman arus kemodenan  
lalu tersadai di tebing  
kedunguan.

Cucuku  
aku hanyalah seorang nenek  
ingin membetulkan kesilapan lalu  
lewat usia dan pengalaman  
dan pastinya lebih dulu  
makan garam!

Maafkan aku  
cucu!  
kerana cuma termampu  
berdiri di sini  
sebagai pemerhati  
sejarah silam berulang lagi.

Ummu REZA



سنتياس برسام بيسكيت  
Sentiasa Bersama Biskita

# سوسون رنچاغن تيليسيشن

## susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

<b>R A B U</b>  <b>28 SEPT</b>	<b>PAGI</b>	10.00	RANCANGAN HARI INI	<b>PETANG</b>	6.14	AZAN MAGHRIB	8.50	DRAMA CO PROD - 'Korban'	
		10.02	TELENOVELA-		6.45	SINAR SR. 2			
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.50	'Betty The Ugly One'	4.00			9.30	TRADISI
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		HALF AWAY ACROSS	4.02	<b>MALAM</b>		10.00	NEWS AT 10
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung		THE GLAERY AND TURN LEFT	4.15		7.00	10.30	BRUNEI LEAGUE 2005
	9.00	BERITA	11.20	LIPUTAN SEMASA - Ulangan	4.20		7.20	11.00	COSBY SHOW - 'Chilly Scences of Winter Golf'
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.35	DRIVE	5.05		7.23	11.30	THE PRACTICE - 'Cheer'
		12.00	SIARAN TAMAT	5.30		8.00	01.00	DOA DAN SIARAN TAMAT	

<b>K H A M I S</b>  <b>29 SEPT</b>	<b>PAGI</b>		Sambungan	<b>PETANG</b>		Covered'	8.50	AN NUUR - Siaran Langsung	
		10.00	RANCANGAN HARI INI	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45		NEWS AT 10	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.02	TELENOVELA-	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.14	10.00	DRAMA - 'Pada-Mu Aku Bersimpuh'
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		'Betty The Ugly One'	4.15	RANCANGAN HARI INI	6.45	10.30	WAYANG PILIHAN - 'The Bachelor'
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00	MASAK APA Sr. 2	4.20	ANIMATION HOUR - 'Sleeping Beauty/ Teletubbies' Sr.3	<b>MALAM</b>		
	9.00	BERITA	11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan	5.05	ON THE BALL	7.00	11.00	DOA DAN SIARAN TAMAT
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.00	SIARAN TAMAT	5.30	DOKUMENTARI - 'Stonehence Red Is	7.23		
						8.00	12.30		

<b>J U M A A T</b>  <b>30 SEPT</b>	<b>PAGI</b>	10.25	JOHAN, THE YOUNG SCIENTIST	<b>JUMAAT -</b>	3.23	AZAN ASAR	7.20	JASAMU SR. 2	
		10.50	BEING EVE - 'Being Upstaged'	Siaran Langsung	3.30	TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan	7.23	AZAN ISYAK	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	APA INI APA ITU	<b>PETANG</b>	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.30	BERITA	1.30	VISI SUCI	6.00	9.00	FIKIR-FIKIR SR. 2
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.45	MUSLIM WORLD	2.00	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung	6.14	9.30	GLOBAL ALERT
	9.00	BERITA	12.15	TECHONOLOGY	2.30	DINAMIK Sr. 17	6.45	10.00	NEWS AT 10
	10.00	RANCANGAN HARI INI	12.30	STARTERS	3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Khoob Surat'	<b>MALAM</b>	10.40	KHUTBAH JUMAAT
10.02	ANNA'S TALES		SEMBAHYANG FARDU			7.00	10.55	TELEDRAMA - 'Adam, Hawa dan Nafsu'	
							12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT	

<b>S A B T U</b>  <b>1 OKT</b>	<b>PAGI</b>	10.05	BUG ALERT SR. 2/ THE LOST WORLD	<b>PETANG</b>	3.23	AZAN ASAR	7.25	AZAN ISYAK	
		10.50	CONTROL FREAKS	12.45	PANGGUNG PETANG	4.10	7.25	INNOV 8	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.20	DRAMA CO PROD - 'Diandangan Bujang Si Gandam' - Ulangan	5.00	SABTU - 'Escape From Atlantis'	5.00	8.00	BERITA NASIONAL
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.30	BERITA	2.15	KAMPUNG KITA - 'Kampung Madang' Bhg. II - Ulangan	5.45	8.50	HIBURAN HUJUNG MINGGU - 'Untukmu'
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.00	DOKUMENTARI - 'Hidupan Di Halaman Kita - 'Primart' Ulangan	2.45	ODD SPORTS	5.55	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA		AZAN ZUHUR	3.15	CHICAGO HOPE - 'Devolted Attachment'	6.13	10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'K-9 Private Investigator'
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan					6.45	12.00	FAWLTY TOWERS
10.00	RANCANGAN HARI INI	12.12				<b>MALAM</b>	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT	

<b>A H A D</b>  <b>2 OKT</b>	<b>PAGI</b>	10.05	ANIMATION HOUR - 'Magic School Bus/ Even Stevens'	<b>PETANG</b>	3.30	BRIDGING MINDS - Sambungan	7.24	TANAH AIRKU	
		11.00	PIMPING SR. 2	1.15	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2005/2006 - PREVIEW	5.15	7.24	AZAN ISYAK	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	SUNDAY MATINEE - 'King Kong of Atlantis'	1.45	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2005/2006 - HIGHLIGHT	5.45	8.00	BERITA NASIONAL
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.30	BERITA	2.40	JUARA - Siaran Langsung	6.15	8.50	TIRAI KELUARGA - 'Mabuk Kepayang'
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.45	SUNDAY MATINEE - Sambungan	3.15	BRIDGING MINDS	6.15	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	12.11	AZAN ZUHUR	3.23	AZAN ASAR	6.45	10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan					<b>MALAM</b>	11.10	NYPD BLUE YR. 12
10.00	RANCANGAN HARI INI					7.00	12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT	

<b>I S N I N</b>  <b>3 OKT</b>	<b>PAGI</b>	10.02	TELENOVELA-		8.00	BERITA NASIONAL		Vipers'	
		11.00	SELERA ASIA	5.15	JEJAK RASUL SR. 10		12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.30	TECHWATCH Sr. 2	5.45	BERITA	<b>JIKA ANAK BULAN RAMADAN TIDAK NAMPAK DILIHAT</b>	<b>JIKA ANAK BULAN RAMADAN NAMPAK DILIHAT</b>	
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	12.00	SIARAN TAMAT	5.55	MASSIVE NATURE	8.50	8.50	MAJLIS PEMBUKAAN TADARUS
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	<b>PETANG</b>	LAGU KEBANGSAAN	6.12	AZAN MAGHRIB	8.50	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	4.00	TILAWAH AL-QURAN	6.45	MENJELANG RAMADAN	9.30	10.30	SUKAN GLOBAL
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.02	RANCANGAN HARI INI	<b>MALAM</b>	LIPUTAN SEMASA	10.00	11.00	TADARUS
10.00	RANCANGAN HARI INI	4.15	ANIMATION - 'Silver Brumby / Super	7.15	PENGUMUMAN MELIHAT ANAK BULAN RAMADAN	10.30	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT	

<b>S E L A S A</b>  <b>4 OKT</b>	<b>PAGI</b>	10.00	RANCANGAN HARI INI	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.12	AZAN MAGHRIB	TADARUS - Siaran Langsung	
		10.02	TELENOVELA-	4.15	RANCANGAN HARI INI	6.45	AL-ISLAM		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.00	'Betty The Ugly One'	4.20	KID HOUR: 'Carland Cross/New Adventures of Ocean Girl'	<b>MALAM</b>	9.30	DRAMA - 'Puspa Indah Taman Hati Bonda'
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.15	LIPUTAN SEMASA	5.00	DRAGON ALIVE	7.21	10.00	NEWS AT 10
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.00	SIARAN TAMAT	5.25	JEJAK RASUL SR. 10	7.30	10.30	WITHOUT TRACE
	9.00	BERITA	<b>PETANG</b>	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	8.00	11.30	TADARUS
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.00		6.05	KID'S SINAR	8.50	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

# Menerima kunjungan hormat

BERAKAS, Selasa, 13 September. - Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin bin Haji Umar hari ini menerima kunjungan hormat Menteri Negara Bagi Angkatan Tentera United Kingdom, Yang Berhormat Adam Ingram dan rombongan di Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison di sini.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat;

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama John Saville dan Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kolonel (U) Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Saidin.

Yang Berhormat Adam Ingram dan rombongan berada di negara ini bagi lawatan rasmi selama dua hari.

Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom menjalin hubungan di bidang pertahanan dan kerjasama yang sangat erat sejak sekian lama di bidang pertahanan.

Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom juga turut mengadakan mesyuarat ketenteraan setiap tahun bagi memantau pembangunan bidang ketenteraan melalui aspek latihan, pertukaran lawatan dan kakitangan.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail menyampaikan hadiah kepada para peserta Titian Minda. Majlis berlangsung di Dewan Raya RTB. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

# Pasukan pemantau NBD selamat pulang

RIMBA, Jumaat, 16 September. - Seramai lapan orang Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dari Kumpulan Pertama Pasukan Pemantau Antarabangsa (International Monitoring Team - IMT) selamat pulang ke tanah air dari Republik Filipina setelah selesai melaksanakan tugas di sana.

Kumpulan itu tiba jam 3.05 petang menggunakan pesawat udara CN235 Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).

Upacara menyambut kepulangan mereka telah diadakan di Pangkalan TUDB di sini.

Tetamu kehormat pada upacara tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

Turut hadir ialah Pemangku Pemerintah ABDB, Kolonel (U) Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Saidin; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Duta Besar Republik Filipina, Pemerintah-pemerintah dan Komandan-komandan Tentera, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Kumpulan yang tiba hari ini terdiri dari Mejar Haji Damit bin Bakar, Kapten Pengiran Haji Rudy Halyamin bin Pengiran Haji Chuchu, Kapten Aldi bin Haji Hassan, Kapten Mohd. Sallehudin bin Dato Paduka

Haji Puasa, Kapten Haji Fadzil bin Haji Abdullah, Staf Sarjan Japarudin bin Haji Sabtu, Koperal Haji Ramlee bin Seruddin dan Lans Koperal Mazlan bin Rajap.

Sementara itu, Leftenan Kolonel Haji Amiruddin Ehsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Ketua Kumpulan Pertama IMT Negara Brunei Darussalam dan Mejar Azman bin Haji Bangkol kembali ke tanah air pada 21 September.

Juga hadir menyambut kepulangan mereka ialah sanak saudara kumpulan tersebut.

# Titian Minda eratkan hubungan Brunei Darussalam - Singapura

Oleh Mohd. Azrin Mohd. Hassan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 September. - Tradisi merupakan sesuatu yang sudah biasa dan lazimnya dipraktikkan oleh sesuatu bangsa dalam masyarakat. Nilai-nilai dan adat-adat resam akan terus menerus diterapkan walaupun dalam kepesatan pembangunan, malahan ianya juga turut melengkapkan kehidupan yang moden.

Demikian antara hujah-hujah yang telah dibentangkan dalam perbahasan melalui Program Titian Minda yang bertajuk 'Tradisi Menghalang Kehidupan Moden' yang disiarkan

secara langsung dari Dewan Raya, Radio Televisyen Brunei (RTB) di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail dan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Sheikh Haji Adnan serta Setiausaha Kanan Parlimen Republik Singapura, Yang


Berhormat Encik Yatiman Yusuf.

Johan dalam perbahasan Titian Minda pada tahun ini disandang oleh kumpulan penyanggah, manakala pembahas terbaik bagi tahun ini disandang oleh Abdul Hamid bin Aji iaitu bekas mahasiswa Universiti Brunei Darussalam yang mana beliau juga pernah menyandang sebagai pembahas terbaik Titian Minda yang berlangsung di

